

Appendix 1: Research Confirmation Letter

Abu Sofi bin Hasbullah

Lot 687, Jalan Pulai,
Kanchong Darat,
42700, Banting
Selangor.

Tuan Aziz bin Haji Mohamad

Bahagian Dakwah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)
Blok A Dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya

20 Julai 2020

Perhatian : Pengerak Masyarakat Orang Asli (PMOA)
di Kawasan Selangor dan Lembah Klang

PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN TERHADAP PENERAK-PENERAK MASYARAKAT ORANG ASLI (PMOA) DI LEMBAH KLANG DAN SELANGOR.

Sukacita dimaklumkan, saya **Abu Sofi bin Hasbullah** pelajar Sarjana dalam **Dakwah dan Pengurusan Islam** di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ingin menjalankan sesi temuduga bersama para Pengerak masyarakat Orang Asli untuk mencari Data dengan tujuan untuk Kajian Sarjana saya

2. Bersama-sama surat ini saya serta surat pengesahan pelajar untuk menjalankan penyelidikan dari pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk rujukan pihak tuan.

3. Sehubungan dengan itu, saya memohon kebenaran dari pihak tuan untuk menjalankan penyelidikan terhadap pengerak masyarakat Orang Asli di Lembah klang demi meningkatkan cara berdakwah kepada orang asli. Kerjasama dari pihak tuan amat saya hargai.

Sekian. Terima kasih

Yang Benar

Abu Sofi Hasbullah

Appendix 2: Seeking Permission to Do Data Collection & Survey



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

CENTRE FOR GRADUATE STUDIES
Tel: 06-797 8640/8641 Fax: 06-797 8634

USM 2.0/398 (31/14/01)
16 Zulkaedah 1441/ 06 July 2020

Tuan Aziz bin Haji Mohamad
Bahagian Dakwah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)
Blok A Dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya

Attn to: Pengerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di Kawasan Selangor dan Lembah Klang

Dear Sir / Madam,

SEEKING PERMISSION TO DO DATA COLLECTION & SURVEY

This is to certify the status of the following student :

Name : Abu Sofi Bin Hasbullah
I.C./Passport No. : 950419106613
Registration No. : 3181401
Nationality : Malaysia
Faculty : Faculty of Leadership and Management
Program : Master of Da'wah and Islamic Management
Mode of Study : Master by Research
Duration of Study : 2 - 8 Semesters
Current Semester : 4
Thesis Title : Communication Approach for Dakwah Bil Mauizatul Hasanah Among Orang Asli Sepang Selangor

Your willingness to provide insights on the matter related to his / her study is highly appreciated.

Thank you.

"KNOWLEDGEABLE, DISCIPLINED, AND DEVOUT"

Yours Sincerely,


(UMAR HAZIQ AMINURRAHMAN)
Assistant Registrar
Centre for Graduate Studies



Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Knowledgeable, Disciplined and Devout



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.
Tel : (+6)06 - 798 8000 | Faks : (+6)06-798 8204 | www.usim.edu.my

Appendix 3: Research Confirmation Letter JAIS



جَابَاتِنِ اِجْمَاعِ اِسْلَامِ سِلَانْجُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3500
Faks : 03-5512 2544
Laman Web : www.ais.gov.my
E-mel : info@ais.gov.my



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JAI.SEL.BD/04/022/24 (18)
Tarikh : 10 Muharram 1442H
10 September 2020M

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ



Encik Abu Sofi Bin Hasbullah
Lot 687, Jalan Pulai,
Kanchong Darat,
42700, Banting,
SELANGOR DARUL EHSAN

Tuan / Puan,

KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN TERHADAP PENGGERAK MASYARAKAT ORANG ASLI (PMOA) DI LEMBAH KLANG DAN SELANGOR

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor telah menerima surat permohonan tuan bertarikh 10 September 2020. Sehubungan dengan itu, pihak bahagian bersetuju untuk memberi kebenaran dan maklumat bagi membantu penyelidikan yang sedang dijalankan oleh pihak tuan.

3. Sebarang maklumat lanjut berkenaan dengan PMOA negeri Selangor, tuan boleh menghubungi Penyelaras PMOA, Puan Nur Nadhirah Binti Hasiman di talian 03-5514 3580 atau 017-3626295.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA"

Saya yang menjaikan amanah,


(SABARIAH BINTI SALLEH)
Ketua Perolong Pengarah,
Bahagian Dakwah,
Jabatan Agama Islam Selangor
No Tel: 03-5514 3580 Fax: 03-5512 2544

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



Appendix 4: Summary of Informant

Informant	Gender	Experience as Preacher (Years)	Area in Selangor	Kampung Orang Asli (KOA) Seliaan
1	Male	27	Hulu Selangor	-Bukit Manchong - Sungai Garing - Sungai Kelubi
2	Female	12	Selangor	- Kampung Jambu - Kampung Bakok - Kampung Sungai Melut - Kampung Kelingsing
3	Female	20	Gombak	-Bukit Lagong - Sungai Buloh
4	Female	5	Selangor	-Bukit Dugang -Bukit Unggul - Sungai Buah
5	Male	5	Hulu Selangor	-Kampung Pertak - Buloh Telor - Gerachi Jaya
6	Male	11	Kuala Langat	-Taman Desa Kemandol - Bukit Perah - Bukit Kecil
7	Male	11	Selangor	-Air Terentang - Bukit Damar

				- Bukit Baja
8	Male	4	Kuala Langat	- Tanjung Sepat - Sungai Bumbun - Tongkah - Morib
9	Male	6	Sepang	- Kolam Air Bangkok - Bukit Tampoi - Seberang Tasik

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Appendix 5: Interview Question

SURAT PERNYATAAN KEBENARAN DAN KEABSAHAN DATA

Yang Bertandatangan di bawah ini:

Nama : Dr. Ibrahim Fahad Sulaiman

Jabatan : Pensyarah

Institusi : USIM

Dengan ini menyatakan dengan sesungguhnya bahawa semua soalan interview yang disampaikan dalam seluruh soalan ini adalah boleh digunakan untuk kajian yang hendak dijalankan. Soalan temuduga ini digunakan dalam kajian yang bertajuk “*Pengamalan dakwah komunikasi yang digunakan oleh pendakwah terhadap Orang Asli di Lembah Klang*”.

Demikian surat pernyataan kebenaran dan keabsahan soalan ini untuk digunakan untuk sesi temuduga Ketika menjalankan kajian.

Ibrahim Fahad

.....

(Dr. Ibrahim Fahad Sulaiman)

OB 1: WHAT ARE THE TYPES OF DA'WAH COMMUNICATION APPROACHES OF DA'WAH WORKERS TOWARDS ORANG ASLI?

1. Pada pendapat saudara, apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai digunakan kepada orang asli?
2. Berdasarkan pengalaman saudara, Apakah contoh kaedah dakwah bilhal (Perbuatan) yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli di tempat anda?
3. Berdasarkan pengalaman saudara, Apakah contoh kaedah dakwah bil qalam (tulisan) yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli di tempat anda?
4. Berdasarkan pengalaman saudara, Apakah contoh kaedah dakwah billisan (percakapan) yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli di tempat anda?
5. Manakah cara yang anda gunakan untuk berdakwah kepada orang asli di tempat anda? Dan Mengapa anda memilih cara tersebut?
6. Dalam pergerakan untuk berdakwah terdapat dua jenis iaitu berdakwah secara individu atau berdakwah secara berkumpul. Yang manakah menjadi pilihan anda? dan Mengapa?

OB 2: WHAT IS THE BARRIER TO COMMUNICATION TOWARDS ORANG ASLI?

1. Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bilhal (Perbuatan) yang dilaksanakan kepada orang asli?
2. Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bil qalam (tulisan) yang dilaksanakan kepada orang asli?
3. Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah billisan (percakapan) yang dilaksanakan kepada orang asli?
4. Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh orang Melayu?
5. Apakah halangan orang asli sukar untuk menerima Islam?

6. Adakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga sukar untuk menyebarkan agama Islam?

OB 3: WHAT IS THE PREPARATION OF DA'WAH COMMUNICATION TOWARDS ORANG ASLI?

1. Apakah bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah? Mengapa?
2. Bahasa Badan (*Body Language*) antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan? Setuju atau tidak? Mengapa?
3. Perlukah mengkaji Latar belakang dan cara hidup kaum orang asli? Mengapa?
4. Apakah bentuk persiapan Ketika berdakwah kepada orang asli?
5. Apakah strategic komunikasi yang digunakan?
6. Adakah menjadi keperluan untuk pendakwah belajar tentang bahasa Orang Asli? Mengapa?
7. Adakah pemakaian para pendakwah atau penggerak akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?
8. Adakah perlu membincangkan tentang Islam secara mendalam kepada orang asli? Mengapa?
9. Apakah kaedah dakwah bilhal yang relevan digunakan untuk berdakwah kepada orang asli dari?
10. Apakah kaedah dakwah billisan yang relevan digunakan untuk berdakwah kepada orang asli dari ?
11. Apakah kaedah dakwah bil qalam yang relevan digunakan untuk berdakwah kepada orang asli?
12. Pada pendapat saudara, manakah antara kaedah dakwah di atas yang lebih relevan untuk berdakwah kepada orang asli di tempat anda?

			<p>latar belakang serba ringkas kampung orang asli bukit majung. Kampung orang asli bukit majung ini dipimpin oleh batin. Nama batinnya Johari Bin Ahmad beragama Islam umurnya lebih kurang 53 atau 54 tahun. MPPK nya Jefrudin Jefri Bin Saad pun beragama islam dan prasarana ataupun kemudahan yang berada di kampung orang asli bukit majung ni, terdiri daripada tadika, surau ada dan balai raya. Untuk makluman saudara, alhamdulillah surau bukit majung ini adalah surau pertama di Selangor yang kita dirikan solat jumaat yang dapat kebenaran daripada segi kreditnya. Dan yang kedua, kampung bukit majung ini kampung yang utamalah. Kampung seliaan ada dua iaitu orang asli sungai garing. Penduduknya seramai 45 orang, 11 keluarga dan lupa tadi di bukit majung ada keluarga saya terlupa, tidak mengapa. Di kampung orang asli sungai garing ade 11 keluarga , 8 daripadanya beragama silam, 3 keluarga tidak islam dan jumlah penduduknya 45 orang. Kampung ini kampung kecil, Kawasan dia dekat kilang tanchong belakang itu, ada seberang haighway. Daripada sini dijangka ada lebih kurang tak sampai 10 km. jumlah penduduknya lebih kurang 24 orang lelaki termasuk anak-anak dia. 21 orang perempuan termasuk anak-anak. Kampung yang ketiga. Kampung orang asli sungai kelubi, bermakna jauh dia daripada sini lebih kurang 27 km terdapat 46 keluarga. 89 orang lelaki termasuk anaknya. 90 orang perempuan termasuk anak-anak dia. Yang beragama islam 12 orang, selebihnya Kristian. Dan di sungai garing, islam ada 27 orang, Kristian ada 3 orang dan 9 berfahaman anamisme. Itulah 3 kampung di bawah seliaan saya.</p>
<p>Apakah pendekatan dakwah yang ustaz gunakan di kampung seliaan ustaz?</p>	<p>1</p>	<p>08:00</p>	<p>Dia pendekatan kepada orang asli ni lebih kepada bil hal. Apa dia bil hal, bil hal bermakna kita nampak santai tapi dia kaedah yang paling sesuai kepada masyarakat orang asli. Contoh kita belai dia dulu. Yang penting kita kenal budaya dia, latar belakang dia, apa dia kelebihan orang asli dan apa kelemahan orang asli. Bila 2 perkara ini kita khatam, mad`u tu kita tahu apa kelebihan dan kekurangan mad`u itu, jadi senanglah kita dekati dia. Bila mad`u ni dia percayakan kita, ketika itulah kita mainkan peranan. Saya amik contohlah ketika</p>

		<p>pengalaman saya, dulu penggerak ini batch pertama. Batch pertama berbeza dengan batch seterusnya. Dulu kelebihannya kalau nak dibandingkan penggerak bstch kemudiannya kelebihannya apabila kita dilantik sebagai penggerak masyarakat, ketika itu, di bawah hal ehwal agama islam sebelum wujudnya jakim maka kita di hantar ke kampung selama setahun. Makna setahun itu, kita pandai-pandai sendirilah hendak menyelesaikan masalah di kampung itu. Arwah tuan hj marsaman dia kata, “saya tidak mahu dengar masalah yang dihadapi oleh penggerak. Saya hendak peningkatan dan penambahan islam di satu kampung ini. Jadi ketika itu memanglah, kita umpama lone ranger macam mana kita hendak selesai masalah orang kampung. Orang kampung ini dia tahu tujuan kita datang ke kampung ini hendak berdakwah. Saya dulu ditempatkan di kampung orang asli di kluang. Kebetulan kawan dulu dia minta tukar sama-sama. Dia dapat kampung orang asli bukit manjung, saya dapat di hulu kuang di sungai buloh. Jadi pendekatan yang mula-mula kita buat, kita tengok prasana yang tiada di kampung ini. Saya ambil contoh ketika itu di bukit majung ini surau tiada. Surau tiada. Kemudahan air bersih tiada. Jalan ketika itu lampu tiada kecuali lampu dan air tiada. Ketika itu saya main perananlah, saya mohon peruntukan bajet daripada perodua, kebetulan kilang perodua tidak jauh dari sini. Saya mohon bantuan daripada TNB. Tidak semua lampu jalan, ketika itu surau tiada. Pada tahun 1995, ketika itu kebetulan Menteri besar selangor, Tan Sri Mohd Taib dia selaku Adun, dia adun batang kali selaku Menteri besar Selangor, dan SU nya Dato Zainal abidin Sakom, saya buat surat saya kata kita perlu surau memandangkan ketika itu pengislaman beramai-ramai pada tahun 1995, saya ingatkan surau kita perlu bermakna air tiada. Bila tiada air, saya terpaksa buat surat mohon daripada badan kebajikan perodua, alhamdulillah saya dapat bajet 10 ribu atau 15 ribu, saya tidak ingat bermakna duit itu diserahkan kepada kontraktor untuk disambung paip daripada paip utama kepada rumah orang islam dan bukan silam. Saya tidak ingat berapa keluarga, hampir 20 keluarga yang dapat guna , kos yang tinggi. Jadi pendekatan itu satu. Saya</p>
--	--	--

		<p>ingat lagi ketika itu, saya selalu ikut batin. Kalau batin pergi memancing saya ikut. Kalau nak pergi solat, ajak bersama. Dia tahu saya hendak mengislamkan dia. Dan kebajikan ini, contohlah bermakna kita bila dia minta tolong daripada kita, kita kena tolong. Contoh saya ambil yang paling mungkin berkesan pada orang kampung, ketika itu orang kampung tiada kenderaan, dia ada motor. Arwah batin nya suruh, masa itu, arwah batin itu tidak islam. Dia suruh anak dia, dia suruh saya bawa anak dia yang sarat hendak bersalin tahun awal 1994. Saya hendak atau tidak hendak, serba salah, jadi bermakna kalau saya tolak maknanya dakwah saya akan gagal. Saya bawa anak dia naik motor, lalu jalan lama yang lombong sampai tembus pekan rasar sampai ke kuala kubu. Bawa-bawa sampai ke pekan rasar itu, saya berhenti, tengok surat khabar. Kemudian dia kata sakit perut, kemudian saya bawa ke hospital kuala kubu. Sampai-sampai hospital dia beranak. Alhamdulillah dia tidak beranak di atas motor. Jadi bila mereka dah percaya kita, kita ambil berat apa yang patut. Contoh masalah ketika itu boleh dikatakan kritikal dan ada satu ketika itu mengenai tanah kubur orang islam. Tanah kubur orang islam, bila kali pertama orang islam meninggal, kita kebumikan di coh. Kita cerita isu lainlah, kemudian kebetulan ada kematian kali kedua bila orang asli meninggal, orang kampung ni bagi amaran dekat ustaz, “kalau cikgu kebumikan orang islam ini di tanah kubur orang islam, dia kata dia akan kebumi cara dia. Sebab apa, sebab diaorang ambil pengajaran daripada berlakunya peristiwa yang masih diaorang terkesan sebab pengurusannya diuruskan oleh pihak masjid seolah-olahnya bab agama ni kita tidak boleh nak, kiranya kita ini jangan hendak mengambil tugas Allah, dalam erti kata yang kita faham. Maksudnya dia tanya, “yang mati ini solat ke, tak solat ke, dah sunat ke, belum ke?” Pihak masjid sungai coh ini, dia menguruskan jenazah orang asli islam ini lebih kurang. Saya ambil contoh pernah yang berlaku, saya hendak pinjam duit masjid ketika itu, saya tidak ingat berapa saya pinjam duit masjid untuk beli kain kapan untuk menguruskan jenazah orang asli tersebut. Hampir 2 jam . lepas dapat duit masjid 500 –</p>
--	--	--

		<p>600 saya pinjam. Saya beli kain kapan untuk menguruskan jenazah itu, lepas itu imam masjid itu berkata, “yusof tolong beli sabun breeze” ketika itu satu kotak seringgit , saya ingat apa tujuan imam ini suruh saya beli sabun breeze? Rupa-rupanya sabun breeze itu yang saya beli itu, padahal saya dah beli kelengkapan pengurusan jenazah yang lengkap dengan termasuk sabun, kain kapan, kapur barus dan sebagainya. Bila saya beli sabun breeze sekotak itu, yang imam itu suruh beli, lepas itu saya bagi dekat dia, dia ambil kotak sabun breeze itu, dia buka, dia tuang dalam baldi isi air kemudian dia jirus jenazah itu. Dia kata “siap”. Saya fikir orang tua ini betul ke dia urus jenazah? Lepas itu, saya tengok reaksi keluarga yang tidak islam pon tidak berapa, macam diaorang tidak puas hati. Jadi lepas itu, saya cakap dengan belah keluarga orang bukan islam itu, jenazah ini saya uruskan. Itu satu, satu lagi kubur liang lahad itu semua orang kampung. Lepas itu orang masjid minta bayaran kepada orang kampung ini. Saya terpaksa bayar kedua-dua belah pihak maknanya satu kepada ajk dan penjaga kubur, daripada pengalaman itulah, lepas itu, orang kampung ini tidak mahu menguruskan jenazah orang islam yang meninggal ini. Ketika itu, diaorang kebumikan di sinilah, bermakna pendekatan kepada orang asli ini, bila dia dah percaya kita, kita ini apa-apa hal dia akan jumpa kita. Contoh, kalau dia tiada duit, dia akan datang cari kita. Ketika itulah, tapi sekarang boleh di katakana tiada lah. Sumber ekonomi kampung ini ketika itu diaorang menoreh. Sebab pokok getah lama sudah di tebang, tanam semula pun lambat nak tumbuh balik, saya kata apa yang saya ada saya akan tolong, dia ada duit boleh bayar semula, bila tiada duit kita sama-sama tolong. Bila tahap itu dia dah percayakan kita bila sikit-sikit, kemudian dari segi bantuan kita ketika orang bukan islam dia memeluk islam ketika itu saya akan uruskan selain daripada bantuan bulanan, bantuan zakat, saya mohon juga rumah daripada zakat. Bila orang nampak orang masuk islam dapat bantuan itu salah satu sebab tarikan dia lah.</p>
--	--	---

<p>Boleh ceritakan lebih mendalam tidak dakwah bil hal sendiri daripada pengalam ustaz sendiri maknanya dakwah melalui perbuatan</p>		22:45	<p>Kene ambil tahu masalah diaorang. Contoh kalau dia sakit, kita perlu bawa dia ke hospital. Pengalaman saya sampai polis kejar. Ketika itu, dia ini mabuk . kalau ikut saya, saya tahu dia mabuk , kalau dari segi dakwah kita tahu dia jatuh longkang, jadi dia minta kita tolong. Oh tidak-tidak ada satu kes, isteri dia ketika itu tidak islam. Isteri dia hendak bersalin juga, saya bawa dengan van ke kuala kubu. Saya bawa laju, polis kejar saya, saya kata apa hal. Dia kata ini, “encik bawa laju kenapa?” saya kata dia nak bersalin. Kemudian dia kata, kalau hendak bersalin encik bawa dia pergi hospital. Polis itu terdiam, jadi bila kita tolong dia, macam diaorang berterima kasih dekat kita. Tapi dia tidak tunjuk, dia percaya dekat kita. Kalau tidak percaya maknanya bila kita selesai masalah dia. Kemudian kes orang mabuk itu pon sama juga. Saya bawa ke kuala kubu yang hendak bersalin tadi, daripada pukul 12 sehingga 5 pagi saya tunggu. Kalau kita tidak tunggu macam mana. Contoh kalau saya balik, suami dia tidak ada kenderaan. Ajdi hendak atau tidak hendak, kita terpaksa tunggu. Kita kene korban masa, kalau tidak bila dia tidak percaya kita, memang sampai bila-bila dia tidak percaya kita.</p>
<p>Dakwah dengan dakwah bil kalam. Macam mana dakwah memalui tulisan?</p>	3	25:05	<p>Orang asli ini, dia dakwah melalui tulisan diaorang tiadak sesuai, sebab tahap diaoran ini, bermakna kalau kita hendak berceramah dengan dia, paling lama diaorang boleh bertahan 15 minit. Selepas itu, jangan merapulah. Kalau andai kata, NGO hendak buat program dengan orang asli, saya tanya dahulu, NGO awak ada pengalaman tidak dengan orang asli, kalau tiada kalau bolhe jangan. Bukan saya menghalang, tapi baru-baru NGO interview saya, saya cakap bukan tidak mahu beri kerjasama, pengalaman saya pelajar daripada universiti , yang interview paling dekat sini daripada unisel. Dulu daipada UKM dan NGO sendiri. Saya cakap sekarang ini, kita hendak berdakwah dengan orang asli, sepatutnya kita tahu latar belakang dia yang pertama, budaya dia, tahap pemikiran dia. Contoh macam nak tanya-tanya, kita tengok sesuai tidak. Tahap pemikiran dia, kebanyakannya dia ambil benda-benda yang mudah, dia tidak mahu menyusahkan diri dia. Benda-benda simple ini maksudnya benda yang asas. Kalau orang asli ini kita bercakap lebih 30 minit, dia memang</p>

			<p>tidak boleh, dia tidak tahan. Hatta kalau kita mengajar pun kita terpaksa ulang-ulang. Contoh, kita mengajar al fatihah hari ini, esok kita baca al fatihah minta dia ulang, dia pun tidak ingat. Dia kebanyakannya generasi yang berumur. Kalau generasi yang muda ini , In Sha Allah dia boleh catch up itu pun kalau dia mahu. Sebab pada mereka kalau daripada salnya suka bebas, tiba-tiba dia tidak mahu menyusahkan. Saya ambil contoh sekarang ini, saya tengah meguruskan pernikahan orang asli di hulu Selangor ada 18 pasangan termasuk orang islam. Itu yang sudah islam, lahir anak orang islam. Sepatutnya kita kalau dah lahir dalam islam sepatutnya tidak berlaku, tapi daripada situ kita boleh dapat gambaran yang mak bapanya tidak mengamalkan islam. Saya ambil contoh, anak dia mungkin bersekedudukan. Mak bapanya mungkin tegur sekali, bila di tanya dia diam sahaja dan buat tidak tahu. Kalau kita memang kita pukul atau halau lelaki itu, tapi dia seperti sudah biasa. Tapi yang saya perhati, kebanyakan yang buat perkara yang tidak senonoh ini pasangan islam. Pasangan bukan islam kurang bab ini. Bermakna memang tidak sesuai kalau kaedah kita bil kalam.</p> <p>Saya tidak guna melalui whatsapp. Kita lebih kepada jumpa secara personal. Whatsapp ini memang tidak dilayan. Pada dia kalau kita sembang santai, kita tanya perkara-perkara yang mudah. Sebab di bukit majung ini terdiri daripada 3 agama. Satu Kristian, satu islam dan satu lagi animisme.</p>
<p>Berdasarkan pengalaman ustaz sendiri, dakwah bil lisan ini, cara ustaz buat macam mana? Macam mana ustaz sampaikan dakwah melalui percakapan.</p>	<p>4</p>	<p>29:04</p>	<p>Kita berdakwah macam biasalah. Kita tanya khabar, bermakna apa yang dapat saya tolong. Kita ambil contoh, walaupun di kampung orang asli ini, di Kawasan manjung kususnya , bukan kawasan pedalaman, kawasan pinggir bandar. Khususnya di Selangor. Dalam pada masa yang sama, masih lagi tiada kad pengenalan, tiada surat beranak. Dalam pada itu, peluang kita untuk membantu dia contoh apa yang kitab oleh tolong. Bila dia sudah mula cerita masalah dia, maknanya dia dah percaya. Yang penting kita hendak kerjasama daripada diaorang kalau tidak bekerjasama memang tidak akan selesai masalah. Saya ambil contoh suatu ketika dahulu saya buat tuisyen dengan NGO, kalau</p>

			<p>NGO pula saya kata kalau nak buat program di kampung orang asli yang penting mental kit akene kuat. Mental maksudnya kalau setakat hendak buat program itu sekadar hendak nama, saya rasa tidak perlu buat. Sebabnya penerimaan orang asli contoh anak-anak dia hendak tuisyen kalau dia tengok daripada guru dia, dia faham tahap Pendidikan orang asli ut, mungkin dia boleh. Kalau setakat NGO itu, dia bayar tuisyen cikgu tu dapat duit, dengan dia tidak tahan kerenah dengan, kadang saya ambil contoh saya mengajar anak-anak orang asli ini, dalam 30 orang, jadi bila kita tegur, kita ajar mengaji ini kene tegas. Sorang-sorang lari tidak mahu datang mengaji. Daripada situ kita dapat gambaran. Biasanya kita, murid tunggu kita. Kalau di masjid atau di surau, penuntu ini tunggu ustaz. Tapi di sini, ustaz yang perlu tunggu dia. Kalau daripada situ, kita tidak sabar, kita akan mudah berputus asa.</p>
Jadi berdasarkan dakwah yang kita sebut ni, bil kalam bil lisan ini, yang mana ustaz pilih?	5	32:05	<p>Secara tidak langsung bila kita bil hal ini, kita bersentuhan. Maknanya dia mad'u itu nampak keikhlasan kita. Maknanya kita jumpa dia, kita tanya masalah dia, apa masalah yang kitab oleh tolong. Tapi dengan orang asli ini, jangan pernah berjanji. Ini berbalik pada peristiwa fakulti jabatan dakwah buat program di sini pada tahun 1995, di antara saya pernah bercakap dengan DR Abdullah Ahmad Zaid, dekan . saya ingat lagi. Masa itu kita buat program anak angkat fakulti pengajian islam itu, berkampung di sini hampir 2 minggu tidak silap saya. Dan yang ada pernah satu isu, ada satu islam ini. Bila ada satu isu saya cakap dengan Dr Abdullah Ahmad Zaid kita ada satu masalah ini, dia cakap, "itu masalah ustaz, masalah saya sudah selesai" , kemudian saya cakap, kita berdakwah bukan macam itu cara dia, masalahnya saya nampak daripada mula lagi program ini sudah tidak betul. Sebab apa, dia kata, ustaz tiadak boleh campur tangan dalam urusan pengislaman. Eh saya cakap ,"tidak bolehlah macam itu. Walaupun dia fakulti pengajian islam, sepatutnya dia tanya saya." Rupa-rupanya, pelajar ini berjanji dengan orang asli yang bukan islam, kalau masuk islam dapat zakat, masuk islam dapat rumah. Saya cakap sepatutnya awak tidak boleh berkata begitu, awak bukan Menteri. Habis program itu, bila janji, masing-masing lepas</p>

			<p>tangan. Saya cakap, memang gagal lah. Kebetulan pelajar itu sedang siapkan master, saya bagi gagal lah. Saya cakap tiada barakah lah. Kita tipu, memanglah kita tipu sebab bila orang asli ni, bila kita hendak islamkan dia, kita kene jelaskan betul-betul yang penting bab akidah. Akidah ini sangat penting, kita jangan tipu dia, bila akidah dia mantap, keyakinan dia betul, dia belajar, dia beramal, lama kelamaan kalau bab makan haram ke, dia minum arak, bila dia dah belajar, in Shaa Allah lama-kelamaan dia akan tinggal. Bila dia masuk islam, dapat itu ini, memang akan jadi rosak. Hatta saya pernah tegur pihak zakat MAIS ketika itu, saya tegur, saya cakap saya tegur ini berdasarkan pengalaman. Kita hendak tolong ini, bukan tidak boleh tolong, tidak menjadi masalah. Tolong kita tengok daripada dasar apa? Dia ni susah, memang sepatutnya kita tolong. Tapi dalam pada masa yang sama, kita tolong, tapi dia tidak beramal. Contoh kita tolong buat rumah, dia dapat rumah adakah dia beramal dia berubah. Tak, walaupun kita tolong, tapi dia tidak beramal, walaupun masuk islam berpuluh-puluh tahun, tapi tiada perubahan. Sama macam Kristian, Kristian ini, dia masuk Kristian bukan ada apa-apa pun.</p>
<p>Dalam dakwah ini, ada 2 gerakan. Anatanya Gerakan secara individu dengan gerakan secara berkumpulan. Jadi saya nak ustaz pilih, mana satu pilihan ustaz, dan kenapa ustaz memilih gerakan tersebut.</p>	<p>6</p>	<p>36:22</p>	<p>Dia dua-dua ini, satu kita berdakwah ini. Dua dua ini memang tidak boleh dipisah. Satu kerana kita perlu jemaah. Saya bagi conth, jemaah ini kalau seorang itu penggerak, penggerak yang dulu. Kami ini memang jenis kental. Kental bermakna, kita telah di latih selama setahun. Kita telah menghadapi susah, kita kene pandai selesai masalah, tapi kalau jenis generasi muda ini, bukan sahaja kurang, kalau kita pergi suatu tempat itu, contoh, ada orang asli, dia akan suka kita, ada yang tidak suka kita. Contoh kalau mental kita tidak kuat, memang kita akan berputus asa. Saya ambil contoh saya sendiri. Saya duduk di sini berapa kali diseret. Bila saya diseret, penggerak lain dah takut dah. Tapi kalau mental kita tak kuat, memang kita akan mengalah. Dua-dua Gerakan ini memang perlu. Contoh kalau kami penggerak, kami di Hulu Selangor ini, jaga 3 kampung. Saya ambil contoh kampung yang saya jaga ini sungai kelubi, sungai kelubi adalah kampung yang terpencil. Boleh dikatakan penduduk kampungnya 80 peratus</p>

		<p>Kristian. Bila Kristian ini, kita memang dah tak boleh buat apa. Kita pergi sana sekadar berjumpa tok batin, bertanya apa khabar tok batin dan apa yang boleh ditolong. Tapi kalau Gerakan dakwah ini secara berkumpulan, sekurang-kurangnya ada kekuatan. Sama ada secara berjemaah, yang penting jangan kita ada, buat macam ad hoc. Ad hoc contohnya macam berkala. Berkala ini macam bermusim lah. Ada masanya datang, lepas itu, tahun depan baru datang pula. Kalau macam itu, dia tidak akan menjadi sebab hubungan kita dengan penduduk kampung macam dah tertutup. Ini kelemahan NGO islam kita, tak kira NGO apa pun, kelemahan kita, kita nak berdakwah pada orang asli, satu, masing-masing berlumba hendak nama. Dan tiada strategi, kemudian kita berdakwah berkala. Ada NGO tegur saya, dia kata dia tidak setuju dengan pandangan saya. Saya cakap, apa yang saya cakap ini berdasarkan pengalaman, bermakna kita hendak berdakwah dengan orang asli ini biar konsisten. Bermakna tidak putus-putus. Maknanya kalau tiada program, kita datang. Maknanya Nampak orang islam, bila dia datang Nampak dia ambil berat pada kita. Walaupun kita tidak bagi apa pun. Ini yang pihgak Kristian guna. Kita tidak nafikan yang mereka ada dana tersendiri. Dia dapat sponsor dari luar negara. Kita ini walaupun tiada dana, kit akene ada pengorbanan. Dakwah ini, kalau tiada pengorbanan, memang tidak jadi apa, dia jadi setakat cakap. Berbeza dengan tuan guru, saya ambil contoh, seorang pegawai tadbir agama, di suatu daerah. Dia suruh saya set satu program, ceramah. Saya cakap tiada masalah tuan. Datang-datang dia, dia tengok berapa orang asli dah ceramah dia. Dia kata saya tidak pernah ceramah di mana-mana, penontonnya tak kurang daripada sekian-sekian. Saya cakap dekat dia, ustaz, kalau ustaz nak ceramah dekat luar, lebih baik jangan datang ke perkampungan orang asli. Lebih baik jangan datang. Maknanya, nombor 1 keikhlasan kita, demand. Bila demand ini, orang yang bercakap ini tiada roh sentuhan, dia bercakap kosong. Hatta ada seorang pendakwah ini, dia di panggil pembimbing. Ada kawan saya di bukit lanjan, kampung lama. Kawan saya panggil dia untuk beri ceramah. Boleh dia kata, dengan syarat,</p>
--	--	---

			<p>hantar bayar saya 500 ringgit. Kalau tiada 500 ringgit, lebih baik hantar saya ceramah di university. Saya dengar selepas itu, dia kurang dapat jemputan. Kemudian daripada situ kita boleh tau, boleh dikatakan title ulama', tapi kalau nawaitu tidak betul, memang habis. Sebab dalam islam ini, kalau kita nak berdakwah tanpa pengorbanan, memang tidak ke mana. Khususnya kepada orang asli.</p>
<p>Adakah peranan seperti orang penting, seperti Tok Batin, JPKKOA adakah sangat membantu ?</p>	<p>Obj 2, soalan 1</p>	<p>43:12</p>	<p>Sebenarnya mereka ini sangat membantu. Tapi kalau kebanyakan, bukan sahaja di Selangor. Dua orang penting di Selangor, boleh dikatakan, saya cakap terus terang, dia tiada peranan. Contoh dalam isu perkahwinan beramai-ramai. 2 minggu lepas, kemungkinan kali ke 2, mahkamah akan turun di bukit minjung ini. Kali pertama, pada 2015, ketika itu, tuan Guru Dr Naim turun sini untuk selesaikan 3 permohonan. Satu permohonan kebenaran kahwin bawah umur. Permohonan kedua wali raja, permohonan ketiga anak tidak sah taraf. Sebab apa perlu kita minta mahkamah mengadakan mahkamah mobil di kampung orang asli, sebab dia ini, bila buat permohonan macam biasa, permohonan di mahkamah Syariah, kali pertama bicara, dia tidak faham permohonan. Contoh, hakim tanya, sila beri keterangan kepada mahkamah, mana boleh jawab, apa kita nak jawab. Hakim itu duk jauh, hakim senang sahaja, kalau individu tidak bercakap dalam masa 5 minit, dia akan tunda kes bicara ni, 20 haribulan 12. Implikasinya, pemohon ini tidak akan datang, sampai mati dia tidak akan datang. Hatta ada satu kes, kes mualaf cina di kajang, kawan saya cerita, kes ini 10-15 tahun lepas. Pemohon ini sampai tegur hakim ini. Dia kata, hakim, saya datang sini sebab saya tiada wali nasab, kalau saya berzina, tuan hakim tanggung dosa saya, tuan hakim itu sampai tertunduk. Dia sebagai pemohon, dia mohon wali raja sebab dia tiada wali nasab, tapi yang peliknya, dia hendak bukti, keluarga dia tidak islam. Saya handle kes 2 bulan lepas, sampai perempuan mualaf ini dia hendak menangis jumpa saya. Saya cakap saya tidak boleh buat apa, ini prosedur mahkamah. Kemudian dia buat surat sumpah semua, mudah-mudahan buat keputusan untuk buat mahkamah mobil sekali lagi di sini.</p>

			Kalau yang lain, boleh terima kita. Yang saya sebutkan tadi, memang susah sikit. Tidak ramai, tapi mempengaruhi orang lain.
Sepanjang ustaz menjalankan dakwah bil hal ini, apa halangan atau cabaran yang ustaz alami?	2	48:29	<p>Dia bila kita bercampur dengan orang asli, kita buat dakwah ini. Nombor 1 daripada mental kita kene bersedia. Kalau kita tidak bersedia, kita akan kecundang, kita akan putus asa. Saya ambil contoh, kawan saya mualaf cina, dia tanya saya, “ustaz, kerja sebagai pendakwah ini sangat rugi, tiada untung. kita tengok cara rasulullah berdakwah lah. Rasulullah berdakwah, tidak pernah dibentangkan dengan hampan karpet merah. Rasulullah dengan kita tidak boleh banding lah. Cabarannya memang banyaklah, kerja yang paling rumit untuk membentuk manusia. Contoh masalah sebelum islam lain, contoh masalah dia, saya pernah difitnah. Sebab dulu saya mengajar di bawah MAIS, kita di bayar claim. Kita bagi kepada pelajar. Kebetulan ada kes yang berlaku di pejabat agama. Cash hilang berapa ribu. Masa itu, kalau pelajar tidak jujur, dia boleh tiru tandatangan. Kita pegang duit itu, jadi pelajar ingat saya pegang duit itu. Satu lagi bermakna, bila kita hendak selesai masalah, saya ambil contoh, ketika itu line TNB nak buat, saya vakap dengan orag Kristian, kita ni sebelum line nak ditegakkan, kita kira pokok ni, kemudian ada orang cakap saya hendak mengambil kesempatan. Seolah—olah saya ini ada tujuan. Padahal niat saya hendak membantu supaya kita dapat pampasan nilai yang setimpal. Sebab setipa pokok ni ada rate tersendiri. Tapi orang kampung salah faham, saya cakap, saya tiada niat pon nak ambil kesempatan. Hatta saya cakap saya buat kertas kerja kepada hertoyo, daripada unisel jalan dah siap, yang terhalang dalam 15 km. di sana ada kebun dan kelapa sawit orang asli. Dijangka ketika itu, kalau kerajaan negeri bayar pampasan yang terlibat dengan pokok getah dan kelapa sawit, seorang boleh dapat 3 juta ketika itu, awal tahun 90 an. Tapi disebabkan permohonan kerajaan negeri tidak mahu bayar, kecoh orang kampung ini kata, saya ambil kesempatan. Saya cakap saya nak bantu supaya kerajaan negeri bayar pampasan secukupnya. JKK dengan Tok Batin ini, kalau bekerjasama dengan penggerak, kerja memang mudah. Kalau suasana sekarang dengan dulu, sekarang</p>

			cabaran tidak banyak. Ketika dulu, batin islam, pengurus dia, JKK tidak peranan sangat. Kalau ada masalah, diaorang bagi kepada anak buah, pergerakan dakwah tidak berapa lancer ketika itu. Sebenarnya kalau di kampung orang asli ini, kalau dia main peranan, sebab batin dulu, batin yang orang kampung sangat hormat. Kalau batin cakap A, anak buah mesti ikut. Saya ambil cnth, kalau batin itu pegang adat, adat orang asli lah, kalau anak buah dia buat perkara yang bertentangan dengan adat, contoh dari segi nikah kahwin, dia tidak ikut, maknanya pasangan ini dijatuh hukum dan denda. Adalah denda dia berapa ratus, kalau kini, adat ada tapi tidak berapa kuat.
Dakwah melalui tulisan, melalui kalam, apa pandangan ustaz?	3	56:09	Tidak sesuai. Sebab mereka tidak membaca sangat. Kalau muda, dia ikut suasana semasa. Saya cakap, kalau saya mengajar ini mungkin tidak cukup, jadi saya boleh cari di internet, tapi jangan ambil serratus peratus, tapi kebanyakannya memang ambil mudah.
Apakah halangan dakwah bil lisan?	4	57:13	Perkara ini kalau kita pergi rumah dia, kita akan menghadapi kalau kita bawa buah tangan. Saya ingat 2 tahun lepas, ada persatuan pelajar dari UM, dia dah set hamper berapa. Saya tanya dia, pernah buat program dengan orang asli tidak? Ada seorang tu pernah, ada yang tidak pernah. Saya cakap sepatutnya sebelum awak buat program, kita bincang dulu, jangan awak sedia target tu. Sebab kampung orang asli kene faham. Contoh, saya pergi kampung A, sebelah rumah dia, adik beradik dia rumah B. saya bagi contoh macam isu semalam, isu semalam lebih kurang sama. Walaupun semalam isu beras sekampit, saya bagi taklimat pada pasangan yang nak bernikah ni, kebetulan pihak MAIS ada bagi beras untuk orang yang baru masuk islam ni hari isnin 5 haribulan. Kemudian mereka tanya, “ustaz, takkan diaorang dapat beras kami tidak dapat beras?” saya cakap awak tanyalah MAIS, mereka yang amanahkan saya untuk uruskan. Saya peril mereka, saya cakap dalam group tu, kalau hendak beri, di bukit beruntung ni banyak kedai awam, beras mereka free, terus terdiam mereka. Maksud saya, contoh kita ziarah pergi rumah A, bagi hamper dalam harga 20 ringgit, rumah B tu tidak islam, depan kita dia tidak bercakap, tapi selepas itu, diaorang akan datang berjumpa dengan saya kemudian dia tanya, kenapa diaorang macam

			<p>pilih kasih? Jadi di sinilah kalau kita tidak biasa dengan orang asli, saya tegur budak itu. Jangan buat program syok sendiri, awak buat pelajar syok sendiri lebih baik tak perlu buat program. Saya cakap ni berdasarkan pengamalan, awak datang sini nak berseronok, lebih baik tidak perlu. Kalau ada implikasi, sama dengan bab makan, contoh buat program makan. Ada berlaku dari unkl tak silap. Makan untuk pelajar, jadi orang asli ni cuma pandang. Ada beberapa budak-budak ini datang jumpa saya. Sebaptu batin ni kalau ada mana-mana student uni yang nak buat program, awal-awal dia reject. Dia akan tanya makan cukup ke tidak cukup, kalau tak cukup, tak perlu buat program. Sebab apa, kita buat program, saya ambil contoh macam kawan saya, dia tahun ni tak buat program iftar sebab covid. Tahun lepas dia buat, dapat sponsor 7 ribu. Satu kampung dapat hamper yang nilai 100 lebih. Makna ada seorang itu bagi sumbangan duit. Bila orang satu kampung turun, yang penganjur suka, saya buat kerja tiada masalah. Jadi maknanya, kalau kita bawak buah tangan, kalau nak bagi, bagi semua. Kelemahan agensi, bila bab ni, saya cakap terus terang, bab dana untuk dakwah dengan orang asli bukan sekadar air liur. Kita bawak dia berjalan, buat program bakar burger. Tapi di sebalik Nampak simple, bakar burger, dia akan turun ramai-ramai. Sembang santai. Jangan buat berkala, nanti hubungan renggang. Halangan cabaran dan kaedah. Dengan orang asli, jangan janji. Kita kene terus terang.</p>
<p>Adakah wujud persepsi negative yang ditunjukkan oleh orang lain?</p>	<p>5</p>	<p>1:03:50</p>	<p>Persepsi ni memang kita tidak boleh nafi, sebab kita amik contoh. Ada kawan saya dulu, dia duduk berjiran. Dia nak pergi kampung orang asli ni macam ada halangan. Halangan ni maksudnya dia dapat gambaran yang salah lah. Lepas itu, dia seolah-olah ada gap. Ini yang berbalik kepada isu pengurusan jenazah di sungai coh. 2 pasanga, 1 pasangan indon islam. 1 lelaki itu orang asli islam. Ada seorang bangla ada juga amik kesempatan. Saya ambil contoh, saya cakap kalau nak rapatkan masyarakat orang asli, caranya ambil keluarga angkat. Saya pernah bagi cadangan. Maknanya bukan kita duduk dengan keluarga angkat. Bukan duduk sekali, tapi kita mabil tahu semua pasal dia terutama dari segi Pendidikan. Secara tidak langsung, dia akan nilai baik buruk islam.</p>

			<p>Bagi peluang untuk keluarga angkat ni, nak condemn tentang islam. Dia nak kutuk ke, dia nak apa ke, dari situ kita akan belajar untuk berlapang dada dan jangan beraggapan, saya tidak ingat tahu bila, ni mentality kita islam asal. Yang perempuan tidak mahu bersalam, yang lelaki tiada masalah. Dari situ macam ada double standard seolah-olah iman saya kuat. Kadang kita ni berfikiran, orang asli ni kalau masuk islam tiada apa-apa pun. Sepatutnya kita sebagai orang islam, kita pergi kampung dia, kita tanya boleh saya bantu dari segi Pendidikan contohnya. Bermakna kalau ada gap macam itu, memang ada masalah. JAKIM dulu pernah wujudkan hubungan antara masyarakat orang asli dengan orang kampung. Hatta ada satu daerah, kita nak buat program, last minute, orang kampung itu tidak terima. Wallhal mesyuarat semua kita dah buat, akhir2 tidak terima. Bila tidak terima, bila Nampak orang asli, walaupun islam tapi Nampak yang diaorang still minum arak, terus judge, kata Nampak orang asli ni kalau masuk islam pun tak berubah-ubah. Sepatutnya kalau dia berilmu, dia faham kaedah dakwah dia akan datang untuk banut, bukan dia menghukum.</p>
<p>Apakah halangan untuk orang asli sehingga sukar untuk terima islam?</p>	<p>6</p>	<p>1:09:21</p>	<p>Dia bagi alasan. Yang orang asli masuk islam, dia kawin dengan orang melayu, dia nak jadi melayu. Bila dah kahwin, dia akan keluar dari perkampungan orang asli tu. Bila keluar, umpama dia lupa saudara mara dia. Tapi bila ada masalah, dia nak balik kepada keluarga dia. Sebelum ini ada suami dia. Tapi sekarang tengok, dulu awak nak jadi melayu.</p> <p>Kesilapan kedua, kita tekan bab sunat. Saya ingat dulu, saya buat program di kangkawi, ada seorang ustaz ni dari segi logic, batin tu walaupun islam, ilmu dia tak mantap, amalan tidak sempurna, jadi betullah dia kata, ustaz, kalau kita makan pisang, kita mesti bukak sikit2, takkan kita makan terus. Jadi bila kita masuk islam, kita kena potong, kulit dia ke mana. Ustaz tu marah betul, saya kata batin, awak jangn main-main. Batin tu kata, saya cakap betullah, kita tak perlu tekan. Satu yang dia guna logic ni sebab orang asli, sukar untuk terima islam ni, dia guna lgic akal. Kita pernah tanya seorang dulu, kenapa tak nak masuk islam? Macam mana saya nak masuk islam, monyet banyak lagi dalam hutan, siapa nak</p>

			<p>makan? Makna kalau kita semua masuk islam, habis siapa nak makan monyet, babi semua itu. Memang kita kata, kalau masuk islam ni, makan lah benda yang elok, tapi janganlah tinggal terus. Kita masuk islam ni, kita hidup ni sementara. In shaa Allah bila kita mati nanti, kita hidup di akhirat kita masuk syurga. Orang asli ni, kita cerita pasal syurga neraka, dia percaya. Bab makan ini, kita tak tekan sangat sebab tak nak berlaku konflik. Satu lagi, berbalik kepada persepsi, dia masuk islam. Bila anak kahwin dengan orang islam, kene jadi melayu. Saya ambil contoh dari segi pemakaian, kene pakai baju melayu apa semua. Bab pakaian ni, kalau tidak betul, kita tak boleh ubah 100 peratus. Ada budaya dia yang bertentangan dengan agama islam. Contoh budaya yang tidak bercanggah dengan agama islam, dia berjanji, dia kata dia tepati apa yang kita janji, tiba-tiba saya mungkir janji.</p>
Adakah wujud agama lain seperti Kristian yang meyakinkan ustaz untuk menyebarkan islam.	7	1:14:20	<p>Macam sekarang ni, dia dah ada gereja. Di kampung ini, dulu dewan dia ada 2 tingkat macam dekat tempat rosli. Bila kampung orang asli, bila dah ada kelompok Kristian, memang kita tak boleh buat apa. Kalau orang asli ni, banyak masuk Kristian adalah kerana berpunca daripada rawatan. Rawatan di ani, orang asli paling takut sihir. Bila orang asli ni sakit, pihak Kristian bawak dia pergi kepong untuk buat pemujaan. Pemujaan ni, bila dah sembuh dah elok, dia balik kampung. Bila dah balik tu, dia fikir yang agama krsitian ni agama yang betul walaupun padahal mungkin ada guna pemujaan sihir yang kita tak tahu. Dan kampung orang asli ni memang ada Gerakan Kristian seperti di bukit minjung. Tapi ada juga di Selangor. Bila ada gereja, kos dia 100 ribu. Yang saya dapat makluman ni, dia tak Kristian, tapi isteri dia, dia terlepas cakap dengan saya, saya risik-risik dia, jadi isu saya kene siasat dengan pihak berkuasa dulu. Saya buat laporan dengan majlis keselamatan negara dengan JAKIM. Mula-mula asalnya, saya dapat maklumat daripada beberapa orang asli ilsam. Mula-mula mereka kata nak buat kedai, bila tanya-tanya dan desak, dia tak berani. Jadi kita tengok daripada strategi orang Kristian, walaupun agama dia agama batil, dia boleh bagi dana 100 ribu. Yang isu saya pernah kene tegur dengan bekas pta Selangor dulu. Asalnya dia nak marah saya, dia</p>

		<p>cakap, “sebab ustazlah gereja tu wujud” . saya gelak je, dia cakap kerana ustaz tak dakwah betul-betul gereja kampung orang asli ada di bukit minjung. Yang bagi sumbangan tu, daripada gereja Kristian korea. Kebanyakannya korea. Saya cakap ustaz, dah habis cakap? Saya cakap ustaz, orang asli ni, bab rahsia ni, dia memang takkan bagitahu. Kemudian saya dapat tahu ni sebab orang asli ni terlepas cakap dengan saya. Asalnya dia nak masuk islam, dia cerita adik beradik, tak sempat nak mengucap meninggal eksiden. Saya cakap, awak dah tahu adik awak nak masuk islam tak jadi, sama lah macam awak nanti, awak tak islam , awak akan mati rugi. Lama-lam dia tidak masuk islam, mungkin Allah tak bagi hidayah. Jadi bila ada Gerakan Kristian, saya amik contoh dulu, orang india dari kepung datang. Dia pakai kereta saya tahun, saya kejar-kejar. Jadi, dia lari dari saya. Satu hari entah macam mana dia jumpa saya, okay saya cakap, kita cari cara perjumpaan secara tertutup, awak cari tempat, kita boleh bincang sesame agama. Sampai sekarang dia tidak respon surat saya, selepas itu dia guna machinery dari orang asli sendiri. Sekarang orang india tu tak masuk. Dia guna perempuan, bila guna perempuan, bila ada yang beragama Kristian, bila dia aktif , bila nak kata sukar, tak juga. Dia macam kita, kelemahan kita satu sahaja. Ada masalah yang kitab oleh selesai, ada masalah yang kita tidak boleh selesai. Bila masalah yang saya tidak boleh selesai, saya berbincang dengan agensi kerajaan , kadang-kadang agensi ni tak membantu kita. Saya ambil contoh khususnya JAKOA. JAKOA bab macam ni, dia macam nak lepas tangan. Padahalnya, bila orang asli buat gereja tanpa kebenaran, dia boleh je roboh. Sebab saya ambil contoh di bukit manjung ni, saya buat mesyuarat dengan orang besar daerah, dengan pta, semua agensi yang terlibat, saya tanya dengan orang penguatkuasa tanah, saya tanya, kalau kita orang islam, kita buat usrah, macam mana orang pejabat islam boleh robohka surau. Dia mengaku dia pernah robohkan surau. Saya cakap kenapa tak roboh gereja yang ada, padahal kita ada kuasa. Dia kata tak boleh, sebab ketika itu, ade seorang exco yang bukan agama islam, dia suruh buat kertas kerja, macam-macam. Saya kata buat apa</p>
--	--	--

		<p>kita takut sedangkan kita ada kuasa. Saya ambil contoh saya kata tanah ni, buat apa saja tanpa kebenaran memang kene roboh. Sebab Gerakan krsitian dia konsisten, maknanya tiap-tiap minggu dia bergilir-gilir. Tapi kebanyakannya, sekarang ni bukan sahaja di selnagor, kebanyakan yang masuk perkampungan orang asli, kebanyakannya daripada sabah serawak. Sabah serawak ni, dia senang tackle sebab pendekatannya mudah diterima. Contoh haji ayub di Sarawak, dia ada jawatan besar dalam Kristian, dia dah masuk islam, saya bawak dia ke kampung sini. Saya tujunnya, saya nak orang Kristian buat dialog harmoni. Jadi orang kampung ni, orang Kristian tidak berani. Saya cakap bukan kita nak paksa dia masuk islam. Kita Cuma nak leraikan salah faham tanggapan orang Kristian terhadap islam. Maknanya peluang. Tapi diaorang tidak berani, dan dia yang konsisten dia buat, dia bawak orang asli keluar. Saya tak pasti di sini, tapi setiap 25 haribulan, setiap tahun, orang korea akan datang satu bas. Tiap-tiap tahun sebab gereja ni dana daripada diaorang. Tapi Gerakan diaorang memang Nampak terancang. Contoh di bukit manjung ni, kalau orang asli dah masuk Kristian, identity dia, dia tidak bagitahu. Kalau tengok data JAKOA, krisitian di bukit manjung tiada sorang pon. Tapi saya dapat detect, sini Kristian ada 150 orang. Tapi dalam data JAKOA, dia tulis tiada agama. Maknanya seolah-olah ada perkara nak disembunyikan. Tapi kalau bab duit, dia memang laju. Jadi, bila wujud Gerakan Kristian memang sukar nak sebarikan islam, sebab di mana-mana kampung orang asli yang ada Gerakan Kristian, dia macam fanatik. Saya ambil contoh, kampung orang asli di serendah. JAKIM ziarah bawak hamper, orang asli tu cakap, barang ni saya mampu beli, saya ada duit. Saya cakap takpelah ambil, orang bagi bukan kita nak paksa masuk islam pun. Dari situ kita dapat gambaran yang pihak gereja ada bagitau kalau datang dengan gambaran macam ni jangan layan ataupun kalau nak bagi barang jangan ambil. Daripada situ kita dah dapat gambaran, gambaran maknanya bila dah masuk Kristian, dia macam terima bulat-bulat apa yang di ajar. Padahal kalau dia belajar, dia takkan terima ajaran Kristian, memang fahaman dia longgar. Macam</p>
--	--	--

			orang asli yang masuk islam tak belajar. 2x5 lah macam itu.
Adakah Bahasa menjadikan keutamaan ketika menyampaikan dakwah?	Obj 3 soalan 1	1:29:03	Memang perlu sangat. Bila kita berbahasa, saya ambil contoh, ada penggerak di perak, dia oleh cakap semai. Dia cakap Bahasa semai. Bila kita berbahasa mereka, orang kampung ni lebih mudah untuk dekati kita. Bermakna daei segi komunikasi dia akan lagi rapat, dia apa dia nak luah pun dia senang. Seolah-olah kita baru faham Bahasa dia, tapi kita seolah-olah dah faham budaya dia. Memang menjadi keutamaan kita as pedakwah
Bahasa badan dan reaksi muka adakah ia merupakan cara berkesan untuk menjadikan komunikasi kita menjadi lebih baik.	2	01:30:15	Bahasa badan ni contoh kalau kita pergi rumah dia. Pergi rumah dia, kita Nampak macam jijik ke apa, jangan kita tunjuk memek muka. Contoh macam anjing, pada dia anjing tu macam kucing bagi kita. Dulu sini anjing tak banyak. Comtoh pergi rumah dia, kita Nampak benda yang kita tak setuju, jangan tunjuk gerak badan, nanit pependekatan dakwah tidak menjadi. Saya bagi contoh, pendakwah perempuan boleh guna. Pendakwah perempuan ambil anak dia, mandikan anak dia, dia berlakon lah, walaupun dia tidak berap suka dengan bau budak tu ke ape. Satu lagi jangan kita suka-suka ambil anak dia untuk mandikan, nanti dia kata apa pula. Pendekatan cara ini memang sesuai. Lelaki tidak sesuai. Sebab perempuan bab ini lebih berkesan, yang penting kita ada hubungan baik dengan dia, jangan lost contact. Sebab tu kalau buat program, ada selalu pelajar uni buat program, kita da keluarga angkat, jangan putus hubungan walaupun sekadar bertanya khabar, Nampak seperti ambil berat.
Perluakah mengkaji latar belakang dan cara hidup orang asli?	3	01:33:36	Memang perlu, dia kalau pendakwah ni, khususnya dia nak berdakwah pada orang asli, tiba-tiba dia nak condem, ada seorang pensyarah UKM. Sebab tu kalau program penggerak, kita nak bersoal jawab, dia tidak mahu. Saya tidak pasti dia terlepas cakap, kebetulan Allah tak izin saya sertai majlis itu. Dalam ceramah itu, adun ada, dia kata, kita jangan jadi macam orang sakai. Batin masa tu dah nak balik, terpaksa orang lain kene counter untuk jaga hati batin tu. Bila kita tak kaji latar belakang cara hidup orang asli, dia akan jadi macam tu, seolah-olah kita ni lagi hebat. Kita tahu latar blakang kampung orang asli ni, penduduk berapa ramai, tahu tahap Pendidikan.

			<p>Bila kita dapat gambaran latarbelakang Pendidikan kitab oleh bayang macam ini macam ini, lepas itu kita tahu apa kelemahan dia, apa kelebihan dia. Latar belakang ni, bila kita tahu. Lebih elok kalau setiap pendakwah ni, ada profil tiap penduduk kampung orang asli. Contoh profil fardhu ain, profil solat jumaat, ekonomi, pendidikan. Macam kami ada 11 profil yang kami kene hantar setiap bulan. Profil batin, orang berpengaruh, orang yang tentang islam. Bila daripada situ, kita dapat gambaran, pelajar nak buat kajian, kita dah buat profil, kita dah buat profil berdasarkan latar belakang yang dah ada. Kalau kita tak dapat gambaran mad'u, memang kita akan gagal. Mungkin dalam program ada part untuk masuk islam, tapi hanya setakat itu. Contoh di bukit manjung ni, kalau jadi, saya tengah usaha nak buat pasti. Memang pasti ni silibus sama dengan orang luar. Kalau kawan saya datang, saya nak tegur cara approach tak betul. Sepatutnya anak saya nak belajar, belajar lah.</p>
Apakah bentuk persiapan ketika berdakwah kepada orang asli?	4	01:40:10	<p>Persiapan dari segi mental dan fizika dengan ilmu mengenai latar belakang masyarakat setempat. Yang penting sebagai pendakwah kit akene ikut macam mana cara dakwah Rasulullah SAW. Maknanya untuk berdakwah, kene ada amalan dari segi rohani, sebab kita nak betulkan manusia, tapi diri sendiri tak betul, dia akan jadi kalam kabut. Dia bersakwah orang asli memang perlu. Sebab sekrang ni, orang asli ni ibarat goreng pisang, menjadi rebutan dan jadi bahan kaji. Maknanya, dia buat laopran, saya tak tahu hasilnya macam mana. Sebab kita nak bermakna team kita bukan sekadar sehari. Kalau sehari, ibarat membazir masa. Bajet tu, habis 100 lebih di pd. Nak berdakwah dengan orang asli memang mudah. Contoh kita pantau, jadikan keluarga angkat, dan kita perhatikan apa yang kita boleh tolong. Sebab kerja dakwah tidak boleh buat berkala atau sekadarnya.</p>
Apakah strategi komunikasi yang ustaz cuba?	5	01:45:36	<p>Bermakna, kita jumpa dia, kita tanya apa khabar. Contoh kalau daripada reaksi memek muka pun kita dah boleh thau. Contoh kalau kita terlepas cakap, contoh kalau kita bergurau mungkin dengan pada dia guna Bahasa kasar. Kalau di bukit manjung, saya cakap kalau saya tidak betul tegur saya. Kadang kita tidak perasan, walaupun batin dengan JPCK ni islam, setiap program yang saya nak buat, saya akan</p>

		<p>bagitahu tok batin. Ada satu MPP nak mengajar Bahasa inggeris kepada ana k orang asli. Strategi dia, saya Nampak strategi Kristian. Kemudian saya bincang dengan batin, macam ni, orang asli tidak berminat. Tapi batin tak bagi kerjasama. Tapi dalam masa suntuk, dia nak ubah kepada program sekolah. Memang tak sempat. Dia nak pergi beberapa kampung dah. Dia strategi komunikasi ni kita kene selalu ziarah, kalau tak dapat tolong, kita kena mengaku. Contoh untuk kutipan zakat sekarang, sangat tak menentu. Zakat ni tak boleh semua dia nak bantu. Komunikasi sangat penting, bila lancer, semuanya akan mudah. Tapi kalau tak lancer, akan timbul salah faham. Kalau mereka kata tidak setuju, maaknya memang tidak setuju. Contoh, saya nak di halau oleh 4 orang batin. Ada seorang cina ni dari KL, sampai kat depan Kawasan, cermin dia kena baling, cermin pecah and mata dia buta sebelah. Pastu bawa ke hospital, kemudian dia buat report dia kata dia kena lastik atau kena baling. Polis tahu, kampung yang ada kampung orang asli. Kemudian ada rumah kongsi, ada banyak orang indon. Siasat-siasat, polis nak tangkap seorang budak ni, yang buang kes ni, bukti batu lastik tak jumpa. Polis tangkap budak ni, dia sorok budak ni, masa itu saya lalu, dia kata saya nak tangkap budak-budak ni. Masa itu saya dengar bunyi polis. Dan pintu rumah say akene bunyi. Sebab keluarga budak tu datang serang, saya kata, apahal awak ni? Kemudian orang kampung marah. Dekat sini komunikasi breakdown, dia kata saya buat anak di akene tangkap, saya cakap mana saya tau kena tangkap, rupanya budak yang polis sorok ni bagi maklumat. Kemudian saya cakap, kalau macam itu, esok pagi kita jumpa polis and semak report untuk tengok nama pengadu dan kad pengenalan. Saya cakap, kalau dia tak pergi, saya pergi. Tak sampai 2 minggu, 3 batin nak halau saya, kita buat keputusan nak halau ustaz dari kampung ni. Rupanya petang itu, saya takt ahu ade sb menyamar nak dapatkan maklumat. Saya cakap, kalau nak halau, halaulah, sebab saya orang kerajaan, JAKIM boleh hantar saya ke tempat lain. Walaupun batin ni Kristian, dia siasat dulu perkara sepatutnya, saya cakap dengan orang rumah, orang aniaya kita, kita mengadu pada Allah.</p>
--	--	---

			Saya baca yasin 6 bulan. Musa ni, hampir gila, keluarga ni memang berduit. Kemudian dia tuduh saya, saya sihir dia. Kemudian dia ada minta maaf. Saya dengar budak cerita. Memang budak tu bagi maklumat. Bila jadi macam tu, memang maklumat tu tak sampai. Kalau dia tuduh saya buat aduan polis, mesti ada Nampak saya. Komunikasi kalau silap, akan terjejas
Adakah menjadi keperluan untuk pendakwah belajar Bahasa orang asli.	6	01:58:57	Dia memang perlu supaya kita lebih faham dia. Macam di Selangor ni tiada masalah. 98 peratus orang asli ni cakap melayu. Jadi kita masih boleh faham. Bila komunikasi dengan orang asli ni, dia akan lebih mesra dengan kita. Dia akan rapat, mad'u kita takkan malu dengan kita. Kalau di sini, saya memang cakap melayu. Sebab saya kalau nak tegur, saya cakap direct. Perlu sangat supaya dia lebih mesra. Komunikasi lebih lancer, kemesraan pendakwah dengan mad'u lebih dekat
Adakah cara pemakaian ustaz sendiri akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli?	7	02:02:17	Saya sendiri dulu, mula-mula sampai sini pun saya pakai kopiah putih. Kemudian ada penggerak tegur, kemudian saya cakap, kita ini, kita nak berdakwah jangan korban sunnah. Sebab dia tau tujuan kita datang. Sebab apa, bila kita berpakaian sunnah ni, kita ada kekuatan. Buat apa kita nak takut. Sedangkan orang Kristian ni, walaupun mereka berpakaian tidak melambangkan agama, diaorang tahu tujuan mereka datang. Saya ambil contoh Kristian kalau dia datang untuk perubatan, kemudian dia pasang caset lagu dia. Bila orang tua dah dengar, dia kata, dia dah masuk Kristian. Ni isu yang saya berbahas dengan nursery tu, saya kata orang tua ini islam. Dia sakit, dia dah nazak, dia pergi pasang caset. Kebetulan masa itu, pta Selangor, pengarah JAIS. Saya tanya dia bila Tarikh dia masuk Kristian. Saya cakap orang tua ni kita dah daftar masuk islam, kecoh masa itu, dia cakap dia dah hukum murtad, saya acakap awak jangan pandai-pandai nak buat hukum, kemudian dia diam. Dia sebenarnya pada saya tiada masalah. Kesilapan dia bila kita nak berdakwah, kita korbankan ketayap dan songkok walaupun ada pro dan contra, ada yang kata kita nak berdakwah ni tak perlulah menonjol, bermakna kita sebagai pendakwah ini tiada pendirian. Sepatutnya kita sebagai orang islam, ini yang kita mampu

Adakah perlu membincangkan lebih mendalam tentang islam kepada orag asli?	8	02:04:05	Kalau kita bincang, contoh kita buat forum kepada orang islam ni, memang tak sesuai. Contoh kita nak terang islam ni macam ini, macam ini, dia mesti. Contoh pengalaman saya, saya terlepas cakap, jadi batin tu tak puas hati. Dia kalau kita ceramah dia tidak aka focus. Kalau dalam kalangan orang islam, paling lama dia akan focus dalam 10 minit apalagi kalau bukan islam. Memang tidak sesuai. Tapi sekarang ni, zakat ada buat tiap-tiap tahun perdebatan antara batin satu Selangor, batin islam dan bukan islam dengan pengerusi JPKK. Tapi masalahnya, yang syok sendiri adalah penceramah itu. Pada saya senang je, kita harap batin yang bukan islam, boleh kritik apa tentang islam. Contoh kalau dia kata kenapa kena puasa, kita boleh counter balik. Batin ni tiada masalah, kami pilih dia dan jadikan dia contoh batin terbaik. Bila buat perjumpaan macam itu, batin boleh buat luahan perasaan. Secara tak langsung kita dapat tahu dia ambil berat anak buah dia, tapi ada masalah sekian-sekian. Tapi kalau macam ini, kalau kaedah kepada batin-batin, satu dialog harmoni. Tapi ada yang tak setuju, nanti dia provoke islam. Bila kita buat dialog harmoni, masalah antara batin tentang agama, akan dapat diselesaikan.
---	---	----------	--

INFORMANT 2

QUESTION	NO.	TIME	ANSWER
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Nama saya Abu Sofi. Saya merupakan pelajar master di USIM. Sebelum saya memulakan majlis elok saya minta ustaz memperkenalkan diri dan berapa lama berkhidmat sebagai PMOA dan bertugas di mana ?	1	00:32	Nama diberi Amrina Rusyada Binti Mohamad Safir. Berasal dari Terangganu. Bertugas pada 19 Januari 2009. Bermakna sudah 12 tahun berkhidmat. Mula-mula ditempatkan di Kg. Orang Asli Bukit Dugang, di Pinggiran Putrajaya. Hanya 6 Bulan disana namun selepas itu saya di tempatkan di Sungai Melut hingga kini.
Boleh ustaz kongsikan tentang kampung jagaan	2	01:40	Kalau Mengikutkan tugaan yang diberikan, kg sungai melut adalah kg hakiki dan Kg. seliaan saya ada 3 buah Kg. Kg. Orang Asli Jambu, Kg. orang asli Bakok, Kg. Orang Asli

<p>Ustaz. Dan berapa ramai orang islam dan bukan islam serta kepadatan penduduk ?</p>			<p>Kelingsing. Yang Islam seramai 128 orang di 4 buah Kampung ini. Dari keseluruhan penduduk seramai 612 orang. Di Sg. Melut ada 82 buah keluarga, Kg Jambu ada 14 buah keluarga, Kg. Bakok ada 31 buah Keluarga dan Kelingsing ada 52 buah Keluarg. Sg Melut yang Islam ada 21 Keluarga , di Jambu 1 Keluarga sahaja. Bakok ada 9 keluarga dan Kelingsing ada 9 keluarga</p>
<p>Soalan pertama saya apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai digunakan kepada orang asli ?</p>	<p>3</p>	<p>06:42</p>	<p>Pendekatan Dakwah yang sesuai adalah kita perlu bermesra dengan mereka dahulu baru boleh buat apa yang kita nak buat. Contohnya kita nak buat program di Kg Jambu. Di Jambu susah sikit nak buat program. Orang Asli sebenarnya sama sahaja cara untuk dekati atau berdakwah kepada mereka. Mereka ini takut dengan orang luar. Bila mereka buat salah kita tak boleh tegur. Kalau kita tegur maka mereka tak kan tegur kita lagi dah. Yang islam pula liat pergi surau. Macam raya haji minta datang untuk tolong potong-potong daging, mereka tak nak datang juga. Saya pun tak tahu macam mana nak buat. Kita ajak-ajak juga tapi kalau mereka tak nak datang juga takkan kita nak paksa pula. Sebagai contoh, ada juga dia datang time hari keluarga dia bawa satu keluarganya, dia datang sebab nak bawa hadiah cabutan bertuah dan itu pun dipaksa oleh isterinya. Kalau tak memang susah nak dia nak datang. Cara berdakwah yang sesuai kepada mereka ada mengikut pada seseorang itu. Kerana caranya berbeza. Seperti keluarga tidak memeluk islam, tiba-tiba anak dia nak masuk islam disebabkan perkahwinan dan dia pesan pada anaknya bila masuk islam, jangan Nampak sangat islamnya kerana mak tak suka kalau ustazah datang ke rumah untuk borak-borak tentang islam. Kita kalau anak dah masuk islam kita nak la berbaik dengan maknya tapi bila maknya sudah katakana begitu kita nak buat macam mana pula. Jadinya kita tak buat la. Padahal anak dia masuk Islam bukan kita paksa bukan kita tidak pun ajak anaknya untuk memeluk islam. Anak dia datang pada saya dan cakap “ hari ini saya datang dan dah berbincang dengan mak saya, yang saya nak berkahwin dan saya pun dah berkahwin adat, saya nak berbincang dengan ustazah untuk masuk islam dan mak saya dah beri kebenaran. Ustazah perlu bawa saya hari ini sebelum mak saya tukar fikiran”. Dan pada ketika waktu hujan lebat saya bawa la jugalah ke pejabat agama. Ketika itu umur dia 23 tahun dan tiada masalah untuk dia memeluk islam. Ada lagi seorang, dia kerap datang ke surau. Satu hari dia tolak anak saya sehingga patah kaki. Keesokan harinya dia datang surau dan saya berbincang dengannya. Saya cakap semalam saya pergi ke Hospital dan saya tunjukan padanya gambar X-ray kaki anak saya. Saya ada pesan untuk tidak bawa anak ke surau atau beri ahli keluarga yang lain jaga.tapi akhirnya dia boikot program-program kat surau. Saya ingat</p>

		<p>anak dia tu buat kat anak saya tapi dia buat juga kat anak orang lain. Budak baru 3 tahun, tolak orang, gigit orang tapi mak ayah biarkan sahaja. Bila kita tegur mereka marah. Kalau kita tak tegur secara terus mereka takkan faham tetapi bila sudah tegur jadi seperti pula. Saya tak marah dia tetapi tak kan saya pula yang kena minta maaf setelah apa yang dia sudah buat. Sampai sekrang masih belum terbuka hati saya untuk minta maaf padanya kerana terlalu geram. Tapi dia jaja cerita katanya saya tak beri pada dia untuk datang ke Surau.</p> <p>Kalau seperti anak-anak muda di sini, kalau kita buat hari keluarga mereka tak layan program yang saya buat, ini saya kira yang islam sahaja. Kalau yang bukan islam pula kalau jumpa hanya anguk sahaja. Tetapi yang islam tak hadir program di surau. Macam mana mak ayah islam tetap susah juga untuk hadir ke program di surau. Saya pon tak tahu macam mana nak libatkan anak muda. Mungkin saya rasa perlukan pendakwah muda untuk berdakwah kepada golongan orang muda. Atau mungkin kita perlukan orang luar untuk turut membantu golongan muda ini.</p> <p>Kalau perempuan pula. Kalau dah kahwin dengan melayu mulalah berlagak. Kalau kahwin sesama orang asli lepas itu peluk islam sebab lelakinya islam. Tiada pula datang kesurau nak belajar ke, datang kelas ke tapi bila minta bantuan rumah dia tak dapat, dia salahkan kita pula. Dia kata ustazah tak menyokong dia. Masalahnya sebarang permohonan perlu disertai dengan kehadiran kelas agama. Kalau kelas pun tidak hadir macam mana kita nak lampirkan sebagai surat sokongan. Bila dokumen tidak lengkap, permohonan memang akan ditolak. Selangor juga bekalkan wang kehadiran sebanyak RM50 sekali hadir ke kelas dan perlu hadir sebanyak 13 kali dalam masa sebulan. Dan ada juga kelas yang dianjurkan oleh JAKIM dan wajib hadir 8 kali sebulan. Kelas berbayar pun 15 orang apa lagi kelas tidak berbayar. Jadinya kita dapat tahu mana yang datang kelas sebab ilmu dan datang kelas sebab duit(21:19)</p> <p>Dulu saya ada juga buat kelas menjahit tapi terbengkalai sejak saya mengandung dan ketika itu saya ada alahan. Sambung pula dengan cuti bersalin. Bila masuk bulan 8 tahun lepas minta bantuan zakat untuk servis mesin jahit disebabkan sudah hujung tahun, bantuan tidak dapat dikeluarkan. Sambung lagi dengan tahun ini masalah Covid-19 dan saya terus tutup. Tetapi dahulu yang bukan islam pun hadir ke kelas menjahit. Mula-mula hanya 3 orang yang tidak islam hadir dan 7-8 orang yang islam tetapi lepas itu 3 orang yg bukan islam itu tidak hadir tanpa sebab. Mungkin</p>
--	--	--

			<p>disebabkan belajar menjahit didalam surau sehingga ada yang menganggap kena masuk islam.</p> <p>Nak tahu pendekatan itu memang susah. Bila kita buat gotong royong bersihkan surau ada juga yang bukan islam yang membantu. Ada juga yang islam hadir kesurau bila waktu makan sahaja. Yang tidak islam tidak membantu ketika masak kerana mereka takut ada yang islam jijik apa yang mereka masak. Cara pendekatan dakwah mengikut pendekatan pada seseorang. Nak kata pukul rata tu tak boleh sebab lain orang lain caranya. Bila kita saja bertanya pada makcik yang belum islam dan anak dia semua sudah islam “ makcik tak nak masuk islam ke ? dia akan cakap “tak nak “ .</p>
Soalan kedua, Berdasarkan pengalaman Ustazah, Apakah contoh kaedah dakwah bil hal yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli	4	23:30	<p>Dia macam kalau ada jamuan atau sambutan hari raya kita jemput semua datang ke surau namun belum tentu semua datang ke surau. Tapi bila kita buat di balai raya semua akan datang. Bukan yang dalam kampung sahaja, luar kampung pun turut hadir. Nak dekat dengan mereka kita kena hadir ke rumah mereka. Kalau tidak dijemput masuk maka kita lah kena minta izin untuk masuk ke rumah mereka. Mereka akan kata boleh tetapi rumah bersepah, kerusi tiada, banyak anjing tapi itu bukan semua rumah la. Kadang-kadang jika perlu berdiri, berdiri la sampai selesai. Siap ada Tanya kenapa datang (dengan nada keras).</p> <p>Ada kelas jahitan pun salah satu cara untuk mereka memeluk islam. Kita ajak pergi kelas hari ini cara ini boleh mendekatkannya dengan kita. Kita akan minta dia cari seseorang kawan yang boleh belajar dengan kita. Dan mudah dia nak paham apa yang kita sampaikan. Mungkin ada yang merasai ketinggalan kebelakang, jadinya dia akan lebih senyap dan jika tidak faham dan akan terus mendiam tapi jika dia bersama dengan seseorang kawan yang selesa dia akan lebih selesa untuk bertanya. Kalau ramai, yang baru akan terus diam, mungkin didalam fikiranya lebih baik diam kerana aku baru lagi</p> <p>Memang kita akan bantu mereka dalam nak buat kad pengenalan dan urusan-urusan yang lain tetapi kalau dia adaa kemampuan, ada motorsikal lebih baik dia buat sendiri. Memang dahulu saya akan tolong semua tetapi kebelakangan ini, saya nak ajar mereka berdikari. Sampai bila nak memanjakan mereka. Kalau ada yang yang OKU, suami sakit itu haruslah kita bantu, kalau lah pergi joget boleh, pasar malam boleh tapi pergi buat kad pengenalan tak boleh dan saya yang kena buat ?. itu tidak wajar. Dia cakap “Dia ustazah tolong, saya ustazah tak nak tolong ?”. saya kata “Awak itu OKU ke ?”. kalau dia tetap berkeras nak pergi dengan saya juga saya akan bawa juga la demi meraikannya.</p>

			<p>Kebaikanya jika dia ada kemampuan seperti ada kereta, ada motorsikal kita akan biar mereka uruskan sendiri.</p> <p>Kalau saya bantu pun pada mereka yang memerlukan bantuan seperti yang buta huruf ke, ibu tunggal ke, kita akan tolong (.....)27:07</p> <p>Tambahan pula, ada seorang makcik tua ini, yang ada ketumbuhan diperut. Hospital selayang dari sepang sangat la jauh dan dia tidak islam tapi dalam beberapa appointment dia dengan doctor kita cuba bantu. Bila dah sihat dan kita Tanya makcik dan sedia ke nak memeluk islam ? makcik tu kata belum bersedia. Kita tolong mereka belum tentu mereka ingin memeluk islam.</p> <p>Ramai orang asli yang islam yang saya bantu. Antaranya ada satu keluarganya tiap-tiap malam dia tidak boleh tidur dan bila tidur mesti mimpi orang pakai telekung suruh masuk islam. Dia merasai tidurnya terganggu. Dia tidak bercerita dengan saya tetapi dia cerita pada JAKOA. JAKOA telefon saya saya untuk bantu dia. Saya minta JAKOA untuk beri namanya untuk saya bantu dan saya bertanya betul ke makcik ingin memeluk islam. Dia kata “belum lagi ustazah”, tunggu akhir bulan katanya. Bila sudah akhir bulan dia anjak ke akhir tahun lepas pun belum sedia lagi. Namun bulan 2 tahun ini dia membawa 4 orang ahli keluarganya untuk memeluk islam. Maknanya untuk berdakwah kepada orang asli perlukan waktu yang lama. Kita juga perlu selalu bertanya pada mereka untuk memeluk islam sehingga ada yang menyampah dengan kita. Dan ada ke tahap tidak suka pada kita namun kita tetap buat. Kalau nak marah pun marah la asalkan tidak sampai memukul. Ada juga mak ayah yang Okay dengan ustazah walaupun tidak datang ke surau tapi anaknya pula ada yang mewarnakan rambut kecap merah kecap ungu kecap oren. Sehingga makna jumpa saya mengadu anaknya keluar dengan lelaki lain walhal suaminya ada dirumah. Jadinya bagaimana ustazag ? selepas itu wanita itu Whatsapp saya mengatakan “ Jangan dah tahu jahat orang sampai pergi beritahu kepada Pejabat Agama”. Mungkin mak dia dah ugut dia. Saya tak ambil tindakan apa-apa lagi. Dah islam sejak lahir, kahwin bersama mualaf dalam kampung ini juga. Dah lah pakai seluar pendek terbelah pula tu, atas peha pula, rambut pula kecap-kecap perang, kecap oren kecap merah dan pernah biru. Dalam kampung rambut dia paling meyerlah.</p>
Berdasarkan pengalaman ustaz, apakah contoh kaedah bil Qalam	5	33:05	<p>Kalau melalui whatsapp kita juga ingin respon dari orang asli. Sekiranya boleh datangkan respond dari orang asli dah mencukupi bagi saya. Seperti kalau saya nak order makanan untuk sesuatu majlis, saya ingin respon dari mereka tentang</p>

<p>yang sesuai digunakan dalam dakwah kepada Orang Asli ?</p>			<p>kehadiran. Contohnya kita buka 80 orang asli yang islam untuk hadir ke majlis di surau tapi yang respon hanya 40 orang. Jadinya kita akan tempeh untuk 50 bungkus makanan sahaja bagi mengelakkan pembaziran makanan. Memang lebih boleh dibawa balik tapi kita nak meraikan mereka yang hadir ke surau dahulu. Contohnya pejabat agama atau surau buat program kita ajak la, beri surat dan ajak melalui whatsapp dan kebiasaanya dalam kumpulan whatsapp tapi mereka liat untuk respon. Jadinya saya akan hantar mesej secara peserangan namun begitu masih ada segelintir daripada mereka yang buat tak tahu.</p>
<p>Ada tau tidak dalam kumpulan whatsapp, ustazah beri tazkirah atau kata-kata nasihat ?</p>	<p>6</p>	<p>34:51</p>	<p>Memang dalam kumpulan whatsapp ramai orang asli tapi memang susah untuk saya beri tazkirah tapi saya selalu menyatakan aktiviti surau secara kerap. Kalau beri tazkirah ini ada je orang asli yang beri respon tapi tidak la beri pendekatan yang terlalu mendalam. Kalau dia nak belajar tentang agama saya selesa kalau mereka hadir ke surau. Dan macam beri hadis ke apa ke memang tidak pernah saya beri di dalam kumpulan whatsapp. Ada juga keinginan untuk beri kata nasihat didalam whatsapp tetapi ada yang tegur saya “saya tahu awak tu ustazah, takkan la hari-hari nak beri kata nasihat didalam whatsapp”.walhal didalam group tu semua islam. Saya pun beri nasihat yang mudah seperti tutup aurat tu wajib, kita selitkan hokum mewarnakan rambut tu haram. Dan disitu mungkin dia terasa. Bagi saya dia kurang berkesan tapi lama kelamaan dia akan tinggalkan group whatsapp tersebut.</p> <p>Anak sulong saya tak suka duduk di kampung orang asli. Dia asyik bertnya bila nak duduk rumah kat depan tu (Kawasan Perumahan orang melayu). Saya Tanya kenapa cakap macam tu, dia kata dia malu nak cakap kat kawan yang dia tinggal di kawasan orang asli sebab kawan-kawannya ramai ejek dia orang asli. Saya cakap apa masalah tinggal di kawasan orang asli. Dia kata “ dia tak suka orang asli sebab orang asli tak pergi ke sekolah dan tidak pandai”. Bila kawannya Tanya dia tinggal di mana ? dia akan cakap dia tinggal kat kawasan perumahan orang melayu dan takkan mengaku tinggal di kampung orang asli.</p> <p>Ada juga dalam 2-3 tahun lepas, dalam tengahari pukul 12. Saya pergi ke rumah orang asli pada bulan puasa. Saya Nampak 3 hidangan makanan siap, tunggu untuk di jamah. Dengan menantu melayu 2 orang, anak cucu dalam 7-8 orang, mak bapanya semua islam sedang makan berselera di tengahari di bulan puasa. Saya terus tegur mereka dan berkata “makanlah lagi, saya nak ambil gambar”. Kalam kabut semua meyorok ketakutan. Saya panggil seorang demi seorang cakap kenapa tidak berpuasa. Alasannya hanya tak</p>

			tahan tengok mereka makan. Kadang-kadang orang melayu yang kahwin dengan orang asli, mereka lebih teruk dari orang asli. Tak kesah la melayu Pahang ke, melayu dengkil ke, jawa ke , semua sama.
Berdasarkan pengalaman ustazah, apakah contoh kaedah bil lisan yang sesuai digunakan dalam dakwah kepada Orang Asli ?	7	40:00	<p>Saya bukan la orang yang cakap lembut, saya jenis berterus terang biar senang nak faham, tapi harap tiada yang terasa, sebab kita bukan nak bergaduh, biar senang nak faham. Tapi dalam kita macam ini, masih ada lagi yang pusing-pusing apa yang saya kata. Kata saya tak bagi pergi surau dan sebagainya. Saya jenis kalau tidak berpuas hati pada seseorang, saya akan panggil dia sahaja dan tidak lah heboh pada orang lain. Saya juga rasa perlu ada saksi takut dia putar belit cerita selepas itu. Bila saya tegur antara saya dan dia, saya nak mengelakkan dia malu, tiada mak dia, suami dia, jadinya saya tegur dia seorang dan kata perkara yang elok. Saya kata kaki anak saya dah patah dan dia buat tak tahu je. Dia tak marah anak dia kea tau cuba pujuk anak kita, minta maaf ke memang dia buat tak tahu.</p> <p>Lagi satu kalau berurusan dengan orang asli kena berhati-hati sikit, kan ada yang pandai menjahit, selalu potong seluar bawah RM10. Kononnya suami saya nak bagi kerja pada orang asli. Minta potong seluar dia kenakan sehingga RM15. Orang asli seperti tidak pandai menilai sesuatu perkara. Macam dulu saya ada mesyuarat, bos saya nak datang ke kampung Sg Melut. Barang mentah semua sudah beli. Saya Tanya berapa nak bayar upah untuk memasak. Dia kata kalau ustazah nak suruh saya beli barang pun RM10 kalau ustazah beli barang pun upahnya RM10. Saya rasa kalau macam tu baik dia buat semua. Saya ingat dia akan ambil upah RM5 untuk satu kepala. Bukan sini sahaja tapi kebanyakan orang asli. Saya pernah ambil upah dengan orang asli untuk ubahsuai rumah saya untuk tambah bilik. Dia kata sesama orang asli saya ambil RM50 sehari, kalau orang melayu saya ambil RM80 tetapi disebabkan ustazah adalah ustazah saya ambil RM100 sehari. Mungkin dia menganggap duit kita banyak. Saya tak tahu nak buat macam mana. Jadinya saya tak jadi ambil dengan orang asli. Saya pernah juga upah orang asli untuk baiki longkang surau. Saya Tanya nak kira macam mana, sama ada gaji hari atau sesudah selesai kerja. Dia memilih untuk gaji mengikut hari. Mula-mula dia datang 9 pagi ke 6 petang. Esoknya datang pukul 10 pagi balik 3 petang. Lagi lewat dia datang makin cepat dia balik tapi dia nak gaji yang sama sebab dia ingat gaji ikut hari. Tapi lepas itu saya jelaskan semula tentang pengiraan yang betul. Barulah dia faha. Kita kena ajar dan betulkan dia punya fikiran sehingga kita perlu jelaskan satu per satu. Ambil kertas dan tunjuk satu persatu.</p>
Manakah cara yang ustazah pilih untuk	8	47:02	Ianya bergantung pada individu. Ada individu yang boleh terima apa yang kita cakap an dia juga boleh bawa bincang.

berdakwah kepada orang asli di tempat ustazah dan mengapa ustazah pilih cara tersebut ?			Kalau bil qalam lebih baik untuk dia maknanya ok la untuk dia. Bergantung !!. takkan orang OKU kita guna cara bil kalam semestinya kita akan guna bil hal. Contohnya nak pergi JPN ke, jalan pun heret kaki. Jadinya terpaksa kita guna bil hal. Tak semua kita menggunakan kaedah yang sama pada orang yang berbeza.
Dalam gerakan dakwah terdapat dua jenis iaitu dakwah secara individu dan dakwah secara berkumpulan. Yang manakah pilihan ustazah dan mengapa ?	9	47:53	Dakwah secara individu ini boleh buat tapi pada orang asli yang selalu jumpa, bercakap tapi pada yang jarang jumpa dan bercakap kita akan rasa takut, segan, tapi bila kita pergi berdua sekurang-kurang adalah sedikit kekuatan. Kita takut kena halau terutamanya pada yang bukan islam. Sekurang-kurangnya bila ada kawan, kawan kita boleh bantu kita. Saya lebih suka berkumpul daripada individu. untuk Individu ini saya akan buat pada yang rapat dengan saya. Contohnya pada yang jaga anak saya, yang selalu datang ke surau, yang memang ada hubungan baik dengan kita. Yang tak rapat dengan saya, saya tetap pergi juga ke rumahnya tetapi saya lebih suka pergi secara berkumpul. Macam yang tidak islam tapi rapat dengan kita itu tiada apa-apa kalau pergi seorang diri. Kalau yang islam tapi degil, kalau cakap pon kena dengan maknya. Dia selalu maki saya. Kalau dengan maknya baru dia nak dengar cakap apa yang saya ingin sampaikan saya takut apa yang saya cakap lain pula yang dia faham. Mungkin pendakwah lelaki suka guna secara individu kerana remaja suka dekat dengan mereka tapi saya ini perempuan .jadinya susah sikit nak dekati remaja lelaki tapi kalau remaja perempuan saya tiada masalah.
Adakah peranan orang yang penting seperti Tok Batin, Ketua Kampung, JKKK kampung sangat diperlukan untuk memulakan dakwah kepada orang asli ?	10	50:16	Sangat-sangat perlu. Kalau tak beri kerjasama memang susah saya. Batin disini islam tetapi MPKK tak islam. Kampung Sg Melut tok batinya khas untuk Sg Melut sahaja. Lagi satu 3 kampung yang lain dikuasai oleh satu batin sahaja. Sebelum ini ianya satu kampung saja tapi selepas dibina lebuh raya kampung tersebut berpisah menjadi 3 kampung. Jambu dan kelinsing dulu satu kampung. Batin di sg melut islam tetapi bakok tidak islam. Dan kampung tersebut berpecah lebih daripada 50 tahun dan saya pun tidak tahu nama asal kampung tersebut. Dalam situasi-situasi tertentu batin banyak menyelamatkan keadaan. Walaupun banyak kekurangan kita, batin masih lagi ok dengan kita. Dia banyak membantu walaupun islamnya biasa-biasa sahaja. Nak bandingkan dengan batin yang tidak islam, depan kita semua ok sahaja tapi bila dah ditegur oleh anak buahnya terus sampai sekarang tidak boleh menjalankan program di kampung tersebut. Tok batin bakok, jambu dan kelinsing masih duduk atas kerusi roda dan masih inginkan jawatan sebagai tok batin kerana inginkan elaun yang sedia ada. Di sini tiada perkampungan melayu tetapi ada taman perumahan melayu yang berdekatan yang membantu. Sebagai contoh taman Al-

			<p>hijrah selalu jemput orang asli dan sering beri sumbangan seperti beras, barang dapur dan sebagainya. Maknanya orang sekitar ambil tahu dan ambil cakna tentang orang asli disini. Orang melayu tidak meminggirkan orang asli. Kadang-kadang ada juga 2-3 orang melayu yang bantu bersihkan surau.</p>
<p>Adakah wujud halangan atau cabaran dalam melaksanakan dakwah bil Hal, Dakwah bil Qalam dan Dakwah bil Lisan kepada orang asli ?</p>	11	54:00	<p>Mereka ini ada perasaan dengki sesama orang asli. Dia pergi joget boleh, pergi pasar boleh tetapi pergi buat kad pengenalan tak boleh. Itu lah cabaranya bila ada perasaan dengki sesama sendiri. Bila dituduh pilih kasih, ini bukan tentang pilih kasi, tetapi kalau mampu untuk lakukan sendiri buatlah sendiri. Kalau awak tak mampu, nak saya tolong, boleh sahaja. Kita menggunakan bil qalam, cakap elok-elok dan dia tidak terima sehingga dia sanggup berhentikan anak dia dari bersekolah sebab dia dituduh macam-macam. Kita cuba untuk menolong menguruskan dokumen anak-anaknya namun dia tidak memberikan kerjasama yang baik. Dia tidak berkahwin dengan suaminya secara sah tetapi duduk bersedudukan dengan suaminya. Anak-anaknya tiada dokumen diri dan kesemua anak-anaknya tidak boleh didaftarkan disebabkan tiada sijil nikah dia dan suami. Dia islam, suaminya pula tiada agama. JPN tidak mendaftarkan anak-anaknya. Dulu anak dia pergi sekolah hasil bantuan cikgu di sekolah tersebut walaupun tiada dokumen yang sah tapi bila cikgu dan saya ingin membantu untuk dapatkan dokumen yang sah, dia sanggup berhentikan anak-anaknya untuk bersekolah. Dan anaknya smua tidak bersekolah hingga sekarang. Dia akan cakap anaknya bersekolah di bukit kemandol. Dia asal orang asli bukit kemandol tapi bila sudah bersekedudukan dengan orang asli Sg Melut. Bila orang atasan Tanya macam mana untuk diuruskan, saya pun tidak tahu bagaimana. Bila kita masuk rumahnya dia akan lari melalui pintu belakang dan lari ke dalam hutan. Saya sanggup gunakan dakwah bil Hal, bil Qalam dan bil Lisan dan semua tidak diterimanya. Kita siap gunakan duit surau untuk bantu dia. Macam denda dari JPN, uruskan nak bayar untuk kad pengenalan dan sehingga saya terpaksa gunakan wang sendiri. Tapi sekarang baru ada bantuan dari kerajaan negeri seperti mana-mana orang asli yang ingin berkahwin pihak JAKIM akan berikan RM750 yang merangkumi semua kos. Tapi pihak JAKIM pesan kalau boleh RM750 jangan guna semua. Boleh dijimatkan untuk urusan lain. Sebab banyak perkara yang tidak dijangka untuk masa akan datang. Sebagai contoh bantuan rumah sebanyak RM90 ribu seunit pada yang bekelayakan. Setakat ini bantuan paling besar adalah rumah tetapi perlu ada tanah sendiri.</p> <p>Halangan dan cabaran yang lain ialah kerja kita ini bukan semua orang suka. Kadang-kadang yang tak suka kita ini bukan dari kalangan bukan islam tetapi dari islam sendiri.</p>

		<p>Kadang-kadang dari orang asli yang beragama islam, dari NGO pon ada juga, ada juga pegawai dari agensi lain. Nampak saja yang tak kena di mata dia apa yang kita buat. Dia banyak pertikaikan apa yang kita buat, selalu persoalakan apa yang kita buat “kenapa tak buat macam ini?” seolah-olah dia lebih tahu segalanya. Mengadu perkara yang tidak perlu. Kekadang sesama pengerak pun ada juga. Banyak burukan sesama pengerak. Saya rasa perkara tu tak perlu kalau niat untuk menegur. Kenapa tidak terus kepada saya ? tapi kebanyakan masala dari NGO dan ada juga masalah daripada kumpulan tabligh(15:30).</p> <p>Tabligh kalau nak masuk saya tiada masalah tapi yang saya tak suka bila dia pergi ke rumah orang asli yang tidak islam. Ada pernah dia minta kad pengenalan yang bukan islam, selepas itu kata pada orang asli yang sudah berumur “ pakek dah tua ini, bila-bila boleh mati”. Dan bila dia mengatakan begitu saya pula yang dimarahi. Ada juga pernah terjadi ketika orang-orang tabligh masuk ke kampung tanpa pengetahuan pejabat agama, saya juga tidak dimaklumkan, JAKOA pun mereka tidak maklumkan sekali di datang 8 biji kereta sambil turunkan dapur la, tong gas la di surau.jadinya saya yang dirumah jadi takut kerana surau sebelah rumah saya. Lepas itu, suami saya keluar Tanya. “ni ramai dari mana ?, Kebenaran daripada siapa ?”. dia siap bergaduh dengan suami saya. Bagi saya bukan tak boleh nak berdakwah tetapi tak kena pada caranya. Saya hanya ambil gambar hantar kepda ketua saya dan berharap ada tindakan darinya. Ketua saya kata tiada apa biar sahaja kerana memang itu cara mereka untuk berdakwah. Dulu pernah mereka datang tapi bila mahu pulang dengan kualiti belangga surau dia bawa balik. Saya tak pasti dia tak tahu, mungkin dia ingat itu kepunyaan kawannya. Lepas dari itu, datang sahaja orang luar, saya kunci stor surau dan mereka juga perlu ada surat rasmi daripada pejabat agama dan JAKOA untuk menggunakan surau. Ini berlaku tahun Ipas. Mereka marah saya sebab suasana surau seakan-akan mati. Cuba awak bayangkan surau taman melayu yang ada 5 ribu orang. Adakah 2500 orang yang datang surau ? suku pun belum tentu?. Janganlah awak bandingkan dengan kampung orang asli. Dia kata lagi orang asli yang muslim ada 80 orang kenapa tak sampai separuh yang hadir?. Marah suami saya kerana kenapa perlu bandingkan dengan orang asli. Orang melayu yang lahir-lahir islam belum tentu mengimarahkan surau. Ingat ini asrama ke yang paksa-paksa datang surau.</p> <p>Ada juga cabaran daripada NGO yang tak tahu hujung pangkal tentang orang asli, ada yang mengambil gambar dan hantar kepada orang besar daerah (OBD) yang mengatakan pengerak ini lembap, dia buat laporan tentang beberapa</p>
--	--	---

			<p>orang asli dan lapor kepada OBD. OBD panggil saya dan OBD lapor kepada KADI (Pegawai Pejabat Agama Daerah. KADI panggil saya mengatakan dia menerima laporan bahawa pengerak tak menjalankan tugas dan mengabaikan kebajikan orang asli. Saya perlukan menjawab semua persoalan dengan jawapan secara bertulis. Kelam kabut saya kena siapkan kerana petangnya juga kena hantar laporannya. Semua pengerak di Sepang perlu siapkan laporan tersebut. Ada yang menerima lebih 2-3 surat laporan. Ketua saya marah la atas laporan tersebut. Terpaksalah saya mencari alasan sebab apa. Sebagai contoh alasan yang saya beri kepada ketua saya, atas laporan ada penduduk bernama Mazni, Mazni islam sebab berkahwin dengan orang luar Negara. Mak dia tak mengizinkan dan dia tidak berkahwinlah. Dia ada ketumbuhan Cyst dan Fybroid dan perutnya menyakin semakin besar seperti mengandung 9 bulan. Lepas itu, semua perjalanan rawatannya masih didalam pnetahuan saya, Cuma kita tidak dapat ambil tindakan lanjut, ketika itu saya hanya menunggu dan dia masih lagi boleh berjalan. Dan ketika itu ditakdirkan saya bersalin awal bulan 5 tahun lepas dan saya tidak dapat membuat tindakan selanjutnya. Ketika saya dalam pantang ketika itulah NGO ini buat kerjanya. Dalam laporannya kata saya terlalu lambat mengambil tindakan. Macam mana saya nak ambil tindakan sedangkan ketika itu saya cuti bersalin. Dari laporan itu juga hampir ada salah seorang pengerak yang hendak diberhentikan kerja. Nasib baik dibantu oleh ketua kami untuk jelaskan kepada pengarah. Kami jumpa OBD apa semua dan selesaikan secara baik. Sebenarnya isu masalahnya tidak terlalu besar tetapi disebabkan surat yang yang dibuat oleh NGO terebut tidak dilayan oleh pihak JAKOA. Oleh itu, NGO tersebut jumpa OBD untuk laporan perkara tersebut. Sememangnya tdak 100% yang dilaporkan adalah salah tetap ada yang betul. Dia tuduh saya lembap ambil tindakan tapi macam mana saya nak bertindak ketika itu saya cuti bersalin. Ada juga saya suruh Doktor untuk buat surat rayuan untuk mempercepatkan urusan pembedahannya. Bila dah dapat pesakit pula tak nak. Salah kita ke?. JAKOA juga ada ambil tindakan untuk memaklumkan kepada tok batin untuk mengendahkan NGO tersebut kerana NGO telah memburukan imej pejabat agama. Dan lepas itu tiada lagi kehadiran NGO tersebut.</p>
<p>Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh Masyarakat Melayu?</p>	<p>12</p>	<p>70:14</p>	<p>Bila orang melayu kahwin dengan orang asli, orang melayu akan lebih asli dari orang asli. Contohnya tanggungjawab dia serah kepada orang asli (Isterinya). Dia duduk dirumah sahaja. Suaminya pula di bulan puasa bawa kawan melayunya tak berpuasa dikebun sawit. Sambil-sambil mincing siap makanan dan hisap rokok pun ada. Tetapi orang sekitar sini tiada yang ambil kesempatan atas orang asli. Kebanyakannya bukan asal melayu di daerah ini. Ada jug</p>

			<p>yang menrendahkan diri dengan bandingkan saya dan mereka “ saya ini orang asli, ustazah pula orang abndar”. Pada kita tidak ada apa-apa tapi mendalam pada mereka.</p> <p>Ada juga wujud masalah sesama orang asli. Antaranya ada yang menjual ayam dalam kampung ini milik orang lain kepada seorang india. Sehingga berbelas ekor ayam yang di ambil. Dia tak kira ayam siapa, semua dia ambil. Itu memang masalah sesama mereka bukan masalah saya tetapi bila orang asli mula mengadu kepada saya. Dia menganggap ayam yang lalu didepan rumaahnya semua ayam dia. Dia mengatakan kalau ayam yang dibela ada dalam reban. Bila ayam itu menrayau-rayau maknanya ayam itu ayam awam.</p>
Apakah halangan orang asli sehingga sukar untuk menerima islam ?	13		<p>Kebanyakan mereka mengatakan hati belum terbuka. Lepas itu ada juga mengatakan “islam atau tak sama sahaja”. Boleh makan juga, perut kenyang juga. Saya pon pening bila dipersoalkan begitu, ustazah kalau makan kenyang tak ? sama je kan. Melainkan masuk islam saya tak kenyang. Dia seperti memerli kita pula.</p> <p>Ada juga bila saya Tanya “bila mackik nak masuk islam?” dia jawab “susahlah kalau mackik nak masuk islam kalau suami mackik tak nak masuk islam” bila mackik masuk islam, mackik kena bercerai dengan suami mackik”. Malulah umur dah 60 tahun bercerai berai.</p> <p>Ada juga seorang perempuan asli berkahwin dengan orang Bangladesh. Dah la masuk islam, terbang ke Bangladesh untuk peluk islam. Seperti tiada pejabat agama yang nak uruskan dia. Lepas itu mak dia marah dia dan buang dia dari keluarga. Tak mengaku anak dan tidak beri harta kepada anak perempuannya.</p> <p>Ada satu orang asli yang kahwin dengan orang Sabah. Sabah itu perempuan dan suaminya orang asli. Dia menjalankan perniagaan besi buruk. Tetapi tidak disukai oleh orang kampung kerana kerap menipu dalam timbang berat besi buruk. Saya punya besi buruk 70kg tapi dia kurangkan sehingga jadi 40kg. dia kata sebab tolak pasir, tolak batu, tanah-tanah yang lekat kat besi walhal tiada pun. Ketidak kepuasan hati mackik tersebut mengatakan “kalau begini islam baik tak payah masuk”. Saya mengatakan itu diluar kawalan saya. Kalau mackik nak tegur. Mackik tegur terus. Risau kalau saya masuk campur akan jadi gaduh.</p>
Apakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga menyukarkan untuk	14	79:49	<p>Dalam kampung jagaan saya tiada masalah sehingga mengganggu kegiatan dakwah saya. Tapi pernah awal tahun ada Kristian dari luar Negara datang pada waktu tengahari. Orang putih laki dan perempuan berpayung pusing kampung selama 4-5 hari. Saya tak tahu mereka orang Kristian. Rumah</p>

<p>menyebarkan agama islam?</p>		<p>Orang asli yang mereka singgah tetapi tidak singgah ke rumah saya. Disini orang asli yang beragama Kristian tidak mengaku mereka Kristian kerana mereka menganggap Kristian seperti memeluk islam. Ianya mejadi kebencian kepada orang asli dan mereka lebih setia dengan ajaran nenek moyang mereka atau anisme.</p> <p>Tapi di Cyberjaya, surau dah la buruk. Tetapi gereja lebih cantik hingga Nampak jurang perbezaan. Kita dah dapat peruntukan untuk bina surau baru dan setiap sabtu dan ahad pihak gereja akan mainkan lagu dan muzik serta jamuan makanan yang lazat. Kita pula ke surau bawanya kuih muih mana la mereka nak layan</p> <p>Macam di kampung diseberang tasik. Hanya 4 orang sahaja yang islam dan ada pengerak Kristian di dalam kampung di kalangan orang asli. Pengerak itu menggunakan cara mengambil dan mendidik kanak-kanak orang asli di dalam kampung tersebut 10 tahun lepas yang bersekarang sudah berumur 15-20 tahun. Mereka di hantar ke Sabah dan diajar untuk menjadi pengerak Kristian. Di dalam kampung siap ada gereja dan papan tanda maklumkan tempat itu adalah gereja. Operasi gereja tersebut sungguh meriah sehingga ada orang asli yang islam ambil upah buat kuih muih dan memasak untuk beri orang Kristian makan. Dan suruh orang asli yang islam baiki gereja. Mereka menerima tawaran dua kali ganda dari pihak gereja. Kalau saya minta RM100 dia akan bayar RM200.</p> <p>Di dalam kampung tersebut ada 100 orang hanya 4 keluarga yang islam lebih kurang 10 orang. Dan 10 orang asli yang islam semua perangai yang menerima bantuan dari Kristian. Yang islam kalau keluar tidak memakai tudung. Yang anak lelakinya tidak bekerja emak yang sara. Bujang terlajak yang berumur 40 tahun dan tak nak bekerja. Dan satu keluarga lagi mengambil upah mengasuh anak orang asli yang Kristian. Yang saya terkejut kerana mereka mengambil upah baiki gereja, ambil upah buat kuih muih tiap minggu, orang Kristian selalu puji masakanya sedap, dia suka masakannya dan dia pon termakan atas pujian tersebut. Tapi itu mungkin pendekatan mereka (Kristian) secara kita pon tak tahu.</p> <p>Yang tahunya saya, bila anak perempuan saya yang kecil itu dia kata nak peluk Kristian, saya Tanya kenapa nak peluk Kristian . dia kata sebab waktu krismas pihak Kristian beri pencil, buku, popcorn dan macam-macam lagi. Anak saya, saya hantar ke kampung orang asli tersebut di jaganya sehingga saya terasa nak tukar pengasuh. Tapi saya risau kalau saya tak jenguk kampung itu saya risau takut menjadi-</p>
---------------------------------	--	---

			jadi. Walaupun itu bukan kampung jagaan saya sekurang-kurangnya saya boleh menyalurkan maklumat pada pengerak disitu.
Apakah Bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah kepada orang asli? Mengapa?	15	89:04	Macam kelas hari Ahad, seperti mereka yang kurang bercampur dengan orang luar dan hanya bercampur sesama orang asli sahaja. Dalam kampung ini tiada masalah bercampur dengan orang melayu tetapi ada orang asli di Kg. Bakok yang susah nak faham apa yang kita ingin sampaikan sehingga kita perlu kata berulang kali. Mula kita guna bahasa melayu dan kalau tak faham juga saya akan guna bahasa orang asli seperti “faham tak?” saya akan guna “faham yap”. Kalau tak faham melayu saya akan ajar dalam bahasa orang asli. Walaupun ada sebutan slang bahasa orang yang saya kurang mahir, mereka pula yang ajar saya cara berbahasa orang asli dengan betul. Tak semua boleh berbahasa melayu terutamanya yang tidak bekerja kerana mereka tidak bercampur dengan masyarakat melayu. Jadinya susah untuk mereka faham. Kadang-kadang bawa pergi ke mahkamah ke, orang kaunter Tanya kenapa datang hari ini untuk berurusan di mahkamah. Mereka tidak jawab apa-apa. Dia faham tapi tiada keyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu.
Apakah Bahasa Badan dan ekspresi muka ustazah antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan? Setuju atau tidak? Mengapa?	16	90:50	Kadang-kadang berkesan dan kadang kadang mereka yang terkesan bila kita buat memek muka ketika marah ke. Kadang-kadang kita bertolak ansur juga. Contohnya minggu depan tak boleh hadir ke kelas, anak sedara kahwin itu tiada masalah. Tapi tak boleh la asyik tidak hadir ke kelas dengan pelbagai alasan. Memek muka ini ada kala berkesan dan ada tidak.
Perluakah mengkaji latar belakang dan cara hidup orang kaum asli? Mengapa?	17	92:03	Perlu sngat, kalau tidak tahu latar belakang dan cara hidup mereka macam mana kita nak tolong mereka. Di sini suku kaum Temuan dan tidak susah untuk faham latar belakang mereka. Senang dari sudut keluarga mereka bagaimana, kefahaman disekolah di tahap mana. Yang penting latar belakang keluarganya. Kenapa tak nak peluk islam, sebab dia tidak bercampur dengan masyarakat, kenapa tidak bercampur kerana anak ramai ke?. Jadinya kita tahu la serba sedikit. Untuk saya kenal dengan keluarga mereka saya akan pergi sehari 4 rumah. Kalau sibuk saya tak pergi la. Saya pergi Tanya tentang khabar mereka, tentang masalah mereka atau ada perlu bantuan dari saya ke. Selalunya mereka malu bila saya datang kerana tidak mampu memberi saya jamah sesuatu. Kampung disini dan sekitarnya tidaklah terlalu teguh dengan adat tetapi Kampung di Seberang Tasik, Kolam Air itu sahaja

			<p>yang masih berpegang teguh dengan adat. Contohnya kalau seorang lelaki nak pada perempuan orang asli itu tetapi mak perempuan tak bagi. Lelaki itu akan perangkap perempuan tersebut sama ada memabukanya, kurung dirumah lelaki tersebut atau sembunyikannya. Sama ada sudah dikerjakan sehingga 2-3 hari. akhirnya keluarga perempuan terpaksa akur dengan mengkahwinkan anaknya mengikut adat tetapi tetap perlu dikenakan denda adat. Tapi matlamat nak kahwin dengan perempuan tersebut itu dapat.</p>
Apakah bentuk persiapan untuk berdakwah kepada orang asli?	18	96:44	<p>Contohnya kalau kita nak pergi rumah orang itu esok, tiba-tiba esoknya dia tiada dirumah, kita juga perlu sediakan Plan B. dengan menukar rancangan pergi ke rumah orang lain sama jiranya ke, belakang rumahnya ke dan yang berdekatan dengannya. Memang kebiasaanya kita akan bawa buah tangan seperti the atau gula tapi tidak lah selalu. Kita tak nak ajar mereka mengharapkan setiap kali kita datang akan beri buah tangan. Takut nanti suatu masa bila kita tiada apa yang boleh diberi mereka akan beri tanggapan yang buruk. Bila kita tak bawa buah tangan mereka pula tah mahu layan kita.</p> <p>Kebiasaanya saya akan bawa teh dan susu. Dan pernah kita tiada bajet untuk diberikan. Mereka peril saya “ hai ustazah tak bawa apa-apa ke?”. Dan mereka tidak mahu layan kehadiran saya. Daripada ada jadi tiada. Jadinya bila dah biasa mereka ok sahaja. Bila kita dah biasa pergi bawa sesuatu lama kelamaan mereka tiada perasaan apa yang kita beri. Kalau 200 rumah perlu diberi buah tangan, banyak tu. Tapi bila ada bantuan atau bajet baru saya beri. Yang penting jangan selalu. Saya pernah Tanya JAKIM sampai bila kita nak ziarah perlu bawa buah tangan. JAKIM kata kita terpaksa beri kerana mereka sudah diajar begitu. Bila kita tak bawa ada juga yang mengata kita. Tapi kita kena terima sebab kita yang ajar dia begitu. Tak semua kehendak mereka kita perlu penuh 100%. Siapa boleh uruskan sendiri dipersilakan. Sampai bila kita nak manjakan mereka.</p> <p>Dari sudut persiapan dalaman pula, tidak dinafikan dari sudut gangguan makhluk halus memang ada. Bukan saya nak kata saya seorang sahaja yang kena tetapi satu rumah saya rasa. Nampak kelibat macam orang berjalan. Pernah juga Nampak ayam terbang elok, tiba-tiba ayam tersebut kulai lehernya. Dan penyebab ayam terkulai tu tiada. Saya rasa seram tapi saya buat tak tahu sahaja.</p> <p>Di sini ilmu hitam saya tak pernah rasa tetapi sesama mereka ada. Ada yang minya suami tunduk dengannya. Dia beri suaminya minum air kencingnya. Bila saya tengok, suaminya seperti orang yang bodoh ikut sahaja arahan isterinya. Saya perasan bila mulutnya tidak boleh di tutup, saya Tanya</p>

			<p>adiknya kenapa abangnya jadi begitu, dullu dan sekarang berbeza. Dia jawab isterinya beri air kencong pada suaminya(56:05)</p> <p>Saya juga ada pergi belajar bahasa mereka, kursus tentang orang asli. Kalau buat program melibatkan orang asli bagaimana untuk ambil hati mereka. Pengerak di Malaysia juga akan hadir ijtimak pengerak setahun sekali. Dan masing-masing kan berkongsi dengan pengalaman pengerak-pengerak yang lain di kampung masing-masing. Tahun depan cerita lain.</p>
Apakah strategik komunikasi yang digunakan oleh ustazah?	19	107:47	<p>Memang kadang-kadang kita perlu berlapak bila bercakap dengan orang asli. Tetapi jika asyik berlapak mereka pula tidak faham apa yang ingin kita sampaikan. Maklumat yang ingin di sampaikan tidak sampai. Contohnya tentang kes kaki anak saya yang patah, kalau saya berkias-kias dan berlembut mereka tak nak faham. Jadinya saya akan cakap terus terang padanya. Mungkin ada yang cakap secara hikmah dan lemah lembut tetapi untuk saya tidak. Saya Tanya juga “makkik tak terbuka ke nak masuk islam?”. Tetapi kita perlu pastikan orang tersebut sudah rapat dengan kita dan pada yang jarang bertegur sapa dengan kita memang sukar untuk saya sampaikan dakwah. Sebab pernah ada yang jarang tegur saya dan saya ajak dia masuk islam. Tetapi dia kata pada orang lain mengatakan yang saya paksa dia masuk islam. Padahal saya bertanya sahaja. Saya kurang bertanya pada yang kurang rapat dengan saya. Saya takut mereka beri tanggapan yang salah pada saya. Kita niat bertanya tapi mereka beranggapan kita paksa. Mungkin nada dan cara saya yang sedikit kasar. Untuk orang yang kita rapat dengan kita, kita boleh bawa gurau ajak makan dia datang. Setiap orang lain cara untuk bertanya. Lain orang lain tanggapan lain fahaman yang kita tidak tahu.</p>
Apakah menjadi keperluan untuk pendakwah untuk belajar bahasa orang asli? Mengapa?	20	111:58	<p>Sangat perlu kalau kita nak rapat dengan mereka kita perlu belajar bahasa mereka. Barulah senang nak rapat dan faham apa yang mereka mahukan. Macam bawa pergi ke mahkamah, bukan dia tak nak cakap tetapi kurang berkomunikasi dengan orang melayu. Jadinya dia jadi takut salah bila berbicara, takut tak faham apa yang mereka sampaikan dan takut malu dengan apa yang dia ingin katakana. Mereka nak kita ada sekali biar ada keyakinan diri. Kita seperti penterjemah pada mereka untuk berhadap orang lain.</p> <p>Memang bahasa temuan dan bahasa melayu banyak persamaan tetapi tetap punyai perbezaan. Kita Tanya faham tak, dia macam terpinga-pinga bila cakap “paham yap” baru la dia faham.</p>

			Dari sudut dokumen-dokumen yang perlu diisi, memang A-Z kita yang akan buat. Tetapi kita akan minta mereka beri salinan maklumat yang perlu diisi. Macam mereka yang bekerja sebagai cleaner ke kerja kilang ke yang bercampur dengan orang melayu. Mereka ini lain sikit. Mereka lebih faham, boleh bawa diri. Hanya kampung bakok sahaja yang ramai kerja di dalam kampung.
Apakah pemakaian para pendakwah atau ustazah akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?	21	114:46	<p>Saya tak pernah lagi pergi rumah orang asli pakai t-shirt lengan pendek, tetapi ada juga pengerak yang sebgitu. Tapi bukan lah lengan pendek, masih lagi menutup aurat dengan sempurna. Kalau yang berdakwah jenis pakai purdah, jubah-jubah ini harap dielakan kerana mereka beranggapan mereka ini orang yang nak memaksa masuk islam. Mereka tak boleh, mereka ini macam orang tabligh. Dengan serban pakai jubah, orang asli sebenarnya takut bukan yang tak islam sahaja yang islam pun takut. Kita pula tak kan nak tegur tak boleh pakai jubah kena pakai seluar slack bagai. Nanti kita pula kena marah. Kalau boleh bersederhana cukup pakai baju biasa dan seluar slack. Saya tak pernah bawa watak pemakaian ustazah untuk masuk ke kampung orang asli, saya iniada hari labuh ada hari singkat sikit dan biasa saya memang sebegini.</p> <p>Saya ini diperkenalkan ketika ada majlis di dalam kampung dan ketika masuk ke kampung begini pemakaian saya. Dan diterima orang asli kampung ini. Tetapi ketika sesi pengenalan ada yang tidak terima kerana seorang ustazah kerana sebelum saya masuk ada seorang pengerak perempuan juga. Orang yang tidak menerima kehadiran saya itu tak pernah jejak pun surau, dan dia juga tidak begitu mesra dengan pengerak sebelum ini(136:48)</p> <p>Ada mula-mula saya takut untuk pergi ke rumah orang asli untuk ziarah sehingga ada seorang makcik orang asli tawarkan diri untuk ke rumahnya. Makcik itu tak islam tetapi dengan tawarannya buat saya gembira. Dia kata anggap sahaja kita ini semua sedara. Dia selalu bawa saya pergi satu rumah ke satu rumah orang asli yang lain. Bawa pergi rumah adik beradiknya. Dah kenal semua anak-anak dia pula. Barulah selesai saya nak jalankan dakwah. Walaupun dia tak islam tetapi dia meraikan kita seperti sedara dia. Jadinya kita kurang takut. Kita orang Bandar masuk kampung orang asli yang kita tak kenal siapa.</p>
Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli? Mengapa?	22	127:04	Sekarang ini kalau ingin berbicara kepada orang asli kita kena ikut tajuknya. Mereka yang asas pun kurang faham. Contoh seperti bab solat. Apapun berbalik tentang tajuk perbincangan antara kita dan dia. Ada pernah seorang orang asli Tanya persoalan tentang perbezaan antara zina, persetubuhan dan rogol. Susah juga saya nak jawab sebab

		<p>perbuatan tersebut seperti sama tapi perbuatannya berbeza. Jadinya saya ambil papan putih cerita satu per satu. Barulah dia faham. Sebab bagi di asana. Jadi kalau kita sekadar cerita dia tak faham-faham. Akhirnya saya lukis atau melalui tulisan baru dia faham.</p> <p>Ada yang baca Al-fatihah, makcik tu dah 40 tahun masuk islam. Sekarang umur 70 tahun. Saya cakap sepatutnya makcik yang ajar saya sebab makcik lebih islam daripada saya. Dia kata makcik ini bodoh baca al fatihah pun reti. Saya ini masuk islam sebab nak kahwin.</p> <p>Nak mendalam sangat itu susah sikit sebab mereka susah nak faham. Contohnya perkara-perkara asas tentang rukun islam dan rukun iman. Boleh la kita cerita lebih mendalam dan mereka boleh faham. Bagi saya itu pun dah mendalam. Tetapi kalau nak lebih mendalam sehingga saya sendiri susah nak jawab. Ada pernah Tanya tentang kedudukan Allah. Arasy tu apa Ustazah?. Allah maha melihat, Allah tu macam kita ke ustazah ada mata? Kita nak jawab pun takut salah. Saya cakap nanti saya jemput ustaz yang pakar untuk jawab persoalan awak tadi.</p>
--	--	---

INFORMANT 3

NO.	QUESTION	TIME (MIN)	ANSWER
1	Bismillahirrohmanirrohim, Assalamualaikum WBT, yang saya hormati Ustazah Rohani Abdullah. Soalan pertama saya, bolehkah ustazah memperkenalkan diri ustazah, berasal dari mana, sudah berapa lama berkhidmat sebagai penggerak masyarakat orang asli?	0:19	<p>Bismillahirromanirrohim, Assalamualaikum WBT, Nama saya Rohani bt Abdullah dan berasal dari Kelantan. Saya berkhidmat sebagai penggerak masyarakat orang asli sudah lama iaitu 20 tahun dan saya berkhidmat secara tetap.</p> <p>Saya menjaga Kampung Orang Asli Sungai Buloh, seliaan Kampung Orang Asli Bukit Lagong. Sungai buloh adalah tempat hakiki/utama manakala Bukit Lagong adalah tempat seliaan dan bertumpu kepada Sungai Buloh sahaja.</p>
2	Soalan kedua saya, Bolehkan ustazah kongsi tentang kampung seliaan ustazah, berapa ramai yang islam dan berapa ramai yang bukan islam dan kepadatan penduduk berapa?	01:42	<p>Kampung Orang Asli di bawah jagaan saya, penduduknya tidak padat iaitu seramai 280 orang sahaja secara keseluruhan. Orang Asli yang beragama islam adalah seramai 198 orang dan yang bukan beragama islam adalah seramai 82 orang. Setiap bulan ada penambahan orang asli yang masuk islam. Bagi orang asli yang bukan beragama islam mereka terdiri daripada agama Kristian dan selebihnya adalah athies</p> <p>Kampung ini hanya satu tempat sahaja kerana tempat ini kecil dan rumah-rumah pun berdekatan</p>

			senang untuk berziarah. Bagi yang islam, rumah mereka senang untuk dicari iaitu di bawah barisan surau, kalau rumah yang di atas yang berdekatan dengan dewan, terdapat rumah batu tetapi tiada penduduk orang asli yang islam cuma ada 2 buah keluarga bukan islam sahaja. Tok batin adalah beragama kristian tetapi alhamdulillah dia boleh memberikan kerjasama. Kampung orang asli Sungai Buloh ini tinggi dan berdekatan dengan Hospital Sungai Buloh. (...) 03:20
3	Kita terus kepada soalan utama, soalan ini saya susun mengikut objektif pertama, kedua dan ketiga. Bagi objektif pertama, adalah tentang dakwah komunikasi, saya nak tanya ustazah sendiri, apakah pendekatan dakwah yang sesuai digunakan kepada orang asli?	04:01	<p>Bagi saya, lain orang lain cara. Daripada pandangan saya, pendekatan dakwah yang sesuai untuk kampung orang asli di tempat saya jaga adalah kita bagi penekanan pada pendidikan dan kebajikan. Kita harus tekankan kepada mereka bahawa anak-anak mereka harus mempunyai pendidikan. Bagi golongan dewasa dan orang tua, kita tekankan mereka dari aspek kebajikan kerana orang asli kebanyakan mereka tidak bersekolah. Kita harus jaga kebajikan mereka kerana mereka ini miskin, dengan pendekatan sebegini, saya berharap mereka akan berubah. Jika kita tidak tekankan aspek pendidikan dan kebajikan, mereka tidak akan berubah.</p> <p>Bagi orang asli yang beragama islam, saya mengadakan kelas fardhu ain. Selain itu, saya juga berziarah dari rumah ke rumah, mengadakan gotong royong seperti membersihkan surau. Bagi orang asli yang bukan beragama islam, kita pergi dari rumah ke rumah dan bersembang. Perkara seperti ini tidak perlu terlalu formal kerana takut mereka tidak mahu bekerjasama dengan kita. Ambil pendekatan dengan berbual dengan mereka di samping bertanyakan khabar mereka, pekerjaan mereka, makan apa hari ini dan jangan mengundang perkara-perkara yang boleh menyentuh sensitiviti mereka. Orang asli di tempat saya adalah dari suku kaum temuan dan setakat ini suku kaum temuan tiada yang campur lagi.</p> <p>Dari aspek kebajikan mereka, kita akan mencarikan peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak bekerja. Bagi golongan anak muda yang tidak bekerja, kita akan meminta mereka untuk keluar mencari pekerjaan kerana di Sungai Buloh terdapat banyak kilang-kilang. Orang asli memang rajin, kadang-kadang mereka nak bekerja tetapi mereka tidak pandai hendak mencari</p>

			<p>peluang pekerjaan. Oleh itu, kita harus menjaga mereka jika mereka mengalami kesempitan seperti tiada beras atau makanan untuk dimakan. Inshaallah kita ada badan NGO dan kita boleh bawa mereka ke zakat untuk dapatkan bantuan. Alhamdulillah kalau di Gombak, tiada lagi orang asli yang dipinggirkan.</p>
4	<p>Soalan kedua saya, berdasarkan pengalaman ustazah di kampung ustazah sendiri, apakah contoh dakwah bil hal, maksudnya dakwah melalui perbuatan yang sesuai digunakan kepada orang asli?</p>	07:14	<p>Bagi saya itu adalah topik utama dakwah bil hal. Mula-mula saya masuk ke kampung org asli, kita jangan fikir yang lain dan apa yang perlu kita fikir adalah dakwah bil hal dahulu kerana mereka akan melihat pada kita. Orang asli akan menilai daripada percakapan kita, perbuatan kita, adakah kita mengambil berat tentang hal mereka dan itulah yang lebih berkesan. Kita harus menyantuni, bertanya khabar, ziarah, buat kelas memasak, kelas fardhu ain dan kelas kraf tangan. Mereka pandai seni tetapi tidak tahu nak buat apa dengan seni yang mereka ada sama ada untuk menjual atau sebagainya.</p> <p>Kalau macam kraftangan, kita suruh mereka buat dan kita akan komersialkan. Contoh kraftangan kalau mereka buat seperti gelang tangan hiasan atau sabun. Sabun yang mereka buat sendiri ini ada tiga jenis iaitu pandan hijau, strawberi dan di sini ada orang perseorangan yang datang mengajar cara membuat sabun. Sekarang ini alhamdulillah, sabun tersebut boleh dikomersialkan. Saya akan bawa sabun ini untuk dipasarkan dan dijual ke pejabat agama dan promosikan kepada kawan-kawan. Dakwah bil hal saya adalah melalui berniaga. Saya menjual barang-barang yang semua orang asli mahukan seperti cadar, kain baju sebab kalau nak beli kena ada duit, dengan saya mereka boleh berhutang, ada duit mereka boleh bayar. Setakat ini tiada orang asli yang tidak bayar.</p> <p>Saya sebelum ini bukan sahaja di Gombak, di Temerloh, Pahang dan Selangor, kerja saya adalah berdakwah kerana jikalau saya pergi ke komuniti yang bukan beragama islam, ia rasa pelik, mereka nampak saya pun mereka lari. Tetapi apabila saya berniaga, mereka akan datang dan lama kelamaan mereka akan kurang rasa malu dan atas sebab itulah mereka memeluk agama islam seorang demi seorang melalui cara yang saya amalkan iaitu berniaga. Selepas itu yang kedua kalau saya mengadakan kelas, saya akan menyediakan makan</p>

		<p>dan minum. Kita ada barang kering yang diberi oleh JAKIM. Contoh malam ini saya bawa bihun goreng ke surau. Saya buat kelas, saya panggil orang asli makan. Selain itu saya bagi juga barang yang kita ada contoh buku untuk mereka bawa balik ke rumah. Mereka akan balik ke rumah dan apabila ibu mereka menyuruh makan, mereka akan beritahu sudah kenyang sebab saya bagi mereka makan. Jadinya, orang asli ini terutama kaum ibu akan mudah sensitive dan tersentuh apabila kita buat baik kepada anak mereka, dengan cara itulah mereka akan datang ke surau dan mengatakan mahu memeluk islam. Begitulah cara dakwah saya, di mana pun saya berada, alhamdulillah dapat diterima baik oleh orang asli dan pernah masuk islam kerana mereka melihat cara kita.</p> <p>Jika di surau, tengah hari tidak ramai yang hadir kerana di sini ada orang asli yang bekerja, jika nak adakan kelas pada waktu malam dari maghrib sampai isyak, ramai yang hadir, kadang-kadang 10 hingga 20 orang. Keadaan seperti ini kita tidak boleh nak jangka dan harus lihat pada keadaan. Jika pejabat agama atau JAKIM menganjurkan program yang besar-besar, barulah ramai yang hadir. Kalau kita buat kelas macam biasa 3 kali seminggu, tidak ramai yang akan hadir.</p> <p>Kalau zakat, kelas PDM (.....dakwah muallaf) dia tukar kepada dakwah berkesan, jadinya elaun dibayar RM50 sehari sekali datang, jadi ramai yang akan hadir, sebab saya dulu mengajar secara percuma dan hanya menyediakan makanan sahaja. Jikalau kelas yang zakat anjurkan, memang ramai dalam 30 orang, sebab mereka disuruh belajar dan akan terus tandatangan kehadiran. Dalam sebulan mereka dapatlah RM600 sehingga RM650 hanya kerana mereka datang ke kelas. Ilmu mereka dapat, duit pun mereka dapat. Macam kami di JAKIM hanya mengajar sahaja, tidak lebih daripada itu. Memandangkan kita mempunyai barang-barang kering, kita buat makan-makan sahaja. Saya suka masak sendiri dan orang asli memang suka saya masak. Kadang - kadang saya buat nasi lemak, mee goreng, bihun goreng. Sebab itulah apabila ada kelas, makanan wajib ada untuk menarik minat mereka datang ke kelas, walaupun mereka bukan nak sangat datang atas faktor duduk di pedalaman.</p>
--	--	---

5	Soalan ketiga,apakah contoh kaedah dakwah bil Qalam,maksudnya penulisan yg ustazah gunakan?	15:13	<p>Apabila saya mengajar kelas fardhu ain, saya suka menulis ucapan kalimah syahadat, pengertiannya tulis dengan tangan di white board atau manila kad dan tampal di bahagian dinding, ataupun yang islam saya tulis assalamualaikum atau bismillahirrohmanirrohim. Setiap orang saya bagi mereka buat dan tampal di rumah mereka sendiri. Kadang-kadang bukan cantik sangat tulisan khat yang kita beri kepada mereka tetapi bagi orang asli ia umpama satu penghargaan walaupun tidak seberapa. Selain itu, melalui penulisan ini, saya membuat carta-carta di surau, tuliskan renungan. Semasa sedang mengajar mereka, saya bacakan ayat-ayat hikmah, pedoman kepada mereka. Saya menggunakan medium whatsapp untuk mencari renungan-renungan, kata-kata hikmah dan perdengarkan kepada mereka untuk mereka mendengar dan merenung semula. Jika saya buat kelas, saya kena tegas sebab kadang-kadang saya bercakap, mereka pun bercakap, jadi apabila saya dengan saudara baru, saya harus tegas dan mereka akan hormat pada kita. Apabila ada program dari bandar contoh dari Kuala Lumpur, mereka akan kurang hormat pada kita. Bagi saya, kita jangan terlalu beri muka kepada mereka, sebab itu bila waktu berborak, saya akan berborak, jika waktu saya mengajar, saya akan fokus. Kalau kita terlalu tegas sangat, mereka akan jemu, dan keesokkannya mereka tidak akan datang ke kelas. Semasa mengajar, kita perlu tanya mereka sama ada faham atau tidak dan jangan ajar mereka terlalu banyak takut mereka akan pening dan tidak datang ke kelas.</p> <p>Di Sungai Buloh, banyak warga emas, manakala yang muda banyak keluar bekerja tapi masih duduk di kampung. Kebanyakan orang muda akan datang ke kelas pada waktu yang mereka tidak bekerja. Disebabkan itu dalam rekod kita kebanyakan kelas terdiri daripada warga emas. Kita buat kelas pukul 11, pukul 12 baru mereka datang. Tapi tidak mengapa, asalkan mereka datang ke kelas. Melalui whatsapp kita ada whatsapp group. Harini dekat surau ada kelas pukul 12 dan bagitahu menu terus supaya mereka mahu datang seperti pengat durian dan pulut durian. Menu yang berbeza beza. Kalau saya tak sempat masak disebabkan hal kecemasan, saya akan bawakan bahan kering dan berikan kepada mereka untuk dibawa balik. Dan masak dirumah</p>
---	---	-------	--

			<p>untuk anak anak dan suami. Itu termasuk kebajikan juga. Apabila beri nasihat melalui whatsapp, secara personal kadang ada yang whatsapp bagitahu yang dia masalah. Seperti masalah bersekedudukan kadang ada yang whatsapp sendiri jadi saya akan bagi nasihat dan beritahu awak ini sudah Islam, dan zina ini adalah berdosa. Kalau mahu kahwin bagitahu sahaja ustazah dan kita boleh uruskan. Sebab itu bahagian dakwah bil qalam ini hanya setakat begitahu sahaja lah dengan tulis tulis kepada yang islam sahajalah.</p> <p>Untuk bukan islam untuk mereka bersama dan terima kita dengan cara kita dengan jual beli, ziarah rumah ke rumah dan lebih kepada bil hal. Kalau semua islam mudah kita tertumpu di surau dan beritahu perkara perkara yang sepatutnya. Tapi sebab bercampur sekali dengan orang bukan islam, jadi kita kena guna kaedah berbeza. Untuk buat program program islam yang besar contohnya tok batin, dia akan datang juga. Seperti program kursus jenazah untuk saudara mara dia akan datang juga. Ataupun program dari pejabat agama dan zakat, tok batin perlu ada sekali jadi dia akan pergi juga dan dengar. Walaupun dia masih bukan islam, kerjasama itu alhamdulillah masih diterima olehnya. Ustazah selalu juga mengajaknya untuk masuk islam dan isterinya juga mahu masuk islam. isterinya bila ustazah jual baju selalu dia beli. Dia akan cakap pada saya untuk beritahu suaminya yang dia mahu masuk islam, tapi masih tidak boleh lagi. Sebab tok batin tidak mahu.</p>
6	Berdasarkan pengalaman ustazah, Apakah contoh kaedah dakwah bil lisan(percakapan) yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli?	22: 43	<p>Melalui percakapan pula, bila ada kelas kita adakan kursus. Kursus kursus dakwah, kelas latihan amali solat dan keagamaan dan kita adakan teori praktikal. Bagi saya, kalau dakwah bil lisan ini elok juga untuk orang asli di kampung. Kita sebagai penggerak ini kena ada dakwah bil lisan. Sebab mereka akan tengok kita dan bagi yang islam kita akan kumpulkan mereka di suatu tempat dan adakan program ceramah ceramah agama. Kemudian apa apa juga kursus keagamaan yang bersesuaian untuk mereka. Contohnya seperti tadi kursus jenazah. Sekarang ini alhamdulillah di tempat saya mereka sudah boleh uruskan sendiri apabila saya tiada. Kalau saya ada urusan lain dan berlakunya kematian, mereka uruskan sendiri tanpa cari saya. Masing masing dan cerdik pandai dengan hubungi zakat untuk mohon bantuan kewangan. Kemudian hubungi hospital bahagian</p>

			<p>farmasi, polis dan masjid untuk gali kubur dan pengebumian. Ajk surau kita yang akan ambil bahagian. Surau kita berdaftar dengan pejabat agama, jadi kita kena lantik ajk, pengerusi, imam, bilal, siak, pengurus jenazah wanita dan lelaki. Disini, kebanyakannya adalah wanita. Jadi saya yang akan mengetuai solat kebiasaannya. Sekarang ini, kanak - kanak juga ada yang dilantik sebagai ajk. Sebabnya mereka datang ke surau dan lihat mereka berminat. Dan inshaallah 3 - 4 tahun lagi mereka sudah boleh memimpin islam di tapak orang asli ini.</p> <p>Selain itu, kita buat kelas fardhu ain. Kelas kursus dakwah dan kita bawa mereka kesana. Contohnya MAIS mereka akan adakan sebulan sekali kursus pemantapan akidah. Tempat ada diadakan di hotel. Sekarang ada diadakan di Ulu Yam. Bahagian kursus kursu dan pemantapan akidah. Jadi mereka akan minta kita untuk kita hantar pelajar berapa orang. Semua penduduk orang asli di Selangor dijemput untuk datang dan kita campurkan mereka semua. Siapa yang berminat untuk hadir kursus jadi kita akan bawa mereka walaupun kadangkala hanya orang yang sama sahaja yang mahu ikut serta.</p>
7	<p>Manakah cara yang ustazah gunakan untuk berdakwah kepada orang asli? Dan Mengapa ustazah memilih cara tersebut?</p>	27: 14	<p>Kalau diikuti semua itu sesuai untuk orang asli. Bagi ustazah, disini ustazah gunakan dakwah bil hal. Kerana bermulanya kita mahu berdakwah mereka akan tengok perbuatan kita kerana kita ini adalah role model kepada mereka. Mereka akan lihat setiap perbuatan yang kita lakukan dan kita kena cari apa perbuatan baik yang bersesuaian dengan mereka untuk diterima agar mereka menjadi lebih cerdik paandai. Orang asli disini mereka ada yang sudah bergaul campur dengan orang melayu, jadi pemikiran mereka lebih intelek. Oleh itu, saya rasa dakwah bil hal disini lebih berkesan. Kita ziarah rumah kerumah, menyantuni mereka dan tolong menolong apa yang perlu.</p> <p>Contohnya perkahwinan bagi yang islam saya ada, tapi bukan islam saya tiada. Sebabnya mereka yang buat. Tapi ada juga yang minta tolong untuk saya datang bantu masak masak, gotong royong, masak makanan pengantin. Jadi saya datang bantu asalkan tidak makan makanan yang haram. Mereka tetap ada juga hidangkan makanan haram. Contohnya bila siang mereka hidangkan makanan</p>

		<p>yang halal, tapi bila waktu malam disitulah adanya yang berjoget, mabuk sampai ke pagi. Itu merupakan satu kejutan juga untuk saya semasa mula mula ditempatkan disini. Jika di Pahang mereka jarang bersosial sebegini. Masa saya jaga di exit highway Temerloh, mereka mungkin suku kaum yang lain jadinya tiada yang bersosial begitu. Disana saya sudah 17 tahun jaga. Disini baru 4 tahun. Cara disana, apa yang saya katakan mereka dengar. Tapi disini, apa yang saya katakan mereka akan lebih dari saya sebanyak disini mereka sudah lebih cerdik pandai. Mula saya masuk disana islam hanya seramai 8 keluarga, dan sepanjang 17 tahun sudah 48 keluarga yang memeluk islam. Dari tiada surau sehingga ada surau saya minta dari penghulu disana untuk bina surau. Saya dulu jaga dua buah kampung disana. Kampung Orang Asli Paya Mengkuang dan Kampung Orang Asli Sungai Belum. Kampung orang asli disana lain. Pejabat saya berdekatan dengan kampung. 7 minit dari pejabat dan 7 minit dari kampung orang asli. Waktu malam dari maghrib sampai isyak saya dikampung orang asli setiap malam dan selepas isyak baru balik kerumah. Jadinya saya banyak berada disana. Disini tidak boleh setiap hari. Tapi kadang ada pembantu yang bantu. Untuk bantuan contoh sumbangan pakaian, saya akan beritahu melalui whatsapp group adanya bantuan diberikan di surau pada waktu sekian sekian. Jadi mereka boleh pilih mana yang berkenan. Selebihnya yang tidak berkenan boleh dibawa ke kampung bukan islam dan kampung kampung lain.</p> <p>Kami kini sedang sibuk tentang perkahwinan orang asli. Di Gombak kini ada 18 pasangan yang bakal berkahwin. JAKIM, zakat dan JAIS ada buat pemutihan bagi kampung kampung yang mempunyai masalah bersekedudukan, tiada wali dan bawah umur yang ingin berkahwin tapi tidak boleh kahwin. Jadi mereka akan salurkan bantuan kewangan kepada penggerak untuk uruskan. Jika mereka yang ingin berkahwin ini bukan islam dengan islam, kita akan bagi yang bukan islam ini masuk islam terlebih dahulu. Jika tidak mahu masuk islam, kita pisahkan. Kalau saya kadang saya ugut sahaja untuk bawa mereka ke polis dan beritahu kalau tidak mahu islam tidak boleh duduk sekali bersama. Jika mahu juga duduk bersama, saya akan panggil penguatkuasa pejabat agama</p>
--	--	--

			<p>dan polis untuk dimasukkan ke penjara. Jadinya mereka takut dengan perkara ini. Saya tidak bawa ke balai, tapi kita laporkan pada pihak penguatkuasa. Apabila buat tangkapan mereka akan kena dakwa. Dan apabila didakwa mereka akan kena bayar denda. Jadi mereka akan takut. Jadinya kita cuma sergah sahaja mereka untuk perkara begini. Ada hikmah duduk di pejabat agama, jadinya kita dapat minta bantuan daripada mereka ini.</p>
8	<p>Dalam pergerakan untuk berdakwah terdapat dua jenis iaitu berdakwah secara individu atau berdakwah secara berkumpul. Yang manakah menjadi pilihan ustazah ? dan Mengapa?</p>	36: 45	<p>Dua dua ini boleh digunakan. Jika perseorangan setiap hari kita akan masuk. Untuk program program yang dilaksanakan dan untuk yang masuk islam sebaik baiknya diadakan secara berkumpul. Bekerja dalam kumpulan dengan bawa penggerak. Mereka yang memeluk islam meningkat kerana saya lakukan dakwah kumpulan kecil di Gombak. Penggerak seramai 4 orang kita berikan tarikh, masa dan di kampung mana untuk kita masuk. Kita bawa sekali bahan kering seperti biskut, gula sebagai buah tangan untuk diberi kepada setiap rumah yang kita pergi pada hari tersebut. Kita akan pilih beberapa buah rumah yang kita akan pergi untuk hari tersebut. Kita pergi dalam kumpulan. Apabila kita dalam kumpulan besar, mereka akan nampak kita bersungguh. Mereka nampak kita ambil berat kepada mereka, itulah kelemahan bagi mereka. Dengan ambil berat, mereka mudah untuk menerima kita. Pada permulaan mereka mungkin akan malukan kita sebab mereka tidak kenal kita, tapi lama lama kita buat baik dengan setiap hari datang mereka dah boleh lembut hati pada kita. Bagi saya berkumpul banyak kelebihan. Kalau kita tidak boleh membantu kita ada kawan yang dapat membantu. Bila orang asli tengok ramai ramai yang datang, mereka akan fikir kenapa itu? kemudian kawan kita dapatlah selit selitkan kebaikan sebab lain oranglain pendapat dan pembawakannya. Apabila saya buat dakwah berkumpul secara kecil seringkali berjaya. Setiap kali buat paling tidak seorang akan memeluk islam.</p> <p>Tapi buat masa ini disebabkan covid, kita terpaksa berhenti sementara dan bergerak sendiri. Bagi saya perseorangan dan berkumpul ada kesan pengislaman itu. Ilmu ini saya ambil semasa saya di Pahang. Saya bawa dan cuba buat di Gombak. Saya masuk kampung orang asli kadi</p>

		<p>kita ikut, dan sempat shahadahkan mereka. Bajet sendiri sendiri tanpa bantuan dari zakat. Dulu dakwah kumpulan kecil kita akan buat 2 kali seminggu.kita akan bergilir masuk ke kampung yang brlainan. Bila sudah habis pusing balik. Kita pergi pagi balik petang. Dnegan datang kerumah mereka beramai ramai. Alhamdulillah cara ini berkesan sehingga mereka dari JAKIM sendiri turun. Tahun pertama saya buat dapat galakan dan pengislaman bertambah. Dan bila tahun lepas saya buat lagi zakat membantu dari segi kewangan. Tahun ini juga kami dah buat kertas kerja tapi tak dapat dilaksanakan disebabkan pkp. Kami penggerak 4 orang ini sama sama membantu. Contoh Kampung Orang Asli Ulu Kuam tempat Ustaz Adam dia tidak berapa sihat jadi kami sama sama bantu uruskan masalah di kampung itu. Seorang boleh tapi tidak berkesan. Bila masuk ke kampung lain cuba lah buat berkumpilan. Contoh di Pahang, mengapa pengislaman dia tinggi, sebab penggerak disana buat selama 3 hari 2 malam dan mereka tidur disana. Saya dulu Selasa, Rabu, Khamis sentiasa tiada di rumah. Rumah saya jauh dari perkampungan itu. Walaupun penat tapi seronok. Apabila kita buat sebegitu dengan tidur dan masak dirumah mereka, pendekatan dakwah islam itu akan lebih berkesan. Kalau tidak tidur dirumah, kadang di surau atau dewan. Walaupun wang akan lebih dari kebiasaan tapi tidak mengapa. Kita bantu mereka dengan masak bersama sama dan berborak. Sebab itu saya kata, dakwah bil hal dahulu. Ianya sangat penting sebab mereka akan tengok cara kita bagaimana.</p> <p>Kadang kadang orang melayu yang berjiran ini berikan pandangan negatif pada orang asli. Jadinya kita buat program masyarakat dengan orang melayu. Berikan pendedahan jangan pandang serong pada orang asli. Program kemasyarakatan. Kadang kadang kita panggil klinik kesihatan masuk kedalam kampung orang asli dan panggil sekali orang melayu untuk memeriksa kesihatan mereka di sana. Ada juga orang melayu yang suka dan tidak suka. Kadang kadang kita minta mereka masuk islam mereka sendiri yang tidak suka. Dan orang melayu ini berfikiran mereka mahu mahu islam sebab mahu duit zakat sahaja. Jarang sekali kita lihat orang asli ini mereka yang murtad. Melainkan Cina dan India. Disini atas tiket nama</p>
--	--	--

			islam menggunakannya untuk mendapatkan wang zakat. (...) 50 : 02
9	Adakah peranan Orang Penting seperti Tok Batin, Ketua Kampung [Jawatan kuasa kemajuan keselamatan Kampung (JKKK)] sangat diperlukan untuk memulakan dakwah kepada Orang Asli? Mengapa?	53: 12	Ianya tengok pada tempat. Kalau mereka sudah islam tidak perlu gunakan khidmat orang kuat ini. Di tempat saya, tok batin dan pengerusi bukan islam. Jadi bila nak masuk kampung kita minta kebenaran untuk adakn program. Tapi kalau yang dah islam kita tak maklumkan pun tidak mengapa. Lebih baik dimaklumkan. Ada setengah tempat kita kena ada mereka juga. Kita kena tackle tok batin dulu. Tapi akan payah sedikit jika tok batin bukan islam. Walaubagaimanapun, alhamdulillah walaupun dia kristian pengerusi pun kristian mudah bekerjasama dengan saya setakat ini. Walaupun mereka bukan islam, mereka ini orang penting didalam kampung. Tuan tanahlah mereka ini. Kita minta izin dan kebenaran untuk buat program. Walaupun program yang diadakan itu program islamik dan tiada kaitan dengan dia kita maklumkan juga. Mula mula dulu saya kena report pada tok batin. Cari dan beritahu kepadanya. Kita perkenalkan diri pada mereka dan minta tunjuk ajar. Walaupun mereka bukan islam, mudah juga untuk saya buat kerja dakwah dan mereka tidak menghalang. Dia pernah kata, sesiapa yang nak masuk islam masuklah, dia tidak paksa. Jadinya tiada halanganlah. Semua tok batin di Gombak ini bukan islam. Tok Batin di Batu 12 dan Batu 16 sahaja yang islam. Ada 8 kampung dan hanya 2 sahaja yang tok batinnya islam. Dan mereka semua tiada masalah dengan kita. Walaupun ada yang kadang itu depan baik belakang berkata yang kurang baik. Katakanlah NGO datang dan tidak beritahu kita, dia tanyalah ada ke penggerak dan kelas kelas mengaji disini. Orang asli yang cerdik pandai mereka akan kata 'dah ada, tapi tak datang pun'.
10	Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bil hal (Perbuatan) yang dilaksanakan kepada orang asli?	58: 32	Halangan dan cabarannya adalah bagi yang bukan islam mereka tidak berminat dengan islam. Bila kita pergi kerumahnya untk berborak, mereka lari dan masuk kerumahnya. Biasalah perkara itu. Kadangkala bila kita bagi penerangan pada mereka kata masih tidak terbuka lagi. Kalau mereka tidak mahu menerima islam kita tidak boleh paksa. Satu lagi, orang asli untuk masuk islam adalah dengan mengajak isteri mereka dahulu. Orang asli di mana mana sekalipun mereka hormat isteri mereka. Apa apa keputusan dilakukan oleh isteri. Bila buat program, kita akan ajak semua orang. Para isteri ini datang cara jalannya dengan

			berlenggang sahaja. Suami pula dukung dan pimpin anak mereka. Halangan cuma pada yang bukan islam. Bagi yang islam tiada halangan cuma pada hadir untuk program sahaja. Tapi sekarang mereka sudah cerdik pandai, sama ada program berkaitan atau tidak mereka mahu datang. Untuk bukan islam ini mereka lihat pada perbuatan kita. Mereka ini berpuak puak. Kalau bergotong royong ada kumpulan masing masing. Jadinya kalau nak buat program kena bagitahu semua. (
11	Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bil qalam (tulisan) dan bil lisan (percakapan) yang dilaksanakan kepada orang asli?	1: 21: 25	Bil qalam ini kata kata, melalui percakapanlah. Dengan kata kata kita kena berlembut dan berhikmah. Semasa di dalam kelas kita mengajar dengan tegas. Tapi bila kita bersemuka biasa kita bermesra dengan mereka. Jangan bagi mereka terasa. Kalau terasa sekali, seribu kali dia akan hilang. Macam itu lah mereka. Sama juga kalau mereka sayang sekali, seribu kali mereka boleh sayang kita. Oleh itu, lebih baik mereka sayang kita daripada membenci. Sebab itu kita kena jaga cara percakapan kita. Elakkan guna perkataan yang kasar seperti bodoh. Banyak kes yang berlaku sebab mengapa mereka sudah tidak mahu datang kelas mengaji kerana gurunya cakap 'belajar hari hari pun tak faham lagi'. kebanyakan adalah orang tua yang mudah terasa ini. Hati mereka sangat sensitif. Berlemah lembut dengan bijaksana dan berhikmah. Kita sebagai role model mereka. Sekali sahaja terasa, selamanya susah untuk mereka terima semula. (...) 1:25:20 sebab itu kalau nak masuk kampung mereka kita kena tahu pantang larang kampung mereka. Amat pentinglah dari segi perbuatan kita sebab mereka akan terasa. Jangan sampai terguris hati mereka. Selalu ambil berat dengan ada interaksi pada mereka. Sebab itu kalau kita mengajar mereka jangan formal sangat. Baru mereka boleh tumpu pada kita dengan interaksi antara satu sama lain. (...) 1:28:35
12	Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh orang melayu?	1: 39: 17	Bagi orang melayu seperti yang saya katakan tadi. Ada yang positif dan ada yang negatif. Dari segi negatif mereka katakan jijik dengan orang asli, mereka tuduh orang asli curi barang dan tanama mereka. Bagi yang islam pula mereka katakan orang asli ini hanya islam pada dasar sahaja, hanya pada shahadah. Orang asli pandang negatif pada orang melayu pula ada yang elok dan ada yang tidak elok. Orang asli ini pemalu. Mereka malu untuk bergaul dengan orang melayu sebab orang melayu pandang hina pada mereka. Kadangkala

			<p>orang melayu cakap mereka ini islam pada nama sahaja. Inginkan bantuan sahaja. Tapi ada juga orang melayu yang datang berikan bantuan, kerja kepada orang asli. Contohnya bantu bina rumah, potong rumput. Mereka akan buat dan dapat upah walaupun sedikit. Melayu yang berjiran ini sepatutnya tunjukkan perbuatan yang baik kepada orang asli. Orang asli ada yang katakan mengapa mereka tidak mahu masuk islam kerana orang melayu sendiri ada yang curi barang mereka. Orang melayu ini pun suka mengambil kesempatan dengan buat jahat kepada orang asli seperti bersekedudukan dengan mereka. Jadinya sekarang tok batin tidak benarkan orang luar untuk masuk untuk elakkan perkara begini. Di Gombak, tok batin memang tidak benarkan orang luar indon atau bangla masuk duduk didalam. Kalau mahu masuk mereka akan tanya mahu pergi kemana dan ada apa hubungi. Kalau ada orang melayu yang duduk dirumah orang asli mereka akan reportkan pada saya. (...) 1:45:30</p>
13	Apakah halangan orang asli sukar untuk menerima Islam?	1: 47: 39	<p>Halangan orang asli dalam menerima islam salah satunya adalah agama mereka. Agama kristian contohnya sukar untk mereka masuk islam. Mereka sudah diberikan bantuan kebajikan . kalau tiada agama kepercayaan tiada halangan. Kta pergi kerumah mereka dan boleh ajak mereka untuk masuk islam. Tetapi bagi yang beragama kristian, susah. Payah untuk mereka masuk islam kecuali jika mahu berkahwin dengan perempuan asli islam baru mereka akan masuk islam. Kalau kita buat program bermalam sekalipun dan mereka sudah beragama islam mereka tidak mudah untuk dipujuk. Itu adalah halangan yang paling besar untuk memasuki islam. Bagi yang tiada agama, mereka katakan islam ini payah. Payah untuk makan. Kalau bukan islam semua boleh dimakan. Contohnya makan monyet, kura kura. Tapi kalau dah islam susah nak makan. Pengakuan dari yang sudah islam, Apabila dia masuk hilang sudah nalurinya untuk makan makan sedemikian. Jadinya untuk orang asli halangannya pada makanan. Seterusnya, mereka kata bila masuk islam kena puasa, solat. Jadi mereka kata mereka tidak cekap dan letih kena buat semua itu. Bila tidak buat berdosa. Jadi kita kena bagi penerangan kepada mereka dan bila bersedia baru mereka mahu masuk islam. (...) 1:57:19 jadinya halangan utama adalah makanan. Bila pergi ke kampung orang asli dan tanyakan pada mereka makanan</p>

			menjadi faktor. Bila mereka masuk islam sudah tidak boleh mahu makan makanan begitu.
14	Adakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga sukar untuk menyebarkan agama islam?	1: 57: 25	<p>Agama kristian di setiap kampung ada. Cumanya secara senyap, sembunyi rahsia dan terangan. Di tempat saya, tiada setakat ini. Cuma agama kristian sahaja dalam 3 hingga 4 buah keluarga. Keluarga tok batin, pengerusi dan anak anak mereka. Tapi mereka tidak mengganggu orang lain dengan hasut untuk masuk kristian tetapi hanya pada kalangan mereka sahaja. Hujung minggu mereka pergi gereja di tempat mereka. Tiadalah buat gereja dan rumah ibadat di dalam kampung ini. Dia memang mengaku dia kristian. Perayaan seperti krismas dia sambut juga tapi hanya sesama mereka. Kampung yang saya jaga ini alhamdulillah masih terkawal.</p> <p>Bagi tempat lain seperti pendalaman ada ancaman dari agama lain. Mereka di pendalaman ini duduk di ceruk kampung dan jauh dari bandar serta susah untuk keluar makan. Jadinya orang kristian ambil berat dan peranan terlebih dahulu. Sebelum penggerak masuk, kristian masuk dahulu dan bawa satu makanan penuh di Kuala Lipis. Dan bila kita sudah tahu kita akan panggil penggerak lain bekerjasama dengan pejabat agama dan zakatserta MAIS untuk buat program disana. Akan ada yang laporkan dan maklumkan pada kita bila mereka lihat orang luar datang ke kampung. Kita akan tanyakan pada mereka tujuan apa untuk masuk ke kampung ini. Jika untuk masuk hanya sekadar melawat kampung orang asli, kita benarkan. Jika untuk menarik mereka masuk ke agama lain dengan pesongkan akidah mereka kita tidak benarkan. Semasa saya jaga di Temerloh, tok batin sudah maklumkan lebih awal dia tidak mahu orang kristian masuk ke kampung. Jadi mudah dan seronok lah kita. Cuma ada animisme dan islam. Sini juga alhamdulillah mudah. Kita takut bila orang kristian masuk menyebabkan orang asli islam ini murtad dan adanya gereja. Apabila ada isu, kita akan dipanggil. Setakat ini alhamdulillah masih terkawal dan pihak JAKIM akan pantau penggerak akan isu ini. (...)</p>
15	Apakah bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah? Mengapa?	2: 06: 27	Ya. Kalau diikuti bila kita masuk ke kampung orang asli kitatahu bahasa mereka dan gunakan bahasa mereka adalah lebih baik. Dakwah itu akan lebih berkesan. Seperti di tempat saya mereka merupakan suku kaum temuan. Temuan ini lebih kurang seperti bahasa melayu. Kini mereka sudah jarang menggunakan bahasa temuan sebab berada

			<p>di pinggir bandar. Lebih kepada bahasa melayu. Tetapi masih ada segelintir yang menggunakan bahasa temuan ini. Seelok eloknya mereka akan bangga dengan kita apabila menggunakan bahasa mereka.</p> <p>Semasa di Pahang saya menggunakan bahasa jahut. Bahasa jahut ini payah sedikit. Temuan banyak menggunakan bahasa melayu seperti semai dan mamak. Apabila kita berdakwah dan mengajar dan kita menggunakan bahasa asli mereka sangat suka. Dulu semasa kursus kita ada diajar bahasa bahasa yang digunakan oleh orang asli. Tapi sebab kurang dipraktikkan susah jadinya dan mereka juga banyak menggunakan bahasa melayu. Kadang kadang apabila mereka bercakap sesama kawan sudah jarang menggunakan bahasa mereka. Lebih kepada menggunakan bahasa melayu. Sekarang ini sudah moden, ramai sahaja yang sudah berkahwin campur dengan orang asli ini. Seinggakan ada sahaja yang berkahwin dengan orang negeri saya iaitu negeri kelantan. Dan mereka ini kebanyakan cerdik pandai dan cantik. Jadi ramai orang melayu yang berkahwin campur dengan orang asli. Disitu mereka tiada halangan dalam berkomunikasi. Cumanya diharap apabila mereka berkahwin dengan orang melayu, tidak sesat dan menjadi lebih baik. Saya berharap suaminya dapat didik dan ajar menjadi lebih baik. Saya juga beri galakan untuk mereka yang sudah berkawin dengan orang melayu islam ini untuk datang juga ke kelas saya walaupun pada waktu malam. (...)</p>
16	Bahasa Badan (<i>Body Language</i>), ekspresi badan atau muka antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan? Setuju atau tidak? Mengapa?	2: 12: 10	<p>Saya sangat bersetuju. Seperti yang saya ceritakan tadi, bahawa kita ini sebagai role model kepada mereka. Mereka akan tengok semua dari kepala kepada sampai ke kaki dan perbuatan yang kita lakukan. Dia akan cari kesalahan kita. Sebab itu kita kena teliti sebagai role model mereka tunjukkan yang terbaik. Apabila kita sebagai role model ini kita kena berpakaian yang cantik cantik. Mereka akan ingat apa yang kita pakai. Kalau kita berpakaian sama level berpakaian dengan mereka, mereka tidak akan hormat kita. Penampilan, gaya rupa memang penting. Penampilan saya seperti ini dengan cara ambil berat. Saya jenis ceria dan selalu bising. Bercakap dengan bising dan banyak. Jangan sombong dan pilih kasih. Kalau asyik sebut nama orang yang sama sahaja, esoknya mereka tidak ke kelas lagi. Perasaan mereka kita tidak</p>

			<p>boleh baca. Mereka memang sangat sensitif. Kalau mereka terasa hati atau pilih kasih mereka akan umpat kita. Dan kalau mereka mengumpat menggunakan bahasa asli saya faham. Saya faham bahasa mereka. Kalau yang islam, nampak saya mereka tidak lari. Bagi yang bukan islam mereka sudah kenal saya. Kalau dulu memang akan lari. Jika berselisih dengan saya pun mereka buat tidak tahu sahaja.</p> <p>Apabila kita jadi pendakwah, memang hebat tapi banyak tugas kita. Kita kena jaga perbuatan, percakapan, penampilan dan pakaian kita sehingga mereka boleh ingat apa yang kita pakai semalam. Apabila mereka minat pada kita, mereka akan tengok pada kita sentiasa. Mimik muka, cara bercakap dengan mereka juga mereka akan perhatikan. Kalau kita tidak ambil perhatian pada mereka, mereka akan terasa. Jangan ambil mudah dengan buat tidak tahu. Kalau mereka dah terasa hati, takut mereka akan guna gunakan kita. Jangan ada pilih kasih antara kita. Mereka mudah sensitif. Contoh kita beli barang kering dan beri pada si A kalau saya suruh masak si A kena masak. B dengar dan B pula seorang yang aktif sedikit. Kalau kita tidak pergi ke dapur letih untuk kita menjawab. Itu menyebabkan dia merajuk tidak datang ke kelas. Padahal kita tidak tahu mengapa dia tidak datang ke kelas. Benda kecil sahaja boleh menyebabkan mereka merajuk. Sekarang ini kalau ada buat kelas kita adakan mesyuarat dulu dan tanya, kita ada bahan kering dan tanya anak anak buah ustazah siapa yang nak pegang barang kering ini dan nak masak. Kena tanya sukarela jangan secara perseorangan. Banyak perkara kita kena tahu. Bila masuk kampung ini banyak perkara kena belajar. Sebab itu dia tengok kita sebagai role model. Dia akan tengok kebaikan kita, percakapan kita.</p>
17	Perluakah mengkaji Latar belakang dan cara hidup kaum orang asli ? Mengapa?	2: 19: 18	<p>Perlu mengkaji latar belakang. Untuk mengkaji latar belakang portfolionya kita ada buat. Kita mengkaji orang asli individu. Ada individu, kumpulan dan keluarga. Bagi yang islam kita kaji individu dahulu kerana kita ada data peribadinya. JAKIM 6 bulan sekali akan minta. Kita kena buat profilnya. Sebelum saya masuk di Sungai Buloh ini saya kena minta dulu maklumat mereka dan latar belakang. Apabila kita dah tahu dan ada borang dari JAKIM kita akan pergi rumah kerumah untuk mereka isi borang tersebut. Berkaitan latar belakang, gaji, tahap pendidikan,</p>

			status perkahwinan jumlah tanggungan dan sebagainya. Sebab itu kadang YB atau NGO yang datang mereka akan minta. Kena ada bagi setiap individu yang berusia 18 tahun keatas. Bagi yang dibawah umur, data diperoleh melalui ahli keluarganya yang lain dan ibu bapa. Penggerak perlu ada latar belakang sekurangnya latar belakang orang asli yang islam. Mudah untuk diberikan apabila ada yang meminta nanti. Sebabnya dahulu penggerak ini tiada pejabat. Oleh itu, orang kata penggerak ini tiada kerja dandidak bertugas. Mereka tidak membuat kerja. Apabila penggerak ada pejabat, punch card menjadi bukti mereka masuk ke kerja 2 kali seminggu. Setiap bulan kena hantar halatuju. Sekurangnya jika ada yang pertikaikan kerja penggerak kita ada bukti kepada mereka.
18	Apakah bentuk persiapan Ketika berdakwah kepada orang asli?	2: 23: 40	Sebelum kita masuk ke kampung orang asli contoh bila kita masuk untuk buat kelas fardhu ain jadi kita persiapkan diri dengan ilmu. Sekarang ini kita ada buku dan modul untuk mengajar. Modul dari JAKIM dan dari MAIS. Contohnya tauhid, feqah dan tajwid. Buku disediakanoleh MAIS kita berikan kepada mereka. Atau jika kita ada sumber kita, kita akan buat salinan dan berikan kepada mereka juga. Jadi kita ajar mengikut modul itu. Bila masuk islam, akan berikan buku modul 1 iaitu tahap rendah untuk yang baru belajar. Antara bahagiannya adalah bahagian ibadah, tauhid, feqah dan sirah. Dan buku ini hanyalah secara ringkas sahaja. Apabila sudah pandai sedikit dan belajar selama 1 hingga 2 tahun, diberikan modul 2 iaitu buku tahap 2. Ada 4 subjek iaitu puasa, solat, azan iqamah dan bersuci. Orang asli ini walaupun mereka lambat menerima, tapi kita rasa seronok sebab mereka boleh menerima walaupun sudah tua dan belajar dengan hati terbuka walaupun mereka tidak boleh baca. Kebanyakan mereka ini sudah tua berusia 50 tahun dan pelat sedikit untuk belajar. Kelas yang diadakan tidak boleh terlalu lama. Paling lama adalah 2 jam.
19	Apakah komunikasi strategik yang digunakan?	2: 28: 35	Bagi saya apabila masuk ke kampung orang asli, komunikasi yang kita buat dengan cara berhikmah, bijaksana, percakapan yang lemah lembut, baik, bercakap perkara yang mereka suka dan tidak menyebabkan mereka terguris hati. Apabila kita mahu masuk kampung ini kita sampaikan komunikasi kita. Kita ini sebagai perantara. Apabila kita berkata mengenai islam, mereka seratus peratus percaya pada kita. Bagi yang islam,

			<p>apa apa perkara mereka akan cari kita bukan cari tok batin. Sebab tahu ada ustazah dan ustaz. Kelas fardhu ain selalu di surau jadi saya akan ke surau. Kalau menziarah baru saya datang ke rumah. Bsurau itu sebagai tempat kita duduk bermesyuarat dan adakan kelas. Balairaya ada iaitu dewan. Bagi program yang bukan islamik kita akan adakan di dewan dan jemput orang kampung. Sebelah dewan adalah rumah tok batin. Tahun lepas kita adakan majlis sambutan hari raya aidilfitri anjuran pejabat agama unit dakwah. Alahamdulillah mendapat sambutan dari orang kampung. Kita yang kena turun mengajak dari rumah kerumah. Mereka semua datang sama ada islam dan bukan islam. Mereka juga faham sekiranya program di surau hanya untuk yang islam, dan di dewan program diadakan untuk semua orang. Bagi program di surau ini sebenarnya tidak terhad kepada yang islam, cumanya orang asli itu sendiri yang beranggapan untuk program di surau hanya untuk orang islam sahaja. Ngai yang bukan islam tidak boleh masuk. Padahal boleh sahaja mereka masuk dan kita tidak halang mereka. Dan kini mereka sudah faham bahawa mereka sudah boleh masuk ke surau dan didewan mereka boleh untuk bercampur antara satu sama lain. Bagi saya orang asli ini senang. Kita buat apa sahaja yang mereka suka. Apa yang patut kita tolong, kita tolong semampunya. Orang asli ini bila kita bantu mereka, menyiapkan dan menyelesaikan kerja mereka, mereka akan ingat sampai bila. Mereka ucapkan terima kasih dan bangga dengan kita. Setakat ini, mereka suka saya sebab saya bantu uruskan perkahwinan anak mereka. Mereka sangat suka. Sentiasa berterima kasih kepada saya. Kita bantu mereka untuk buat kad islam untuk perkahwinan. (...)</p>
20	<p>Adakah menjadi keperluan untuk pendakwah belajar tentang bahasa Orang Asli? Mengapa?</p>	2: 35: 43	<p>Perlu untuk pendakwah belajar tentang bahasa orang asli. Sebab apabila kita bercakap dalam bahasa asli mereka seperti disini bahasa temuan, mereka akan rasa bangga. Selain itu mereka mudah faham sebab itu bahasa mereka. Contoh pembantu penggerak, guru takmir di Cameron Highland dia merupakan orang asli yang masuk islam dan belajar di PETAMA iaitu kelas agama di Pahang sampai dia jadi pendakwah tetap. Dia jadi pendakwah orang asli di Cameron Highland. Jadinya apabila kita buat program, kita tak perlu lagi jemput pendakwah luar. Bila dia yang</p>

			<p>memberi ceramah ramai yang masuk islam sebab dia bercakap menggunakan bahasa yang mereka faham iaitu bahasa orang asli. Dia dakwah kepada orang kampung dia sendiri jadinya mudah difahami. Seperti saya orang kelantan akan cakap menggunakan loghat kelantan untuk bercakap dengan mereka dari Kelantan ini. Mudah orang kelantan untuk faham. Mereka orang asli dan suku kaum yang sama. Jadi dia jadi role model bagi orang kampung boleh ikut dia. Tambahan pula, dia sampaikan dakwah itu menggunakan bahasa asli dia. Mudah untuk mereka faham dan ikut. (...)</p> <p>2:40:09 sebab itu lebih baik untuk kita tidak perlu ambil pendakwah lain. Kita didik biar walaupun hanya seorang sahaja orang asli dalam kampung kita untuk kita didik dan asah bakatnya sehingga jadi pemimpin. Itu yang saya cuba lakukan. Saya didik anak yang dari kecil ini sehingga dia boleh menjadi imam daripada dia tidak pandai.</p>
21	Adakah cara pemakaian para pendakwah atau penggerak akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?	2: 45: 09	<p>Sebagai pendakwah ini kita kena tunjukkan perkara yang baik kepada orang asli. Sebab mereka akan lihat kita. Kalau kita tidak kuat mereka akan lebih lemah. Jadinya pemakaian adalah salah satunya. Sebab itu bos di JAKIM ini selalu menitikberatkan mengenai pakaian. Kita ini pegawai. Sebolehnya kita pakai pakaian yang smart. Pakai jacket dan kot biar mereka tahu kita ini pegawai. Itu penampilan kita. Mereka akan menilai kita. Kalau kita tidak yakin dengan diri kita, orang lain lagi tidak akan yakin kita ini pendakwah. Kita kena tengok keadaan dan suasana. Kita sentiasa mengingatkan diri bahawa kita ini seorang pegawai dan pendakwah sebagai pemberi semangat kepada diri kita. Sebagai seorang pendakwah biar mereka nampak dan hormat pada kita. Pakaian kita menutup aurat sebgagai role model pada mereka. Pakaian yang bagaimana yang bersesuaian dan biar mereka lihat begini cara pemakaian islam yang sebenar. Pakaian kemas juga salah satunya. Sebab kita adalah bekerja dan buatkan yang terbaik. Kalau kita pakai biasa biasa sahaja, orang asli tidak akan hormat kita. Kita berpakaian seperti mana kita berpakaian duduk didalam pejabat. Dengan adanya kot, jacket dan sebagainya. Sebab itu dititikberatkan mengenai pakaian. Pakaian melambangkan kerja kita. Kekemasan pakaian juga melambangkan kekemasan kerja kita. Jika kita selekeh, begitulah selekehnya kerja kita. Saya sendiri bab pakaian ini saya jadikan diri sebagai</p>

			<p>role model pada adik adik kita. Bagaimana cara berpakaian saya yang sepatutnya dan bersesuaian. Kita mahu berhadapan dengan audience kita. Banyak mata mata yang memperhatikan kita. Setiap orang tidak sama pemikirannya. Selagi kita boleh bertahan dan selagi mereka masih boleh terima dan suka dengan kita, selagi itulah kita bersama dengan mereka ajarkan agama islam. Kita jaga, bimbing dan jaga kebajikan mereka. Inshaallah orang asli ini tidak akan sesat. Saya berharap adik adik yang baru menjadi penggerak dan pendakwah ini dapat membimbing mereka daripada kegelapan kepada cahaya.</p>
22	<p>Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli ? Mengapa?</p>	2: 49: 50	<p>Perlu sangat sangat. Sebab agama islam adalah agama yang direstui oleh Allah dan wajib kita pelajari dan mengetahui dan mengamalkan. Sebab jika kita dengan mereka setakat bercerita perkara biasa berkaitan islam dengan tidak mendalam saya tidak boleh terima. Bila bercerita kena sentiasa mendalam. Jika tidak bagi saya itu adalah pemalas. Semasa mesyuarat JAKIM haritu, mereka berikan soalan yang budak budak boleh jawab. Samada setuju atau tidak cara itu saya tidak suka. Bagi saya jika mahu tahu IQ mereka sehingga ketahap yang mana buat soalan yang ada objektif samada ABC. Soalan yang diberikan dapat menggunakan IQ mereka. Untuk kita kumpulkan 20 orang asli yang islam ini yang mahu ikut turut serta bukan mudah. Pendapat saya bercanggah dengan mereka. Lagipun kita ada buku. Janganlah ajar asas itu hanya pada permulaan. Setahun apabila mereka masuk islam itu sudah memadai belajar yang asas sahaja.</p> <p>Bagi yang sudah bertahun tahun yang masuk islam ini tidak memadai bertanyakan soalan yang masih pada tahap asas sahaja. Soalan asas ini hanya penggerak sahaja yang buat. Sampai bila mhau adakan soalan yang sama. Bagi saya, saya tidak setuju. Sekurang kurangnya apa yang saya ajarkan selama ini dan apabila saya meninggalkan kampung ini nanti mereka dapat amalkan ilmu ini dengan sendiri tanpa bergantung pada saya lagi. Sampai bila kita mahu berikan yang asas sahaja kepada mereka. Sama seperti kita. Apabila kita buka radio ikim dan dengarkan masih banyak ilmu agama islam yang kita masih tidak tahu. Jadinnya untuk orang asli ini kita juga tidak perlu hanya berikan ilmu itu hanya sekadar asas sahaja kepada mereka. Memang pendapat masing masing.</p>

			Mungkin bagi sesetengah hanya berikan mereka yang asas sahaja. Tetapi tidak bagi saya. Apa yang saya tahu tentang sesuatu perkara itu, saya akan pastikan saya ajar juga kepada mereka. Kalau boleh ilmu yang saya ajarkan mereka dapat tahu dan diamalkan sehingga mereka meninggal dunia kelak.
--	--	--	---

INFORMANT 4

QUESTION	NO	TIME (Min)	ANSWERS
Assalamualaikum. Boleh ustazah perkenalan diri? asal dari mana dan berapa lama berkhidmat sebagai Pengerak Masyarakat Orang Asli?	1	0: 53	Walaikumsalam. Nama saya Masmira binti Muhammad Amiruddin. Berasal dari Pahang. Sebelum ini berkhidmat di daerah Bera, Pahang selama setahun. Kemudian berkahwin dan berpindah ke daerah Sepang, Selangor selama 5 tahun. Jadinya, sudah berkhidmat sebagai PMOA selama 6 tahun.
Boleh kongsi tentang kampung orang asli dibawah jagaan ustazah? Dan berapa ramai orang asli yang Islam dan Bukan Islam? Dan boleh kongsi kepadatan penduduk orang asli?	2	1: 40	Ustazah jaga 3 kampung. Kampung utama di Kampung Orang Asli Bukit Dugang. Penduduk disana ada 231 orang. Yang Islam seramai 45 orang. Kampung seliaan ialah Kampung Orang Asli Sungai Buah. Penduduk seramai 165 orang. Seramai 91 orang sudah memeluk Islam. Sungai Buah sudah hampir 65 peratus yang sudah Islam. Sejak ustazah masuk ada dalam 2 hingga 3 orang yang masuk Islam. Tapi sebab kenapa di Sungai Buah ini ramai yang Islam sebab sudah bercampur dengan orang melayu. Selain itu, ada juga yang sudah berkahwin dengan orang melayu, itu yang menyebabkan ianya berkembang orang islam disini. Boleh dikatakan modenlah. Anak - anak mereka bila kita adakan program mereka boleh hafazan. Kampung seliaan yang kedua ialah Kampung Orang Asli Bukit Unggul. Penduduk disana tidak ramai dalam 50 orang. Dan yang Islam hanya 10 orang iaitu 5 keluarga. Sebabnya Kampung Bukit Unggul ini dipecahkan pada A, B dan C ikut sejarah lama dulu. Bagi A dan C adalah keluarga Bukan Islam. Bahagian ini agak mencabar sikit sebab dipenuhi dengan agama Kristian. B sahaja merupakan keluarga Islam. Bagi kampung utama tadi, ada surau. Surau disitu merupakan surau JAKIM 2 tingkat. Kalau dekat Sepang ni cuma ada 3 sahaja surau 2 tingkat ini. Surau ini dibina pada tahun 1993. Kita dah ubahsuai dengan bantuan Zakat. Disitu ada juga rumah PMOA, balai raya tiada dalam pembinaan JAKOA. Untuk Kampung Orang Asli Bukit Buah ini balai raya ada disini.

<p>Soalan pertama, melalui pendapat dan pengalaman ustazah apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai digunakan kepada orang asli ?</p>	<p>3</p>	<p>6: 21</p>	<p>Pada pendapat ustazah, pendekatan dakwah yang paling sesuai digunakan kepada orang asli ini mereka ini jenis yang pemalu dan susah untuk bergaul. Kita kena lebih gunakan dakwah bil Hal. Kita nak rapat dengan mereka kita buat aktiviti yang rapat kepada mereka, jangan buat aktiviti yang masuk ke dunia kita. Bagi ustazah, gunakan kaedah itu jadi lebih mesra. Kita kena mesra dulu baru kita boleh masuk slow slow dengan mereka. Itu kaedah yang ustazah biasa guna. Contohnya, kalau pergi jumpa mereka unutm bersembang buat kali pertama mereka akan buat tak tahu sahaja, jadi ustazah kena mulakan mesra itu dahulu dengan tanya khabar ke dengan pegang mereka. Memang kena pegang kalau tidak pegang mereka akan rasa kita rasa mereka ini jijik jadinya mereka tidak mahu dekat dengan kita. Sebabnya ustazah adalah mulakan dengan tegur sahaja tapi dia jawab sepatih sahaja. Kemudian, keesokan harinya bila ustazah sentuh dia tanya sihat baru dia mesra. Pastu kalau jumpa lagi dia pula yang akan tegur kita. Jadi dekat situlah adanya feedback. Itupun dulu ustazah buat camni sebab kita reka sendiri. Ustazah pelik kenapa bila tanya mereka taknak jawab, tapi bila sentuh mereka baru ok dan lebih mesra. Selain itu, mereka suka bila kita datang rumah. Jadinya kita bersembang dekat rumah mereka. Kita kena datang rumah mereka sendiri. Bila dia tahu ada orang datang, kita sembang dan duduk dirumah mereka, mesreka suka dan mesra disitu. Lama kelamaan bila mereka makin suka dan mesra baru kita ajak mereka. Tapi untuk permulaan ada juga yang tutup pintu.</p>
<p>Soalan kedua, Berdasarkan pengalaman Ustazah, Apakah contoh kaedah dakwah bil hal yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli ?</p>	<p>4</p>	<p>9: 50</p>	<p>Biasanya macam ditempat ustazah, ustazah suka macam buat majlis masak masak, gotong royong. Bila buat majlis gotong royong memasak ini ianya tidak fokuskan pada yang Islam sahaja, tapi yang Bukan Islam pun akan datang. Contoh macam hari raya, kita buat masak masak. Masa raya haritu kita buat nasi daging. Pastu mereka pun tidak pernah rasa nasi daging. Jadi dekat situlah. Masak masak ini hanya suka suka sahaja kadang kita buat sempena majlis perayaan, raya korban dan hari hari kebsaran Islam. Jadi mereka suka. Kalau NGO datang buat jugalah untuk suka suka. NGO dekat ustazah macam PERKIM ada datang. Geng - geng kelab kereta pun ada datang. Sebelum ini ada kelab ARUZ, ada juga kelab BMW yang datang. Mereka baiki surau dan buat gotong royong. Dan ada juga yang bagi bantuan.</p>
<p>Berdasarkan pengalaman ustazah, apakah contoh kaedah bil Qalam yang sesuai digunakan dalam dakwah kepada Orang Asli ?</p>	<p>5</p>	<p>11: 33</p>	<p>Kalau macam di Selangor ini mereka memang sudah pandai menggunakan gadget. Jadi ustazah ada tubuhkan group Whatsapp surau. Jadi kita ada masukkan dalam itu nota nota ringkas. Contoh bila bulan puasa kita masukkan kelebihan bulan puasa, doa doa. Ada juga yang respon tapi tidak semuanya. Bagi ustazah, ustazah rasa mereka tidak baca sangat. Kadang dalam bentuk yang panjang mereka pernah sekali nak baca. Jadi dalam bentuk macam itu lah yang ustazah guna hantar nota nota. Kaedah ini boleh digunakan</p>

			tetapi tidak berkesan. Biasanya yang muda - muda ada respon kalau atas 40-an itu tiada.
Bagaimana dengan tahap pendidikan?	6	12: 36	Kalau di Sungai Buah ini anak anak semua sekolah, tiada yang tidak sekolah. Mereka bersekolah di Desa Putra, Jenderam dan Bandar Tasik Putra. Mereka ada bas untuk pergi ke sekolah. Disini pun ada seorang yang sudah masuk universiti. Kalau di Bukit Dugang itu memang tiada yang pergi ke sekolah. Kebanyakan mereka tidak pergi ke sekolah sebab tiada duit nak bagi. Kalau ke sekolah rendah adalah yang pergi dan mereka dapat bantuan. Tetapi bila naik ke sekolah menengah mereka akan berhenti. Sebab sekolah menengah ini sekolah bercampur dengan orang melayu, ada yang kena ejek jadi mereka terus berhenti. Ada pengalaman seorang budak ni pandai dan bersekolah di Cyberjaya. Bila masuk ke seolah melayu, budak melayu suka ejek dia. Bila nak buat aktiviti berkumpul dia jadi rendah diri dan terus berhenti. Bila dah berhenti dia berkahwin. Dari segi tulisan lagi, kalau macam banner - banner ini jarang kita guna untuk penerangan. Cuma yang simple sahaja untuk maklumkan.
Berdasarkan pengalaman ustazah, Apakah contoh kaedah dakwah bil Lisan yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli ?	7	14: 38	Untuk bil Lisan, bila adanya hari kebesaran Islam, akan ada ceramah yang diadakan. Jemputan dia ambil daripada Penggerak sendiri. Kalau kita jemput orang yang hebat macam ustaz ustaz dari luar, orang asli ini tidak faham. Jadi mereka akan blur dengar ceramah tidak faham. Sebab mungkin bahasa tinggi. Kalau Penggerak mereka gunakan bahasa rendah sahaja. Janji mereka faham. Jadi lepas dari itu kita ambil dalam kalangan Penggerak daerah sahaja. Kemeriahan surau disini, Sungai Buah meriah sebab sini ramai. Kalau datang jemaah boleh dapat dua saf. Bolehlah sedang sedang. Dia ikut masa sebenarnya. Ada kadang datang ramai kita tak jangka, makanan tidak cukup masa kita buat program. Kalau hari biasa tiada orang yang datang. Mungkin ada yang pergi ke surau Melayu. Mungkin sebab mereka bekerja jadi tidak datang ke surau untuk solat solat 5 waktu. Melainkan kalau ada kelas sahaja. Disini ada kelas zakat. Ustazah ajar di Bukit Dugang. Disiini orang zakat yang ajar. Sebab bila kita yang buat ada seorang dua sahaja yang datang. Bukit Unggul baru sahaja bina surau. NGO yang bina sebab tanah mereka tanah haram. Jadi tidak boleh bina surau disitu. Jadi NGO yang aktif dia bina surau. Kelas disitu baru mula sebulan. Situ sangat mencabar. Sebab dah lama tiada kelas. Mereka kerja diluar. Anak anak tidak bersekolah. Ada yang kutip kutip sayur tepi sungai. Mereka mandi di sungai. Tapi sekarang dah bina pili air dan tandas tandas untuk mereka. NGO yang datang macam aktivitis dari facebook

			yang famous contohnya Azlan Sharif. Dia memang selalu update berkaitan orang asli ni. Jadi dialah yang banyak bantu kumpul dana sikit sikit. Jadinya dakwah bil Lisan ni kita cuma buat ceramah ceramah dan tazkirah ringkas.
Antara 3 manakah cara yang ustazah gunakan untuk berdakwah kepada orang asli di tempat ustazah dan mengapa memilih cara tersebut ?	8	19: 07	Bagi ustazah, ustazah guna kaedah bil Hal. Sebab bila kita buat mcam ini, ianya bercampur tidak fokus pada bukan Islam sahaja. Yang Bukan Islam pun ada yang datang. Buat program sukaneka, gotong royong, memasak yang Bukan Islam pun datang. Pengalaman yang ustazah buat, ustazah buat ceramah yang Bukan Islam tiada yang datang. Yang Islam pun datang suku je. Kita memang nak tekankan Islam ni bagi lebih faham, tapi dalam masa sama kita pun nak tarik yang Bukan Islam untuk datang. Jadi ustazah lebih pilih program yang bercampur, dakwah Bil Hal boleh tarik sekali yang Bukan Islam datang hadir. Bila kita buat Bil Lisan, yang Bukan Islam takkan datang. Ada seorang yang masuk Islam bukan sebab berkahwin. Tidak tahu sebab apa. Masa itu ustazah ada buat program ke Langkawi, bawa orang - orang asli. Ustazah waktu itu nampak dia macam dia Bukan Islam tapi dia macam ada boleh bawa bincang. Pastu ustazah senaraikan nama dia untuk dibawa ke Langkawi. Dia budak dalam umur 17 tahun. Tapi dia masuk Islam masa dah lepas umur. Bukan bawah umur. Pastu tiba tiba dia nak masuk Islam. Tak tahu dekat mana yang terdetiknya dia. Tapi memang bukan sebab berkahwin. Kebanyakan yang lain disebabkan berkahwin. Bila tanya maknya kenapa anak nak masuk Islam, maknya pun tidak tahu. Dia cakap dia nak masuk Islam. Sekarang dia dah berumur 21 tahun. Sudah berkahwin dan ada anak. Senang untuk didik sebab dia dah tahu macam macam berkaitan Islam. Dia berkahwin dengan orang melayu Dengkil.
Dalam gerakan dakwah terdapat dua jenis iaitu dakwah secara individu dan dakwah secara berkumpulan. Yang manakah pilihan ustazah dan mengapa ?	9	21: 58	Ustazah lebih suka berkelompok. Sebab ustazah perempuan, bila kita individu sensorang kita jadi lost tau. Kita tidak tahu nak buat apa. Kalau orang asli yang kita dah kenal, kita boleh pergi sendiri kerumah nya, boleh ziarah. Tapi kalau yang tidak kenal kita jadi takut nak tarik masuk Islam. Nak pergi kerumahnya pun kita takut. Kalau buat yang berkelompok ini, kita jadi berani. Walaupun rumah itu Islam atau Bukan Islam. Berkelompok itu sekali dengan Penggerak ada, NGO ada tapi berkelompok. Kalau NGO mereka rajin juga pergi ziarah menziarahi kerumah. PERKIM kampung itu jadi kampung angkat, jadi setiap minggu mereka masuk. Masuk untuk discussion tetapi yang bukan agama sebab bercampur. Ustazag sendiri katakan pada mereka jangan tekankan bab agama lagi sebab pernah sekali mereka tekankan pasal agama semasa mengajar mengaji, budak budak ini nak tapi mak ayah mereka halang untuk mereka datang surau. Sebab mereka kata PERKIM itu buat tuisyen agama. Pastu ustazah kata

			tidak perlu buat macam itu. Bila berkleompok ini, kita boleh bagi support macam tadi tidak takut dan berikan idea sesama. Lebih laju kita punya pergerakan ini. Kalau seorang kita nak habiskan satu hari untuk ziarah pun makan masa sebenarnya. Kadang ustazag ambil masa sehari dalam 2 hingga 3 rumah. Bila kita berkelompok ini kita tidak rasa walaupun banyak rumah yang kita pergi, kita tidak rasa. Kalau sensorang akan lama lah. Kita datang rumah yang kita kenal. Rumah yang tidak biasa kita nampak tidak berani untuk pergi. Lagi satu kalau rumah asli lelaki, ustazah memang tidak pergi. Kalau berkelompok mungkin pergi.
Adakah peranan orang yang penting seperti Tok Batin, Ketua Kampung, JKKK kampung sangat diperlukan untuk memulakan dakwah kepada orang asli ?	10	25: 00	Penting. Sebab Tok Batin dan Pengerusi kampung ini mereka ini ketua masyarakat. Penduduk ini mereka tidak tahu apa apa, mereka terumbang ambing. Tapi bila ketua buat sesuatu mereka akan ikut. Ketua arah buat ini mereka akan ikut. Jadinya bila ketua itu Islam atau Tok Batin Islam pengaruh untuk penduduk masuk Islam itu senang. Contohnya, dekat Bukit Dugang pengerusi kampungnya Islam. Jadi dia boleh tarik jiran jirannya. Pengerusi kampung dan Tok Batin orang yang lain. Pengerusi itu adalah MPKKKO A Kampung. Kampung yang ustazah jaga ketiga tiganya Tok Batin Bukan Islam. Tapi pengerusi Islam. Jadinya bila pengerusi itu Islam ada juga impaknya pada tarikannya pada penduduk. Dia boleh kerah penduduk untuk datang program. Sebab masa ustazah berkhidmat di Pahang, Tok Batinnnya Islam dan seorang perempuan. Batin pertama yang perempuan. Tapi kampung itu aktif. Kita boleh nampak perbezaannya dari segi kebersihannya, agamanya. Kita boleh nampaklah kemeriannya disana. Itu kali perama saya disana. Tok Batin sini menerima sahaja program yang dilaksanakan tapi dia tidak kerah penduduknya untuk datang program sebab dia sendiri pun tidak datang. Sebelum ini, ada je Tok Batin yang halang terutama waktu azan. Dia halang untuk speaker itu menghala kerumahnya. Boleh azan tetapi speaker kena alih ke tempat lain. Disini Tok Batin nya kerja SUK Selangor jadi kalau nak buat program kena ada surat. Kampung sini kampung angkat UKM.
Adakah wujud halangan atau cabaran dalam melaksanakan dakwah bil Hal, Dakwah bil Qalam dan Dakwah bil Lisan kepada orang asli ?	11	31: 13	Cabaran bagi dakwah Bil Hal ialah preparation kita. Kita kena buat sedia awal, buat surat. Dekat situ halangannya kena set up awal lah semua perkara. Sebab program besar kan. Orang kampung sini mereka sudah biasa dengan note walaupun hanya sekeping dan separuh untuk jemputan bagi Kampung di Bukit Dugang. Jadi setiap rumah kena ada satu surat dan kena hantar kerumah mereka kalau tidak mereka tidak datang. Sebabnya mereka sudah terbiasa. Bila esoknya ada program dan kita tidak sempat hantar surat jadi mereka tidak datang. Setakat ni tiada masalah. Mereka tidak menolak program kita. Kalau ada yang nak datang mereka datang. Dan ada sahaja yang tidak mahu datang, maka mereka tidak datang. Pernah sahaja yang tidak pernah datang langsung program

			<p>yang diadakan. Bagi dakwah Bil Qalam pula untuk golongan muda senang nak masuk. Sebab nota nota itu mereka memang akan baca. Tapi bagi golongan tua yang dah umur 40-an mereka lebih suka dengan cakap depan depan. Tidak suka menggunakan Whatsapp. Mereka ada je yang berada didalam group itu, tetapi respondnya tidak seberapa berbanding dengan yang muda. Jadinya golongan muda lebih mudah untuk tarik. Dakwah Bil Lisan cabarannya pula macam yang ustazah katakan kita guna ceramah dan tazkirah. Bila mereka dengar tentang itu mentaliti mereka tidak berapa teruja dengan tazkirah berbanding program masakan. Sebab mereka kena dengar dan duduk untuk menerima. Jadinya tidak ramai yang tertarik. Untuk meramaikannya ustazah adakan kuiz untuk menarik mereka datang. Bila dah habis tazkirah ustazah adakan kuiz dan berikan hadiah. Itu untuk semua golongan. Sebab mereka tidak boleh hanya duduk dan mendengar sahaja. Mereka tidak suka program yang berbentuk talk sebegitu. Kita pernah jemput ceramah sendiri dari orang asli Negeri Sembilan. Masa itu ramai yang datang sebab dia cakap cara orang asli. Disini Temuan. Bezanya bila penceramah orang asli dan orang melayu, respond itu berbeza. Sebab mereka lebih mudah untuk faham apa yang disampaikan oleh penceramah orang asli itu sendiri.</p>
Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh Masyarakat Melayu?	12	36: 38	<p>Pengalaman ustazah jaga kampung, orang melayu memang ada yang ganggu orang asli. Di Bukit Dugang, ada seorang orang melayu yang rosakkan orang asli. Jadinya mak dia pandang orang melayu ini jahat. Padahal sebelum ini, maknya sudah lembut hati dengan orang melayu, tetapi bila dia dapat tahu orang melayu rosakkan anaknya sehingga mengandung, dia jadi tak boleh terima. Sampaikan kalau ustazah datang jumpa dia dia dah tak suka padahal sebelum itu dia mesra. Dekat sini pun sama orang melayu banyak juga buat macam tu. Dia tinggalkan sahaja yang perempuan sebegitu tidak bertanggungjawab sehingga dia bersalin. Jadi payah untuk kita nak kawal dan susah bagi ustazah. Kes itu berlaku tahun lepas untuk Bukit Dugang dan disini 3 tahun lepas. Masalah pada bersekedudukan yang banyak. Kalau berkaitan joget joget mereka tidak pandang negatif sebab orang asli sendiri suka perkara begitu. Jadinya mereka tiada masalah.</p>
Apakah halangan orang asli sehingga sukar untuk menerima islam ?	13	39:38	<p>Di tempat ustazah, bagi golongan tua mereka masih dan lebih teguh dengan ajaran nenek moyang. Jadi dekat situ yang susah dan mencabar untuk kita tarik masuk Islam. Kalau golongan muda tiada masalah. Golongan umur 40-an, 50-an yang susah bagi ustazah. Memang sangat kuat sangat. Setakat ustazah jaga tiada lagi yang golongan itu memeluk Islam. Maksudnya mereka memang pegang kuat pada amalan nenek moyang. Mereka tiada agama. Tetapi amalan amalan nenek moyang itu sangat mereka pegang. Contohnya, pokok yang disembah. Untuk bab makanan, tidak banyak sangat isu. Sebab mereka tidak terlalu obses untuk makan babi seperti</p>

			cina. Jenis mereka bila jemput memang kena makan depan mereka. Tapi biasanya ustazah memang tidak akan datang. Untuk yang Islam bila buat kenduri periuk periuk yang digunakan memang dikhaskan periuk untuk yang Islam dan Bukan Islam. Dia ada asingkan.
Apakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga menyukarkan untuk menyebarkan agama islam?	14	43: 32	Di Sungai Buah tiada kristian. Di Bukit Dugang ada sebuah rumah yang dibina dan kita tak tahu rupanya itu adalah gereja. Di rumah Batin di belakangnya. Tpi kita memang tidak tahu itu gereja sebab ianya berbentuk rumah. Ada orang duduk. Ustazah tahu itu gereja sebab kebetulan ustazah datang ke dalam pada hari ahad waktu asar. Dan ustazah dengar bunyi bunyi dan ramai orang. Rupanya pergerakan itu pada hari minggu. Orang kampung situ dan orang lua ada juga yang terlibat. Bukit Dugang dahulu suraunya tidak aktif. Ustazah mula aktifkan nya sebab ada azan. Lepastu ada satu kereta mewah putih cina mungkin penyumbangny, dia macam pandang pelik sebab surau aktif. Ingatkan dia nak halau kita. Rupanya itu orang luar yang datang kesana. Sebab ada yang datang ziarah bagi duit kepada orang ustazah. Tindakan kita mengadu pada JAKOA. Sebab JAKOA memang tidak benarkan orang luar untuk datang buat begitu. Tapi dia buat rumah jadi JAKOA tiada hak disitu. Dan sekarang sudah makin kurang. Tapi tidak tahu macam mana boleh berkurang. Tabligh ada juga yang datang tapi orang asli tidak suka dengan cara mereka. Ada baik dan ada buruknya gerakan tabligh. Mereka ini berani untuk menarik dan datang ziarah. Tapi buruknya bila dia dah duduk di surau, dia sudah ganggu orang asli bila buat program. Sebab dia datang tidak beritahu. Dia selalu datang bila ustazah buat kelas. Orang asli ini bila ada orang lain mereka tidak mahu masuk kelas. Dan duduk dibawah sahaja. Mereka akan mengadu.
Apakah Bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah kepada orang asli? Mengapa?	15	49:33	Penting bahasa ini. Kalau kita pandai cakap orang asli dakwah kita lebih mudah. Sebab kita boleh sembang bahasa mereka dan mereka lebih mesra. Bila lebih mesra senang untuk kita tarik mereka masuk islam. Pengalaman ustazah, ustazah tahu satu perkataan sahaja bahasa orang asli itu, pastu dia kata 'eh ustazah dan pandailah bahasa orang asli. Lepasni tidak boleh lah nak kutuk kutuk sebab ustazah dah faham.' mereka rasa kita dah pandai padahal cuma satu perkataan sahaja. Jadinya penting sebab mereka rasa lagi dekat dengan mereka. Ustazah boleh sikit sikit sahaja. Sebab bahasa Temuan senang dengan tambah 'k' sahaja dekat hujung. Kalau di Pahang, bahasa semelai. Jadinya payah sikit lah.
Apakah Bahasa Badan dan ekspresi muka ustazah antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan? Setuju	16	51: 30	Penting juga. Ekspresi muka ni pentinglah. Macam ustazah, ustazah malas nak tegur marah orang asli ni sebab mereka kadang tidak suka kita marah dia. Pernah ada pengalaman tu, anaknya dirosakkan lagilah dia marah sebab anak dia jadi tidak boleh lah rosakkan. Dia rosakkan barang surau tapi kita tidak marah secara kasar. Kita buat senyap je tunjuk ekespresi muka. Lepas daripada itu, dia faham sendiri dan tidak buat

<p>atau tidak? Mengapa?</p>			<p>lagi. Kalau kita nak marah tengking tengking dekat dia, dia tidak suka. Nanti dah tidak datang surau. Dia ingat kita pernah marah mereka. Jadinya dah tidak datang surau. Pergi kerumah ditutup pintu. Beri barang tidak terima. Merajuknya lama. Susa bila kita marah anak dia, aka jadi susah. Ada pengurus tadika dia tidak marah pun, cuma tinggi sahaja suaranya. Kemudian budak ini terasa dan mengadu pada maknya kemudian maknya datang ke tadika dan serang. Dia kata 'cikgu marah anak saya ya?' 'saya orang asli. Saya boleh buat cikgu kena santau' cikgu itu jadi takut lah. Dan dia pindah. Itu je cara mereka, bila kita dah marah dan mereka sakit hati mereka boleh ugut kita begitu.</p>
<p>Perluah mengkaji latar belakang dan cara hidup orang kaum asli? Mengapa?</p>	<p>17</p>	<p>54: 03</p>	<p>Perlu kita kaji latar belakang dan cara hidup mereka. Sebab bila kita nak dakwah kita kena kenal mereka. Macam mereka ini anti Islam atau tidak. Macam ustazah, kalau ustazah tahu mereka ini anti Islam ustazah akan lambatkan sikit disitu untuk pergi jumpa mereka. Contoh cara hidup mereka. Macam latar belakang ini sebab kalau kita ini tidak tahu, contoh cara hidup dia orang asli di mereka tidak boleh baling kepada anjing mereka. Jadi macam itu lah bagi ustazah cara hidup mereka kita kena kaji. Kalau dekat luar kadang kita akan baling kayu pada anjing. Tetapi dekat kampung orang asli kita kena biarkan sahaja. Lagipun anjing bukan akan dekat ke kita. Lagipun pernah ada kalau kita usik anjing mereka, mereka terasa hati. Kadang ustazah ernah je buat diam macam anjing itu kucing, mereka macam hargai kita. Nampak macam mereka suka sebab kita nampak macam tidak tahut anjing. Jadi mereka boleh layanlah kita sampai katakan nama anjing mereka apa, maam mana. Nampak mesra lah mereka dengan kita. Tapi kita ajarlah mereka sebab Islam tidak boleh pegang anjing. Sekadar untuk jadikan anjing sebagai peliharaan bagi mereka sahaja itu tidak menagapa. Kita tidak lah boleh suruh mereka buang anjing ke. Kalau macam yang gantung gantung di Selangor tempat ustazah ni tiada dah yang gantung gantung. Kalau di Bukit Dugang, Tok Batinnya pantang masuk pagar tanpa kebenaran. Masuk pagar rumah dia. Masa kali pertama ustazah diberitahu. Mungkin ada amalan amalan yang dia buat sendiri. Dia suruh kita duduk hujung dahulu. Bila batin izinkan masuk baru boleh masuk. Dia kata begitu. Setiap kali datang kerumahnya ustazah kena duduk jauh dulu dan tanya 'ada orang ke tidak' . kalau dah kasi masuk baru masuk. Sampai ke sekarang. Dekat situ kita kena tahu lah. Kalau kita langgar mungkin akan jadi apa apa nanti. Kalau macam bab pantang larang ni masa ustazah kursus dulu tidak semuanya diceritakan. Kadang ada keluarga ini pantang larangnya lain. Dia tidak samalah.</p>

Apakah bentuk persiapan untuk berdakwah kepada orang asli?	18	1: 00: 17	Persiapannya ialah mental. Sebab dari segi mental kita tidak tahu respond mereka bagaimana. Bila kita jumpa mereka kita kena kaji dulu dan bila pergi kesana dan mereka menolak apa perlu kita buat. Jadinya persiapan dari segi itu. Kena kaji dulu bukan terus pergi. Masa ustazah mula mula masuk dahulu, ustazah cari orang kuat dahulu disitu. Bila dah cari orang kuat disitu, mereka akan bawakan kerumah rumah penduduk. Ustazah tidak pergi seorang. Dia tunjukkan rumah ini ada berapa orang, berapa keluarga. Orang kuat tidak semestinya Tok Batin, tapi macam ketua wanita disitu. Macam disini ada seorang. Dia orang melayu dan berkahwin dengan orang asli. Dia orang kuat disini. Bila kita pegang dia, senang untuk kita tahu tentang penduduk lain. Maksudnya kita kena tahu orang kuat di tempat itu. Sama ada dia orang kuat Islam atau Bukan Islam. Orang kuat disini dia Islam. Selain itu, ilmu lah. Ilmu kalau Islam tidak semestinya pergi ziarah kadang ada sahaja budak yang tanya soalan. Jadi dekat situ kita kena sedia kendali soalan agama. Kadang soalan dia tidak dijangka juga. Macam haritu masa kelas ustazah, kita cakap babi itu haram. Semua benda berkaitan babi adalah haram. Pastu dia kata contoh kucing itu berkahwin dengan babi, anaknya itu haram atau tidak. Itu yang ditanya. Soalan yang kadang kita tak jangka. Takut kita bagi jawapan ikut logik kita sahaja. Jadi kita kena kaji dahulu.
Apakah strategik komunikasi yang digunakan oleh ustazah?	19	1: 04: 05	Kita kena guna bahasa yang mudah. Yang senang untuk mereka faham. Jangan gunakan bahasa yang tinggi. Contohnya macam imbuhan imbuhan mereka tidak faham. Kena gunakan bahasa dasar yang mudah.
Apakah menjadi keperluan untuk pendakwah untuk belajar bahasa orang asli? Mengapa?	20	1: 05: 03	Bagi ustazah, pendakwah perlu belajar bahasa orang asli sebab itu bahasa mereka. contoh kalau kita berdakwah kepada orang india kita kena tau juga bahasa mereka. Tidak dapat banyak dapat sikit pun tidak mengapa. Pernah ustazah jemput penceramah dia orang Kelantan, merka tidak faham. Kena guna bahasa melayu yang mudah. Bahasa melayu baku. Tidak boleh slang slang yang campur negeri. Memang tidak faham.
Apakah pemakaian para pendakwah atau ustazah akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?	21	1: 06: 18	Macam ustazah kan pakai tudung. Ada sesetengah yang bila dia nampak dia nak cuba juga untuk pakai tudung. Mereka bukan Islam tapi mahu cuba untuk pakai. Dari situ dari segi kesan yang baiklah. Tapi ada juga setengah yang mereka rasa takutlah. Tapi mereka tidaklah sampai menolak kita. Nak halau kita tidak. Mereka macam takut takut fikir kita datang nak marah mereka ke kita nak pujuk mereka untuk datang surau macam itu sahaja. Tapi tidak teruk lah. Mereka terima dan dengar bila kita datang untuk sembang. Mereka ok sahaja tidak lari. Setakat ini yang bukan Islam ustazah datang tidak lari bila mereka nampak ustazah. Kalau yang lari itu mungkin Islam yang buat salah. Ustazah pergi dekat rumah yang bukan islam ustazah tidak lah cakap terus berkaitan islam. Macam semasa di Pahang, ustazah pergi kerumah yang bukan Islam

			tengok dia buat kuih ubi, bila ustazah nak pindah dia sendiri datang dan tanya 'ustazah banyak kali datang tapi tidak pernah cakap pasal Islam dengan saya'. mungkin mentaliti mereka bila penggerak datang nak paksa mereka masuk Islam, tapi bila ustazah datang tidak ajak dia masuk Islam. Kenapa ustazah tidak ada paksaan kepada dia. Pemakaian perempuan tiada isu bagi ustazah.
Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli? Mengapa?	22	1: 09: 53	Bagi yang bukan Islam biasanya ustazah tidak menceritakan mendalam. Pasal hukum ke kita guna asas pasal kehidupan sahaja. Contoh kewujudan dunia ini macam mana ada udara. Untuk Islam, ikut lagi. Bila dia dah tahu yang basic, baru kita cerita yang mendalam bab hukum. Ikut level yang dia dah faham. Untuk bukan Islam ustazah suka cerita pasal kehidupan sekeliling. Mereka dengar tapi tidak respon. Mungkin bila balik kerumah mereka fikirkan. Kita tidak tahu. Untuk Islam ada modul dia, ustazah bergantung pada modul itu. Tapi bila sudah faham ustazah tukarlah. Selagi mereka tidak faham kita akan bab itu sahaja sampai mereka faham. Sebab apa yang ustazah ajar minggu ini, ustazah akan tanya balik kelas seterusnya sebab mereka memang akan lupa. Sebab apa yang ustazah ajar mereka tidak praktikkan sebab itu mereka lupa.

INFORMANT 5

QUESTION	NO	TIME (Min)	ANSWERS
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Nama saya Abu Sofi. Saya merupakan pelajar master di USIM. Sebelum saya memulakan majlis elok saya minta ustaz memperkenalkan diri dan berapa lama berkhidmat sebagai PMOA dan bertugas di mana ?	1	1: 09	Nama saya Muhammad Abdullah bin Abdul Rahim. Saya berasal dari Kangar, Perlis. Saya berkhidmat di JAKIM sebagai PMOA selama 11 tahun bermula dari 16 Februari 2019.
Boleh ustaz kongsi tentang kampung jagaan Ustaz. Dan berapa ramai orang islam dan bukan islam	2	2: 26	Kampung yang saya jaga pada tahun ini ialah Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Sungai Pelek hampir seramai 720 orang. Ketua isi rumah 342 orang dan ada yang duduk di dalam dan ada yang duduk diluar. Boleh dikatakan yang Islam dan bukan Islam hampir sama jumlahnya dalam lingkungan 150 orang Islam dan 170 orang bukan Islam.

serta kepadatan penduduk ?			<p>Kampung Sungai Bangkong ada dua pecahan iaitu Kampung Sungai Belangkan. Kampung Sungai Belangkan ni kecil sahaja dan tidak ramai penduduk nya, dalam 20 ketua keluarga dengan bilangan penduduk seramai 80 orang.</p> <p>Kampung kedua, Kampung Ulu Cucuh. Penempatan untuk orang asli yang masuk Islam seramai 27 keluarga dan penduduk hampir seramai 60 hingga 70 orang.</p> <p>Kemudahan di sana semua lengkap. Sekolah ada, balai raya, dewan. Balai raya cuma ada di Kampung Bukit Bangkong. Kampung Sungai Belangkan ada Balai Adat. Dekat dengan Tanjung Sepat dan Bagan Lalang.</p>
Soalan pertama saya apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai digunakan kepada orang asli ?	3	7: 01	<p>Bagi saya pendekatan yang paling sesuai digunakan kepada orang asli ini kita cuba masuk dekati mereka. Kalau boleh macam masa saya mula mula masuk kursus latihan penggerak masyarakat, saya dilatih untuk tidak menunjukkan imej kita hendak berdakwah. Contohnya, kalau selalu berkopiah, saya akan tinggalkan sebab saya dilatih macam tu dulu. Bila masuk perkampungan, jangan tunjuk imej kita macam mana yang kita nak tonjolkan. Kalau kita bawa imej itu, seolah olah mereka akan menjauh dari kita. Jadi bila datang kerumah mereka, saya tak pakai imej tu. Kadang kadang mereka ni susah untuk dipujuk. Contohnya, kalau nak bagi bantuan, kalau ada mereka tak datang, bila tiada mereka datang. Jadi nak tarik mereka dekati kita tu gunakan kaedah yang saya cakapkan tadi. Perlahan lahan kena tarik mereka kalau tak datang kita pergi ke rumah mereka.</p>
Soalan kedua, Berdasarkan pengalaman Ustaz, Apakah contoh kaedah dakwah bil hal yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli ?	4	9: 14	<p>Saya ada gunakan perbuatan. Contohnya, pada tahun lepas rumah jiran saya terbakar, puncanya gas bocor. Masa tu memang bantuan dari MPKK lambat datang. Dari segi wang, bantuan makanan, pakaian dan kebetulan pada masa tu surau ada letakkan bantuan. Jadi saya nak dakwahkan mereka, saya hantarkan sumbangan pakaian dan wang ringgit kepada mereka. Keluarga itu bukan keluarga Islam. Jadi lepas bantuan tu, mereka mula dekati saya dan ucapkan terima kasih. Dan alhamdulillah, sekarang mereka mula dekat dengan saya, berani tegur dan tidak segan. Saya duduk disini, Bukit Bangkong dah hampir 5 tahun. Contoh lain melalui perbuatan kita.</p>
Berdasarkan pengalaman ustaz, apakah contoh kaedah bil Qalam yang sesuai digunakan dalam dakwah kepada Orang Asli ?	5	12: 14	<p>Pada zaman sekarang ni mereka dah ada group Whatsapp. Jadinya saya ada kongsikan dalam group Whatsapp jemaah surau. Tapi untuk orang Islam sahaja dalam tu saya akan sharekan tulisan tulisan yang saya dapat. Daripada apa yang saya hantar tu mereka akan baca.</p>

Berdasarkan pengalaman ustaz, Apakah contoh kaedah dakwah bil Lisan yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli ?	6	13: 30	<p>Bagi saya dengan mereka kita kena cakap secara berhemah. Kadang-kadang hati mereka sangat sensitif Perkara yang akan mengguris hati dorang elakkan untuk bercakap. Contohnya, kita seolah olah menghina atau mengejek mereka. Kita kena jaga cara percakapan dengan mereka. Kalau mereka sensitif atau terguris, sampai bila-bila mereka takkan tegur kita.</p> <p>Selain itu, contohnya, saya mengajak mereka untuk join program surau, kita lantik dorang jadi ajk surau dan ajak mereka ke surau secara berhemah. Kita lantik mereka sebagai ajk kebersihan.</p>
Antara 3 kaedah dakwah tadi manakah cara yang ustaz gunakan untuk berdakwah kepada orang asli di tempat ustaz dan mengapa memilih cara tersebut ?	7	16: 45	<p>Untuk menyelesaikan masalah mereka dan berdakwah, Saya gunakan cara dengan pergi kerumah berjumpa dengan mereka. Contohn ya sekiranya dia bersekedudukan dengan orang asli yang Islam, saya jumpa dia, ibu bapanya dan selesaikan masalah yang dihadapi. Kadang mereka tidak boleh terima mereka perlu masuk Islam sebab untuk berkahwin. Untuk bukan Islam dengan Islam, kita kena selesaikan dengan panggil tok batin. Jadi kita kena dakwah mereka dengan masuk Islam bukan hanya untuk berkahwin sahaja tapi untuk masa depan. Ajar Islam macam mana caranya tanpa memaksa dan kena fikir sebab bersekedudukan dengan orang Islam jadi undang-undang Islam boleh kenakan tindakan kepada mereka. Jadi mereka akan masuk Islam juga.</p>
Dalam gerakan dakwah terdapat dua jenis iaitu dakwah secara individu dan dakwah secara berkumpulan. Yang manakah pilihan ustaz dan mengapa ?	8	19: 20	<p>Saya memilih untuk berdakwah secara berkumpulan. Ramai kawan-kawan boleh bantu saya. Penggerak sendiri ada NGO juga ada bantu. Nazir dan ajk ajk masjid juga datang membantu. Kaedahnya, kita akan bawa berbincang dengan nazir cakap ada sedikit sumbangan untuk orang asli sama ada orang islam atau buka islam. Jadinya mereka suka dengan dapat bantuan yang diperuntukkan. Minta maaf cakap, tapi melalui berkumpulan mereka kurang gemar. Untuk orang tabligh, kita kata jangan pergi tapi mereka pergi juga. Jadinya yang nak masuk kalau boleh tidak melibatkan saya. Mereka kena ubah cara penampilan dan percakapan sebab ajaran itu nanti berbeza.</p>
Adakah peranan orang yang penting seperti Tok Batin, Ketua Kampung, JKKK kampung sangat diperlukan untuk memulakan dakwah kepada orang asli ?	9	23: 04	<p>Peranan Tok Batin sangat penting. Sebab Tok Batin yang mula memperkenalkan kita kepada orang-orang kampung. Bila ada program yang panggil kita, dia akan maklumkan kepada semua ahli lembaga adatnya siapa dia ni yang akan masuk ke kampung kita. Contohnya, dulu masa saya laporkan diri saya jumpa Tok Batin dan Tok Batin akan beritahu semua lembaga adatnya. Tok Batin akan beritahu siapa dia di kampung kita, apa akan kita buat dikampung ini, apa fungsinya dan peranan kita. Tok Batin sentiasa beri kerjasama. Bila ada program dia akan melibatkan saya dengan panggil saya. Bantuan Ketua Kampung Melayu yang berdekatan banyak memberi kerjasama. Contohnya bila ada kematian mereka akan pergi</p>

			ziarah terlebih dahulu dan orang masjid akan bantu untuk uruskan. Untuk orang Islam, tanah perkuburan sekali dengan orang melayu tanpa asingkan sama ada orang asli atau bukan. Untuk orang bukan islam penduduk orang asli ni yang uruskan.
Adakah wujud halangan atau cabaran dalam melaksanakan dakwah bil Hal, Dakwah bil Qalam dan Dakwah bil Lisan kepada orang asli ?	10	26: 25	Halangan sekarang bila orang melayu berkahwin dengan orang asli , banyak bawa buah mulut. Contohnya bila ustaz nak pergi rumah janda ni, mereka kata “ha ustaz tu nak pi rumah janda tu” sebab kampung ni banyak janda. Bila percakapan mulut ni sampai ke orang rumah kita sampaikan orang rumah kita tanya kepada kita betul ke cerita ni. Yang bawa mulut kebanyakannya orang melayu asli kita ni. Selain itu, kadang orang melayu ni tak faham bila nak berkahwin dengan orang asli ni perlu fikir bukan hanya untuk suka-suka sahaja. Melalui bil Qalam pula, mereka faham tetapi mereka malu untuk bertanya apa yang mereka tak tahu. Melalui bil Lisan pula, kita perlu faham bahasa percakapan mereka. Sebab loghat bahasa yang berlainan. Kita kena ubah cara cakap kita sebab kadang kita tak tahu apa yang kita cakap mungkin bagi kita tidak sensitif tetapi bagi mereka perkara itu sensitif. Jadi saya kena ubah loghat saya bersesuaian dengan mereka. Saya ambil masa 3 tahun juga untuk ubah loghat utara saya ini. Saja juga kena faham bahasa mereka. Saya kena tahu banyak benda berkaitan bahasa mereka.
Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh Masyarakat Melayu?	11	31: 40	Kadang orang melayu ini suka ambil kesempatan keatas orang asli. Dia tengok orang asli yang masuk islam ni akan dapat banyak benefit dan bantuan yang mereka dapat. Jadi orang melayu ni ambil kesempatan keatas orang asli. Contohnya, kalau ada bantuan orang asli ni bina rumah orang melayu akan bagi tanah dia “kau binalah dekat tanah aku” dia bagi, jadi bila dah buat rumah tu dia kena menyewa dekat tanah tu. Ada perkara ni berlaku. Banyak benda-benda negatif yang orang melayu tunjukkan yang orang asli tak boleh terima. Kadang setengah orang melayu sendiri masuk berjoget didalam kawasan orang kampung. Dia tak buat di kampung melayu tapi buat di kampung orang asli. Jadi dia tunjuk sikap negatif tu dekat orang asli dengan joget dan majlis keramaian. Padahal tok batin dah halang untuk orang melayu tidak masuk, tapi mereka masuk juga. Bila musim durian, mereka borong katanya akan bayar tapi tak bayar sampai kesudah. Benda ni berlaku masa saya dekat Negeri Sembilan.
Apakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga menyukarkan untuk	12	41: 45	Pergerakan kristian setakat ini tiada halangan. Saya tengok penggerakkan mereka harmoni dan dia tidak halang orang-orang mereka datang ke program surau. Dulu ada juga orang kristian yang datang ke program di surau tapi mereka tak halang pun. Malah mereka bantu juga kita masa korban. Setiap hari ahad mereka datang ke rumah ibadat tu tapi makin lama

menyebarkan agama islam?			makin berkurang. Kalau dulu yang ramai datang pun bukan orang sana tapi orang luar.
Apakah Bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah kepada orang asli? Mengapa?	13	44: 05	Bahasa ini kalau boleh seeloknya kita kena kuasai bahasa orang asli. Ambil tahu serba sedikit kadang bila mereka bercakap sesama mereka kita kena tahu apa yang mereka cuba sampaikan dan apa yang mereka nak. Contohnya kalau mereka umpat kita pun kita tak tahu. Jadi kita kena ambil tahu juga bahasa bonda mereka. Saya ambil masa lama juga untuk paham. Kadang bila kita tanya mereka kata “kenapa nak ambil tahu”. tapi kadang ada juga yang akan ajar. Jadi kita kena tahu juga bahasa mereka apa yang dicakapkan.
Apakah Bahasa Badan dan penampilan ustaz antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan? Setuju atau tidak? Mengapa?	14	45: 45	Bahasa badan antara cara yang berkesan untuk bercakap dengar mereka. Saya setuju. Kalau kita cakap cara kita menggedik jadi macam susah untuk dorang nak terima. Jadi kena ubah contoh kepada bergurau atau melawak. Tapi kena pada tempatnya. Jadi gaya badan, ekspresi muka ni antara cara yang paling berkesan untuk bercakap dengan mereka.
Perluah mengkaji latar belakang dan cara hidup orang asli? Mengapa?	15	47: 24	Mereka tidak suka bila dikaitkan dengan orang asli temuan. Bagi mereka orang temuan ini orang bukit. Orang mereka ialah orang laut. Mereka tidak suka bila cakap asli temuan dengan gunakan mamak. “engkau ingat aku ni orang temuan ke? Bukit bukit”. Kami orang laut mameri bukan orang temuan. Kita kena tahu juga adat, kepercayaan mereka. Contoh mereka makan ayam golek, kena colek sikit sama ada nak makan atau tak sebab nanti akan kempunan. Bagi mereka bila kita tengok tapi tak makan nanti akan kempunan. Mameri ini bagi saya sama je dengan kaum-kaum lain. Merka banyak yang berada di luar. Ada yang kerja guru, kerajaan dan askar. Dan juga masih ada yang bekerja sebagai nelayan.
Apakah bentuk persiapan untuk berdakwah kepada orang asli?	16	51: 38	Saya kena ada pembantu yang boleh backup saya. Seperti kawan kawan saya yang bantu. Kalau hal yang berkaitan dengan orang perempuan kita kena panggil pembantu perempuan sebab mereka yang lebih tahu berkaitan perempuan. Dari segi ilmu, kita kena tambah juga dengan amalan. Kita kena belajar juga berkaitan perkara perkara mistik yang berkaitan dengan persiapan dakwah.
Apakah strategik komunikasi yang digunakan?	17	54: 28	Saya menggunakan kaedah yang sama juga seperti lemah lembut dalam percakapan .
Apakah menjadi keperluan untuk pendakwah untuk belajar bahasa orang asli? Mengapa?	18	55: 28	Ia. Memang menjadi keperluan. Kita kena mendalami bahasa mereka kerana kita hendak menyampaikan sesuatu bagi mereka faham dan kita juga boleh faham apa yang mereka perlukan.

Apakah pemakaian para pendakwah atau pengerak akan mempegaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?	19	56: 07	Gaya berpakaian ni penting sebab susah untuk dekati bila berpenampilan imej seperti islamik. Bagi saya pakai tshirt biasa sudah kemas cukup untuk dekati mereka. Penampilan islamik boleh tinggalkan seketika waktu. Ketika mengajar juga berpakaian yang sama cuma berkopiah. Tapi bila jumpa mereka saya tidak pakai kopiah. Kebanyakan orang asli Bukit Bangkong ni datang belajar sebab ada elaun. Itu salah satu tarikan lah. Dalam 30 orang juga yang datang. Tapi yang tak datang lebih ramai.
Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli? Mengapa?	20	58: 26	Perlu tetapi setelah mereka memeluk agama islam. Sebelum mereka memeluk islam tidak perlu bagi saya. Setakat ini nak mendalam belum lagi. Lepas masuk islam, ada seorang ni yang sentiasa bertanya lebih mendalam. Contohnya, bila dia balik rumah nanti bolehkah dia makan masakan emaknya yang bukan agama islam. Kalau tiada benda haram bolehlah makan. Dari segi solat pula dia tanya kita solat penuh 5 kali memang wajib ke. Tapi untuk permulaan ni buatlah perlahan lahan dulu saya cakap. Buat dua waktu dulu kalau sempat. Dia masuk islam pun sebab dikelilingi dengan kawan kawan islam dan mukanya yang kelihatan macam orang islam. Bila dah masuk islam, kita kena ceritakan lebih mendalam.

INFORMANT 6

QUESTION	NO	TIME (Min)	ANSWERS
Assalamualaikum. Boleh ustaz perkenalan diri? asal dari mana dan berapa lama berkhidmat sebagai Pengerak Masyarakat Orang Asli?	1	0: 50	Nama saya Muhammad Arif bin Abdul Rahim berasal dari negeri Kedah Darul Aman. Dan telah berkhidmat dengan JAKIM baru 11 tahun.
Boleh kongsi tentang kampung orang asli dibawah jagaan ustaz? Dan berapa ramai orang asli yang islam dan bukan islam? Dan boleh kongsi kepadatan penduduk orang asli?	2	2: 00	<p>Untuk pengetahuan saudari, kampung jagaan saya ada tiga kampung. Kampung utama ialah Kampung Orang Asli Taman Desa Kemandol. Disini ada rumah penggerak yang diberikan oleh JAKIM. Kampung seliaan ialah Kampung Orang Asli Bukit Kecil dan Kampung Orang Asli Bukit Perah.</p> <p>Kepadatan penduduk di Kampung Orang Asli Taman Desa Kemandol ada 1500 orang. Bagi orang asli yang Islam seramai 679 ORANG. ini termasuk semua isi keluarga dan seramai 119 ketua keluarga. Dan selebihnya ada lah orang asli yang bukan Islam. Rumah pula hanya ada 118</p>

			<p>buah. Hanya keluarga induk sahaja yang ada rumah. Makna kata jika ada ahli keluarga yang telah berkahwin, maka mereka akan berkongsi rumah bersama. Atau keluar ke tempat lain.</p> <p>Kampung Orang Asli Bukit Kecil terdapat 150 orang penduduk. Bagi yang Islam ada 51 orang dan selebihnya seramai 99 orang yang bukan Islam. Ketua keluarga pula seramai 7 ketua keluarga.</p> <p>Bagi Kampung Orang Asli Bukit Perah ada 150 orang penduduk juga. Seramai 7 keluarga yang islam dan 49 orang yang bukan Islam.</p> <p>Kemudahan di Taman Desa Kemandol ada sekolah rendah (A) Bukit Kemandol, Sekolah Menengah, sekolah KAFA, Tadika Kemas, surau, perkuburan untuk orang Islam dan Bukan Islam. Kampung Orang Asli Bukit Kecil pula ada balai raya. Dan menggunakan sumber air bawah tanah. Disini ada 5 buah kampung orang asli. Dan saya hanya jaga kampung ini sahaja. Bagi Kampung Orang Asli Bukit Perah cuma ada balai raya sahaja. Disini ada tapak surau, tetapi tuan tanah tidak benarkan untuk kegunaan orang awam.</p>
Soalan pertama, melalui pendapat dan pengalaman ustaz apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai digunakan kepada orang asli ?	3	11: 31	<p>Macam saya, saya buat pendekatan dengan berjumpa dan bersembang dengan mereka. Kita tak sembang langsung bab-bab islam ini sebab bagi yang Islam mungkin mereka akan faham tapi orang asli kebanyakannya bukan islam. Jadi kita akan jumpa dan apa yang penting muka kita kena sentiasa senyum. Dan yang kedua apa yang mereka minta tolong, kita kena bantu. Contohnya, jika anak sakit untuk pergi ke hospital dan urusan utiliti yang tak mampu nak bayar, urusan berkaitan dengan jabatan seperti JPN, hospital untuk berinteraksi. Jadi kita sebagai orang tengah yang bantu berinteraksi untuk memudahkan urusan mereka. Selama saya bekerja saya menggunakan pendekatan ini.</p>
Soalan kedua, Berdasarkan pengalaman Ustaz, Apakah contoh kaedah dakwah bil hal yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli ?	4	13: 17	<p>Dakwah bil Hal, contohnya sekiranya ada kematian sama ada untuk orang Islam atau bukan Islam. Fokusnya pada orang bukan Islam dengan pergi menziarah. Perkara ini sangat sangat memberi kesan kepada mereka. Ziarah bila ada kematian atau orang sakit mereka akan sentiasa ingat. Bila menziarah orang bukan Islam, kita hormat dengan adat dan cara mereka dan bila kita tunjuk muka sahaja pun, mereka suka. Walaupun kita ini sebagai orang luar yang membawa Islam, tapi bila kita buat dengan cara itu mereka boleh terima kita. Dan berbeza dengan orang lain yang membawa Islam juga tetapi bila sekali sekala datang mereka takkan pandang. Bila kita sentiasa tunjuk muka dan duduk bersama mereka contohnya bila ada kenduri majlis perkahwinan</p>

			<p>mereka lakukan 2 hari 1 malam kita pergi untuk tunjuk muka dan bertanya khabar.</p> <p>Selain itu, saya bantu jika ada yang nak bersalin saya tolong bantu bawa ke hospital. Untuk bantuan rumah sudah ada. Dan bagi orang islam bantu untuk repair rumah. Selain itu, kita bantu uruskan utiliti mereka khusus untuk orang islam melalui zakat. Untuk bukan Islam kita uruskan pada JAQWA.</p>
Apakah perbezaan JAQWA dan PENGGERAK?	6		<p>Jaqwa ini lebih kepada umum (keseluruhan) sama ada Islam atau bukan Islam tetapi lebih kepada pentadbiran. PENGGERAK pula lebih kepada keagamaan dan hakikatnya kami merangkumi semua perkara.</p>
Berdasarkan pengalaman ustaz, apakah contoh kaedah bil Qalam yang sesuai digunakan dalam dakwah kepada Orang Asli ?	7	17: 40	<p>Untuk bukan Islam saya jarang dakwah, tapi saya lebih banyak menggunakan perbuatan. Seperti senyum dan bertanya khabar. Tidak sentuh langsung bab islam. Kita tunjukkan peribadi kita, akhlak dan didikan kita kepada anak anak. Kami bantu orang Islam dengan sendirinya orang Bukan Islam akan tengok Islam ni macam ni dan baguslah dan dia akan rasa satu perasaan suka. Saya nak bagi tahu, mula saya bertugas di sini tahun 2009 di Kampung Orang Asli Bukit Kemandol tempat lama sebelum berpindah kesini. Orang Islam waktu tu baru 125 orang. Dan yang Islam pun macam bukan Islam. Ada yang mabuk, anak terbiar dan JAKIM hantar penggerak dengan isu bersekedudukannya sampaikan ada isteri orang lari dengan suami orang macam macam yang belaku padahal mereka orang Islam. Jadi bila saya masuk ke situ menangis saya. Macam mana ni. Jadi kita nak didik diorang untuk masuk dan terima Islam itu sangat payah. Sebab diorang duduk dalam kelompok diorang. Katakan dalam 10 orang ada seorang sahaja yang islam, dia nak berubah cukup payah. Bila yang seorang ni katakan 'aku dah tekad taknak mabuk' tapi bila dia balik dan berjumpa dengan 9 orang lagi yang mabuk, dia pun akan mabuk sama. Target saya untuk satu kampung ni Islam. Dulu setiap rumah, boleh dikatakan tiada yang Islam. Bila saya masuk tu pakat jeling je. Tidak sukalah. Tapi sekarang setiap rumah mesti akan ada seorang yang Islam. Jadi diorang tak dapat nak condemn Islam. Itu target saya setiap rumah mesti akan ada seorang yang Islam. Jadi saya rasa itu satu kelebihan bila setiap rumah ada orang Islam itu jadi satu kelebihan untuk saya untuk menarik mereka ke Islam.</p>

<p>Jadi macam mana cara ustaz menggunakan pendekatan itu untuk adanya seorang Islam dalam setiap rumah orang asli?</p>	<p>8</p>	<p>23: 03</p>	<p>Saya guna pendekatan senyum. Saya jumpa sesiapa sahaja saya akan hon. 11 tahun saya bertugas sampai sekarang saya guna pendekatan tu. Yang bukan islam saya tidak kenal mereka. Tapi mereka kenal saya. Jadi itu satu kelebihan. Saya buat senyum dan bila ada family yang ada Islam saya akan jaga mereka. Kami satu team akan berbincang selalu macam mana nak tarik pendekatan. Kalau diorang ada masalah kita rujuk pada zakat. Dan zakat turun. Didikan agama kita ada ziarah sebulan sekali. Untuk orang yang baru masuk Islam supaya mereka tidak rasa terasing. Sebab bila mereka masuk Islam dan kalau kita tidak ziarah mereka, mereka akan rasa 'tiada siapa ziarah aku ke?' . macam bantuan ini kita akan beri setiap bulan. Ada peruntukkan kita akan bagi untuk yang Orang Islam.</p>
<p>Berdasarkan pengalaman ustaz, Apakah contoh kaedah dakwah bil Lisan yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli ?</p>	<p>9</p>	<p>25: 05</p>	<p>Melalui bil Lisan pula, untuk bukan islam yang kita baru kenal, saya takkan cerita berkaitan islam tapi saya buat melalui perbuatan. Dan bila kita dah kenal dan rapat baru kita cakap tentang Islam. 'pakcik tak nak masuk Islam ke?'. jadi bila kita cakap macam tu, dia takkan tersinggung. Berbeza dengan masa saya mula dulu, saya terus cakap dia sampai tidak buka pintu. Dia kata 'awak siapa?' . ' awak orang luar tetiba nak cakap berkaitan islam'. Jadi bila kita dah duduk bersama sama mereka, dan berborak dengan mereka, baru mereka boleh terima.</p>
<p>Antara manakah cara yang ustaz gunakan untuk berdakwah kepada orang asli di tempat ustaz dan mengapa memilih cara tersebut ?</p>	<p>10</p>	<p>26: 30</p>	<p>Saya banyak gunakan bil Hal. Saya suka dan lebih selamat menggunakan bil Hal. Bil Hal ni bila kita guna perbuatan kita contoh kita membantu mereka, mereka akan ingat. Mereka ingat siapa yang bantu. Ustaz yang bantu, JAKIM yang bantu. Jadi dari situ mereka akan tempah dalam hati mereka. Dan dari situ juga bila kita selalu bantu mereka, kita nak sebarkan Islam kepada mereka itu boleh. Kita nak tarik mereka ke program Islam juga boleh. Alhamdulillah, setakat ni bila kita buat program tiada tentangan lagi. Tapi nama program itu kena hati hati. Contohnya nama program 'Ziarah Dakwah'. ha dakwah ni nak ajak masuk Islam lah. Kita buat 'Ziarah Mesra' anjuran pejabat agama, mereka datang. Kita buat program di Bukit Perah, satu kampung turun. Waktu itu, majlis dibuat oleh Agama Islam. Mereka tahu Agama Islam ini ialah institusi agama, mereka tetap datang juga meraikan. Tetapi dalam ceramah itu kita ubah, kita bukan cerita berkaitan bab agama, kita buat karaoke, nasyid dan lukisan.</p>

<p>Dalam gerakan dakwah terdapat dua jenis iaitu dakwah secara individu dan dakwah secara berkumpulan. Yang manakah pilihan ustaz dan mengapa ?</p>	<p>11</p>	<p>28: 42</p>	<p>Sebenarnya dakwah secara individu ini penat. Saya banyak cabaran. Nak dapatkan angka 600 lebih itu bukan mudah. Saya pernah disantau. Saya kena pada awal 2019 sehingga hujung tahun 2019. Sebelum saya kena isteri saya kena terlebih dulu. Dia terlantar lebih dua minggu. Setiap kali masuk maghrib dia kata kakinya macam kena siat dan panas memuncak 40. Doktor kata demam biasa tapi suhunya 40 lebih. Lepas dia sembuh saya pula yang kena. Jadinya kerja dakwah ni bukan kerja yang mudah. Sebelum saya kena santau, saya kena darah tinggi dult. Bila saya dapat satu kes kebanyakan orang asli ni dia kes khalwat dan kesedudukan. Jadi bila saya dapat kes ni saya banyak berfikir. Sampai terbawa ke rumah. Kes dah selesai tapi mereka masih buat lagi.</p> <p>Jadinya saya lebih suka berkumpulan. Pertamanya, bila berkumpulan semangat tu ada. Bila sensorang kita hilang semangat tiada siapa yang boleh bantu. Sebabtu kalau tabligh mereka akan berkumpulan, takkan sensorang. Jadi saya rasa dakwah secara berkumpulan ini sangat sangat bagus. Yang kedua, bila dakwah secara berkumpulan ni bila apa apa terjadi pada kita akan ada backup. Contohnya bila kita difitnah, macam macam orang dia dengki. Contoh macam isu zakat, kita dah salurkan bantuan ke dia tapi dia kata ustaz ambil duit. Padahal duit tu masuk ke dalam akaun. Kalau individu ni kita nak terangkan payah. Bukan dia dia faham. Jadi bila berkumpulan, kita boleh berbincang macam ana nak bagitahu dekat dia. Jadi semangat tu lain macam. Sebab tu kalau ada program kami pergi berkumpulan.</p>
<p>Adakah peranan orang yang penting seperti Tok Batin, Ketua Kampung, MPKK kampung sangat diperlukan untuk memulakan dakwah kepada orang asli ?</p>	<p>12</p>	<p>34: 38</p>	<p>Ya betul. Sangat sangat penting. Macam saya dekat sini ada Tok Batin, Pengerusi MPKKOA dan AJK MPKKOA. Mereka ini sangat sangat membantu dalam kerja dakwah kita. Tok Batin sendiri Bukan Islam tetapi sangat membantu. Dia tidak pernah menghalang kita buat program agama, tidak halang kita sembahyang, tidak pernah bising. Dia lebih suka kalau satu hari kita tak azan dia akan tanya. Dia kata macam kampung ni tak sunyi. Sebab diorang suka muzik. Pengerusi MPKKOA Islam dan sangat membantu dalam kerja dakwah saya. Kalau saya nak pergi ke sesebuah rumah, ada masalah saya panggil dia akan settle. Sebabnya pengerusi dan Tok Batin ni jenis cakap je. Kalau apa apa hal mereka kata, jadi penduduknya akan ikut. Macam kita orang luar, kita boleh handle yang Islam sahaja. Yang bukan Islam kita minta bantuan Tok Batin. Contohnya macam kes khalwat. Antara bukan Islam dengan Islam dan mereka duduk di rumah orang Islam. Macam saya tidak boleh pergi terus. Saya kena maklumkan kepada pengerusi MPOKKA. Jadi diorang yang akan ketuk pintu. Saya pula yang tangkap mereka. Saya pernah kena pecah cermin kereta sebab terlalu agresif. Saya sekarang ambil pendekatan berbeza jadi</p>

				<p>mudah. Kesimpulannya saya kurang setuju secara individu tapi suka dengan berkumpul.</p>
<p>Adakah wujud halangan atau cabaran dalam melaksanakan dakwah bil Hal, Dakwah bil Qalam dan Dakwah bil Lisan kepada orang asli ?</p>	13	39: 30	<p>Halangannya mereka tidak berikan kerjasama. Contoh bila kita cakap kita nak buat program islamik dia melibatkan antara Islam dan bukan Islam. Bila penganjur tu cakap “ok penggerak kena sediakan satu kampung turun untuk menjayakan program ini”. satu cabaran juga sebab kita nak terangkan pada penduduk kampung ini program ni sebenarnya program islamik tapi kita nak terangkan pada mereka tak islamik macam mana? Jadi dari segi penyampaian tu sangat penting. Kalau kita bagitau datang ke tempat program dan bila datang ke program bercakap pasal Islam mereka akan patah balik bagi yang bukan Islam. Jadi setiap kali program kita akan berbincang tentang nama program yang bersesuaian sebab sangat penting. Selain itu, melalui kaedah bil Hal, kena kutuk dari belakang dan kena fitnah dah biasa.</p> <p>Halangan melalui bil Qalam, mereka tidak beri respond pada apa yang kita cakap dan mereka tidak faham. Contohnya, kadang kadang kita hantar Whatssap suruh datang program, mereka akan baca tetapi tidak datang. Untuk bukan Islam pula saya tidak pernah hantar Whatssapp. Saya akan pergi jumpa. Perkara ini tidak sesuai sebab nanti mereka akan salah faham. kita cakap benda lain tapi mereka faham benda lain. Kita cakap A mereka faham B. bila mereka sudah salah faham mereka tidak mahu jumpa kita lagi. Mereka takkan beri kerjasama lagi. Jadi yang bukan Islam saya tidak pernah menggunakan tulisan atau surat. Jadi kalau ada yang tidak puas hati atau ada apa apa perkara yang hendak disampaikan, kita akan terus ke rumah mereka untuk sampaikan dengan lebih jelas.</p> <p>Halangan melalui bil Lisan pula, saya ni gagap. Jadi halangan untuk saya bagi mereka faham apa yang saya cakap supaya mereka kembali kepada Islam, kembali kepada apa contoh saya kata marilah mengimarahkan surau. Mereka akan kata ya ya. Tapi kita tak tau ‘ya’ mereka itu faham atau pun tidak. Kita nak bagi mereka mendekati Islam supaya mengubah hidup mereka. Sebab hidup mereka sekarang ini kucar kacir. Bagi yang tidak ok ni sekejap mabuk, sekejap</p>	

			<p>gaduh. Jadi kita nak ubah datang ke surau, datang ke kelas. Jadi bila kita kata macam itu mereka tidak faham. Sebab mentaliti mereka lebih kepada kehidupan mereka sebab terpengaruh dengan kehidupan mereka yang lama. Mereka tidak mahu berusaha untuk berubah tetapi Ustaz Ali seratus peratus ubah. Satu kejayaan bagi orang asli yang berjaya mengubah hidup mereka ke arah lebih baik. Tapi bagi yang tidak mahu ubah ni, kita cakap macam mana sekali pun mereka tidak akan ubah. Sebab hati dia masih terpaut pada kehidupan yang lain. Untuk yang agama kristian itu ada, tetapi hanya pada nama. Saya sudah tidak follow up. Kalau ada kristian yang masuk, orang islam yang lemah pegangan automatik dia akan masuk. Hanya sekadar bagi duit sahaja, dia akan masuk kristian. Selagi dia tidak dideclare di mahkamah syariah, kita masih anggap mereka Islam. Dia mati pun kita akan rebut jenazah dia walaupun kristian yang ambil alih.</p>
Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh Masyarakat Melayu?	14	6:33	<p>Ada. Malah di dalam kampung ini yang berlidah dengan orang orang melayu pun banyak menunjukkan persepsi negatif. Dadahnya, kacau perempuan, kacau bini orang, bergaduh, mencuri, jadi token dadah. Jadi bila jadinya sebegitu, bila kita sampaikan Islam sebab orang asli kalau yang tidak faham mereka kata kalau masuk Islam ni maksudnya masuk melayu. Majoriti tanya kampung mana sekalipun jawapannya sebegitu. Jadi kita kena terangkanlah bukan masuk Melayu, Islam ni Islam. Tapi diorang akan kata macam tu juga. Mereka tidak faham faham. Jadi bila melayu bawa persepsi negatif, kita nak bawa Islam ni agak susah. Akan ada gap disitu. 'macam mana saya nak masuk Islam, orang Melayu pun teruk'. jadi nak buat macam mana. Orang melayu itu orang melayu lah. Yang Islam itu Islam. Islam itu agama, melayu itu bangsa. 'macam awak, awak bangsa asli. Agama apa? Agama Islam' 'Awak bangsa asli, agama apa? Agama Isma' kan lain. Orang asli ni mudah. Perkara mudah mereka tidak mahu fikir. Masalah bersekedudukan banyak. Cuma sejak kebelakangan ini, kita dapat tanganidah. Sebab sokongan dari Ustaz Ali, pengerusi, Tok Batin. Kita bagitahu mereka kalau ada aduan atau kalau nampak benda benda tu tolong maklumkan. Kalau Melayu bersekedudukan dengan Asli saya tidak akan bagi muka. Saya akan terus tangkap. Tapi kalau Asli dengan Asli saya akan bagi muka dululah. Sebab diorang punya agama tiada. Kemudian kalau ada yang sudah masuk Islam, Islam mereka masih tipis dan tidak faham. Jadi orang Melayu ni kebanyakan yang lelaki. Kalau joget tu orang melayu Sri Cheeding, orang melayu Jenjarom akan datang kesini. Kadang datang mabuk. Lebih mabuk dari orang Asli sendiri. Kita nak kata apa. Jadi kita nak sampaikan islam tu memang payah. Tapi alhamdulillah walaupun ada masalah sebegitu dikalangan sebahagian orang melayu, minoriti sahaja yang sebegitu dan susah untuk</p>

			<p>kita nak handle. Tapi saya nampak setakah ni di Desa Kemandol Islam itu makin bertambah. Setiap tahun ada. Bulan ini sahaja 3 orang masuk Islam. Tahun ini sahaja baru 6 orang. Itu kata setiap rumah mesti ada satu wakil Islam. Orang melayu ni dia menggunakan orang asli sebagai tempat memuaskan nafsu. Lepas tu mereka menjadikan orang asli sebagai sumber untuk mendapatkan dadah. Orang melayu token dan jual kepada orang asli. Di mana mana tempat semua sama. Dibelakang rumah saya, ada sebuah rumah. Rumah tu jadi port dadah tetapi sekarang sudah tiada. AADK berapa banyak kali dapat serbu. Lelaki melayu perempuan asli Islam.</p>
Apakah halangan orang asli sehingga sukar untuk menerima islam ?	15	12: 58	<p>Yang pertama, mereka ikut perkembangan semasa. Mereka ikut orang melayu. Contoh apa yang ustaz cakap tadi. Orang melayu bawa persepsi negatif. Mereka kata 'macam mana orang melayu pun merosakkan anak dara kami, macam mana kami nak masuk Islam'. yang kedua dari segi masyarakat luar. Masyarakat luar tidak ambil peranan langsung. Contoh ziarah kepada kampung orang asli sama ada berikan bantuan itu langsung tiada. Tapi alhamdulillah, dekat sini ada geng geng masjid yang buat program. Di Desa Kemandol masjid Jenjarom adalah yang terbaik. Mereka akan ambil berat berkaitan orang asli Islam dan bukan Islam. Sebelum ini, di tempat lain masjid tidak ambil peranan langsung. Masjid sangat penting. Sebab didalam kariah tempat mereka mesti ada satu kampung orang asli ataupun dua kampung di mana didalam kampung itu ada mualaf. Bila mualaf itu tidak disantuni oleh masyarakat luar terutamanya di masjid, mereka kata berkhawat ni macam apa orang melayu ni selalu buat pelik je. Tapi bila selalu buat program selalu jumpa mereka akan ok. Macam disini ok dengan masyarakat luar. Tapi tula ada pro and con dia. Orang asli sini ada yang bekerja di dalam ni dan ada yang bekerja diluar.</p>
Apakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga menyukarkan untuk menyebarkan agama islam ?	16	17: 05	<p>Pada permulaannya sangat susah. Masa di kampung lama, ada orang kristian sekali dengan gereja dan gereja tu bersambung dengan rumah. Bila pejabat agama nak pergi buat tindakan dia kata ini rumah saya. Bila dia kata begitu, kita tiada hak untuk merobohkan. Majlis pun tiada hak untuk merobohkan rumah kecuali gereja itu dasingkan dari rumah. Tapi dia declare gereja itu didepan rumah dia. Jadi sejak berpindah kesini, benda tu kita bertegas dalam dakwah ni yang melibatkan tabligh, orang orang kampung yang Islam yang paling kuat bantu saya setakat ini ialah Ustaz Ali, abang Kamarudin dia memang tulang belakang saya. Kalau apa apa hal mereka akan bantu dan backup saya. Dulu semasa dikampung lama, saya tidak kenal orang jadi saya bergerak secara individu. Sekarang bila saya masuk sini pun individu atas kapasiti pegawai tapi bila ada masalah saya akan minta tolong mereka. Mereka akan bantu saya. Mereka</p>

		<p>yang menyebarkan Islam mesti kena santau. Padahal Ustaz Ali ni orang sini. Ada seorang lagi abang Riduan pun dia bertegas bab Islam dan pernah kena santau juga. Sebab apa orang asli ni depan kita mereka ok selalu senyum tapi belakang kita mereka dendam. Jadi gerakan kristian setakat ni tiadalah. Pengikut kristian sini seorang makeik pun dah masuk Islam. Bila dia masuk Islam kita bantu dia, beri bantuan kepada dia. Dan alhamdulillah kini anak perempuan dia pula masuk Islam. Dan sekarang satu keluarga masuk Islam. Dalam masa yang sama Kristian ni ada juga datang ke rumah mereka. Datang senyap senyap. Sebab rumah itu jadi pusat untuk menyanyi budak budak. Lepastu bila kristian ni datang dia kata aku dah masuk Islam. Jadi dia takleh nak kata apa la.</p> <p>Pendapat masing - masing untuk tabligh masuk. Bagi saya saya suka bila tabligh masuk. Pertama, dalam kampung orang asli ni tugas PENGGERAK adalah menyebarkan Islam. Pusat menyebarkan Islam di surau. Kami bukan ada 24 jam disana. Kadang maghrib tiada. Kadang kita ada program. Bila tiada Ustaz Ali akan backup. Kadang kadang Ustaz Ali pun tiada. Orang lain nak datang kadang tak berani nak azan. Jadi tabligh yang datang ni dia banyak membantu. Dia datang dia ziarah orang kampung. Saya kata kalau mereka mahu ziarah tanya apa masalah mereka dan masalah itu sampaikan kepada saya untuk saya nak rekod dan mana tau kita boleh salurkan kepada tempat tempat yang lain. Bila dia dapat tu dia mula seronok, dia dapat Islam. Tabligh ni datang sebulan sekali. Orang asli ni bila orang luar datang, jarang nak bagi kerjasama. Bukan sahaja orang asli, orang kita pun sama. Dulu sebelum saya jadi PENGGERAK ini, tabligh datang rumah saya tutup pintu. Selepas saya jadi Penggerak ni, subhanallah peranan tabligh ni rupanya sangat besar. Kebanyakan tabligh yang kesini, mereka sudah faham dengan orang sini. Kebanyakan mereka yang masuk Islam ni berkemungkinan ada serba sedikit dapat dari mereka. NGO pula ada HALUAN. HALUAN ini adalah persatuan lepasan universiti. Mereka banyak bantu untuk orang Islam sahaja. Yang bukan Islam mereka tidak ambil. Tapi macam yang saya katakan tadi dalam satu rumah tu ada Islam dan dia dapat bantuan, makayah dia akan tengok, oh Islam ni macam ni. Ada orang take care, ada orang sayang. Lama krelamaan kita tinggal petik saja. Bermula dari anak dididik oleh ustaz, dijaga jadi family lain akan tengok. Bila dia tengok ustaz ni akan beritahu juga ajak lah mak sekali, ayah sekali. Anak ni yang akan bagitau. Kalau kita sendiri yang pergi tanya diorang takkan jawab. Diorang malu. Jadi peranan tu. Jadi cabaran sepelas Islam pula susah. Kita nak jaga jangan minum arak, cabaran datang surau, cabaran makanan. Susah sikit. Kita buat tarbiah tabligh datang rumah kerumah. Setiap</p>
--	--	---

			minggu kita buat bacaan yassin alahamdullillah ramai yang datang. Surau ni boleh memuatkan 300 orang.
Apakah Bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah kepada orang asli? Mengapa?	17	29: 09	Saya menggunakan Bahasa Melayu. Bahasa Orang Asli sikit sikit sahaja. Sebab saya tak berapa fasih lagi. Saya belajar sikit sikit. Orang asli bila kita cakap sikit sikit dulu bahasa mereka, dia akan 'oh ustaz cakap orang asli' dia gelak seronok. Padahal kita cakap tu salah. Tapi diorang seronok sebab kita meraikan bahasa mereka. Tapi kalau kamu pergi ke Pulau Carey, ada seorang ustaz ni dia fasih cakap orang asli memori. Dia orang Kedah. Itu satu dakwah. Dia setiap bulan mesti ada yang masuk Islam sebab dia fasih cakap orang asli. Saya ada kekurangan sebab tak belajar bahasa orang asli. Bahasa memori sini kadang orang temuan pun tak faham bahasa itu.
Apakah Bahasa Badan dan penampilan ustaz antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan? Setuju atau tidak? Mengapa?	18	31: 50	Sangat setuju. Senyum itu satu senjata saya. Kalau orang marah pun senyum. Sebab kita fikir aku bawa Islam ni. Kita bawa Islam nak bagitau dekat orang yang bukan Islam yang Islam ni agamah yang rahmah. Bila kita buat perangai dengan bergaduh ke, macam mana kita nak dapatkan damai antara Islam dan bukan Islam. Jadi saya sangat setuju. Banyak saya dapat kes khalwat. Kita dah tegur mereka jangan buat. Tapi mereka buat juga. Kita tangkap mereka kali pertama dan sah kahwin dan tutup fail. Kemudian cari pula lelaki lain. Masih dalam ikatan perkahwinan cari lelaki lain. Suami yang lama dia dah tinggalkan. Jadi kita kena buka lagi satu fail. Kita ni kalau uruskan orang yang sama berkali kali, kalau tidak sabar memang tidak beri muka. Tapi sebab kita fikir kita bawa Islam ni. Kita nak jaga Islam mereka. Kalau kita bertegas atau merajuk dia akan kembali kepada agama dia. Kalau dia ucap nak kembali ke agama asal dia, mati saya. Tapi setakat ni tiada lah sebab saya cakap ini berdasarkan kursus. Mereka kata jangan bertegas sangat sebab nanti susah untuk tarik balik, nak didik balik. Kita dah beritahu pada mereka selepas masuk Islam nanti jangan kembali kepada agama asal. Memang tidak boleh. Tapi setakat ni tiada yang cakap begitu kepada saya, cuma saya perlu berhati hati. Kita pergi dalam keadaan marah bila dapat kes, orang yang sama berulang kali kita kena senyum juga. Nak buat macam mana kita nak cakap keras nanti mereka merajuk. Jadi itulah cabaran sebagai pendakwah ini.

<p>Perlukan mengkaji latar belakang dan cara hidup orang asli? Mengapa?</p>	<p>19</p>	<p>35: 41</p>	<p>Betul. Sangat perlu. Kita tidak boleh main terjah sahaja. Kalau kita main terjah, kita akan kena terjah semula. Contohnya, sebelum saya masuk ke dalam PENGGERAK saya diberi kursus selama hampir sebulan untuk mengenali masyarakat orang asli di Pusat Latihan Jelebu. Mengenali cara kehidupan Orang Asli, pantang larang mereka. Antaranya kalau orang meninggal kita tidak boleh pergi ziarah. Itu bagi yang bukan Islam. Tapi kadang kala yang Islam pun akan buat sama. Mereka masih terikut. Bila ada kematian mereka akan bakar kasut, baju simati untuk bagi mereka pakai disana. Kalau nikah kahwin kena buat adat dulu. Nikah adat macam kita tapi cara asli. Bila dia nikah adat mereka akan duduk sekali. Jadi macam macam boleh berlaku. Peranan Tok Batin dan penegerusi sangat penting untuk ubah persepsi ini. Sebab sekarang ni macam disini tok batin dan pengerusi memang main peranan. Bila mereka kata buat adat dulu, jadi orang kampung akan ikut. Kalau dia kata buat Islam dulu, so ok lah jadinya. Tapi tak dia kata buat adat dulu. Walaupun kita ada autoriti untuk ikut Islam, kita tak boleh suka hati. Sebab dia ada adat adatnya yang perlu kita ikut. Adat antara kampung adalah berlainan. Denda adat pun sama, Macam disini lain harganya. Ada yang tinggi dan ada yang rendah. Ada akta orang asli tapi tidak kena ikut harga yang sama. Dia kena ikut Tok Batin.</p>
<p>Apakah bentuk persiapan untuk berdakwah kepada orang asli?</p>	<p>20</p>	<p>41: 31</p>	<p>Saya ambil pengalaman dulu. Selepas saya kena, bibir saya sentiasa berzikir. Benda tu sakit. Tak larat saya. Bila pendinding kita tiada kita lemah semangat. Mental kita tidak kuat. Sebab bertugas di dalam kampung orang asli yang bukan kampung kita masyarakat dia merupakan masyarakat yang kita perlu santuni. Yang perlu kita take care. Jadi kita akan rasa kalau diorang tidak layan kita. Kita kena bimbang kalau kita tidak layan mereka. Sebab kita bawa imej islam. Bila bawa imej Islam, apa apa terjadi akan kembali kepada Islam. Kalau kita buruk Islam lah buruk. Kalau kita baik, Islam baik. Sebab tu kalau apa apa terjadi pada saya, saya kata saya bawa Islam. So saya kena control ini supaya orang tidak mencemarkan nama Islam.</p>

Apakah strategik komunikasi yang digunakan?	21	43: 41	Saya gm,enggunaka face-to-face, Whatsapp video, Google Meet. Orang asli sekarang dah maju. Google Meet tu kita adakan kelas, tanya khabar. Kadang kadang kita berborak dengan datang rumah, bersembang. Bila bersembang tu bukan sembang kosong tapi kita selitkan juga Islam. Kita cuit sahaja dan kita keluar balik. Kita nak bila kita bagi sedikit tu mereka akan fikir. Kita cakap harini, kemungkinan mereka masuk Islam 2 atau 5 tahun akan datang. Dan mereka tetap akan fikir.
Apakah menjadi keperluan untuk pendakwah untuk belajar bahasa orang asli? Mengapa?	22	45: 35	Ya. Bagi saya perlu. Macam saya, saya orang Kedah. Bila duduk di Selangor di pejabat orang Selangor cakap Kedah, kita bangga. Kita rasa seronok. Macam itu perasaan orang asli bila orang luar cakap asli. Mereka seronok. Jadi sangat rugi kalau tidak belajar.
Apakah pemakaian para pendakwah atau penggerak akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?	23	47: 18	Cara pemakaian sangat penting. Kalau selekeh je orang asli tengok pun macam apa sahaja. Tapi tidak salah kalau kita nak pakai apa pun. Cara pemakaian kita ni kena cara Islam. Kalau penggerak pun pakai seluar pendek diluar apa cerita. Jadi apa yang kita buat, makan, pakai, cakap, perbuatan semua kembali kepada Islam. Kalau orang nampak kita dan kata ustaz macam ni ke, kita nak ikutlah. Kalau ustaz buat baik akan nampak baik dan kalau buat jahat akan nampak jahat. Pakaian kita ni kalau kali pertama nak jumpa orang asli yang bukan islam, kita tidak perlu menunjukkan islamik sangat. Boleh berpakaian begitu kecuali kalau dah lama di kampung itu. Macam saya, saya jarang pakai kopiah. Berpakaian biasa tapi kemas. Boleh pakai kalau mereka itu rapat dengan kita. Kalau kita pakai juga jubah, kopiah kurang akan dapat sambutan. Bagi saya Penggerak punya cara berpakaian sangat penting untuk menarik orang asli.
Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli? Mengapa?	24	50: 22	Saya ada baca satu buku, buku itu mengatakan orang asli ni sebenarnya nenek moyang mereka adalah orang Islam. Bila turun kepada yang bawah ni yang jadi bukan Islam. Jadi kita kena kembalikan semula kegemilangan Islam itu dikalangan orang asli. Sebab orang asli nak terima islam sangat mudah berbanding orang cina dan india. Orang Cina dan Orang India punya pegangan agama sangat kuat kalau mereka masuk islam pun sama ada mereka menerima hidayah atau dalam keadaan susah. Itu saya berani cakap sebab saya menguruskan muafak. Dalam ramai muafak yang datang kita boleh cakap sorang sahaja yang bukan asli. Ini cina atau india. Dalam seratus orang hanya seorang dua yang boleh jadi role model. Orang asli bukan begitu. Mereka kalau suka, mereka suka. Jadi mereka akan dapat hidayah. Mereka akan

			seimbang dengan kita. ‘ustaz semalam saya dapat mimpi’. ha bila dia kata mimpi ni sah lah ni. Bagi saya perlu dibincangkan sebab orang asli ni mudah masuk Islam. Kalau suka mereka suka betul. Kalau merajuk mereka merajuk betul.
--	--	--	---

INFORMANT 7

QUESTION	NO.	TIME (Min)	ANSWERS
Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullah hiwarokatu, nama saya Abu Sofi, jadi saya pelajar daripada USIM, sedang menjalankan kajian tentang penggerak orang asli di Lembah Klang. Jadi untuk soalan yang pertama, minta ustaz perkenalkan diri ustaz, asal dari mana dah dah berapa lama berkhidmat sebagai penggerak orang asli	1	00: 16	Nama saya Muhammad Naim bin Hamid , berasal daripada Kedah dan bekerja di Pejabat Agama Islam Selangor. Telah berkhidmat sebagai penggerak masyarakat orang asli selama 5 tahun daripada 2016 di Hulu Selangor.
Bolehkah ustaz kongsi tentang kampung di bawah jagaan ustaz dan berapa ramai orang yang islam, berapa ramai orang yang bukan islam. Jadi kepadatan penduduk dan ketua keluarga bagaimana. Maknanya banyak penduduk yang keluar?	2	01:20 02:30	Saya jaga Kampung Pertak. Kampung ini tidak ramai orang islam, hanya beberapa peratus sahaja dalam 8%. Kalau kepadatan penduduk dalam 280 – 300 kerana penduduknya ada yang bila hujung minggu baru balik. Kadang-kadang duduk di tempat lain. Bila dah rasa bosan baru dating balik. Iya, maksud keluar itu kadang-kadang mereka ini dalam satu Kawasan KKB ini, kira bersangkutan antara kampung-kampung itu. Kadang-kadang ada Tok dia dekat sini, dia dah dating rumah Tok dia lama sikit, kemudian rasa bosan dia dating balik ke rumah dia. Sebab Kampung Kuala Kubu ini ada 5 kampung. Antara 5 kampung ini dia bersangkutan, kadang-kadang saudara. Anggaran dalam lebih kurang 28 orang sahaja yang islam.
Berapa anggaran islam ?		03:29	Sebelas keluarga
Berapa keluarga?		03:44	Balai raya, surau ada. Tapi sekolah tiada kerana kampung yang kecil.

<p>Dari sudut kemudahan bagaimana ustaz?</p> <p>Berapa rumah?</p>		<p>03:51</p> <p>04:26</p>	<p>Kalau rumah, dalam 44 buah rumah. Banyak juga rumahnya kerana kampung itu asalnya empangan. Sebenarnya Kampung Pertak dan Kampung Gerachi Jaya asalnya dalam empangan sebelum empangan di bina. Jadi, bila pemaju nak buat empangan, jadi mereka bagi pampasan, bina rumah yang cantik. Jadi di pindahkan ke kampung itu dan kampung asal mereka sebenarnya dalam empangan itu. Jadi mereka pindahlah, di pindahkan ke kampung itu.</p> <p>Kalau nak tahu lebih lanjut, boleh pergi ke Splash dan masuk ke dalam pusat pameran dengan menyatakan “saya nak tengok”.</p> <p>Kalau lawatan dari jabatan kena buat surat sebenarnya, tapi saya tak pastilah kalau kita nak pergi sorang-sorang ke, boleh minta kebenaran masuk ke. Ianya bukan muzium, ia macam pusat informasi.</p>
<p>Soalan pertamanya saya nak tanya ustaz, melalui pengalaman ustaz sendiri atau pendapat ustaz sendiri apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai yang ustaz gunakan selama ini kepada orang asli?</p>	<p>3</p>	<p>06:43</p>	<p>Untuk mereka ini, kita guna dakwah bil hal, sebabkan dia ikut keadaan semasalah, sebab diaorang ini hendakkan perhatian kita. Jadi bila kita buat dakwah secara lain itu, kadang-kadang ianya tak sampai sebab kalau ada sahaja yang tak boleh baca. Bukan semuanya yang boleh baca, bukan semuanya yang sekolah. Dia balance sahaja, maknanya ada yang tak sekolah yang tak tahu baca, ada yang dia boleh bercakap tapi dia tak boleh nak mengeja nak membaca. Jadi bahasa yang kita guna bahasa yang mereka boleh faham.</p> <p>Kebanyakan di sini Temuan, di Kuala Kubu kebanyakannya Temuan lah.</p> <p>Kalau kita nak berjumpa diaorang, ada sahaja kita bawa buah tangan.</p>

<p>Macam ustaz sendiri cakap, ustaz gunakan dakwah bil hal. Jadi boleh tak ustaz huraikan lagi melalui pengalaman ustaz tentang dakwah bil hal?</p> <p>Dari sudut bil hal ni, melalui perbuatan kan, macam ustaz sendiri ada macam dia minta bantuan ustaz sendiri nak buat urusan ic ke surat beranak ke macam mana pula?</p>	<p>4</p>	<p>08:35</p> <p>09:35</p>	<p>Tengok keadaan semasa dia lah, kalau macam dia, kita tengoklah keadaan itu, kalau dia tengah buat apakan, kita sembang. Kadang-kadang pengalaman saya sendiri saya akan ajak dia pergi sungai ataupun sebab dia ada banyak dusun kan, tapi sebelum contoh dusun itu mengeluarkan hasil, so kita ajaklah pergi sungai, pergi bawak kebun-kebun dia kan, so automatic dia akan, bila dah ada dusun, dia akan ajak kita juga pergi, ramai yang macam itulah. Jadi cara inilah kita nak dekat dengan dia.</p> <p>Kebanyakan yang macam itu kita tolonglah, kita akan bawa dia tapi kita akan tanya dulu kalau dia boleh datang sendiri kita galakkan dia dating. Jadi kalau dia ada minta tolong macam itu, kita akan pergilah tolong dia, tapi kebanyakan yang islam, kita akan monitor dia sampai selesai. Contoh kalau dia nak isi boring kahwin ke, kalau dia tak boleh kita tolong isikan. Kemudian, kalau hendak mohon di mahkamah wali hakim, jadi kitaorang yang akan bawa dia. Dari segi kalau macam, sebab orang asli ini ada yang tiada pendapatan tetap, kalau dia perlukan bayaran ke, kita tolonglah bayarkan walaupun pakai duit sendiri. Kebanyakannya macam itulah kalau PMA seluruh Malaysia pun, kalau kita tanya dia, mesti aka nada juga yang buat macam itu.</p>
<p>Berdasarkan pengalaman ustaz sendiri, ada tak ustaz gunakan dakwah bil kalam pula?</p> <p>Kalau melalui tulisan sendiri ustaz? Sekarang kita dah mencapai suatu kemajuan lah, orang asli</p>	<p>5</p>	<p>11:04</p> <p>11:52</p>	<p>Ada, kalau saya mengajar, saya akan yang boleh tulis yang boleh baca itu, okaylah kan, kalau yang tak boleh, so kita akan guna kaedah powerpoint. Kita akan pancarkan so dari segi video ke. Contoh kalau budak-budaklah, budak-budak saya akan cari video contoh upin ipin ke, yang ada nilai-nilai murni. Dari situlah. Lepastu, selepas habis diaorang tengok tu, kita akan huraikan. Sebab kalau orang tua pon, akan sekali jugak. Diaorang pun suka</p> <p>Untuk anak buah kelas saya sendiri, kita akan hantar kata-kata hikmah, sebab kita ada group. Group kelas yang ada whatsapp lah kan, yang ada itu sentiasalah kita hantar benda-benda macam itu. Kadang-kadang ulangkaji.</p>

<p>pun boleh gunakan whatsapp. Ke sana ada masalah line ke macam mana ke? Ustaz sendiri pun kalau melalui whatsapp macam mana kalau menyampaikan, kira dari sudut menyampaikan sesuatu, kita buat tulisan-tulisan, contohnya hari ini, jom bersedekah?</p> <p>Dari sudut respond diaorang macam mana?</p> <p>Saya ada interview beberapa penggerak kata, kan kita bagi, langsung tak di layan, depan-depan pun tidak dilayan</p> <p>Kelas zakat macam mana</p> <p>Kalau melalui dakwah bil lisan pula macam mana, melalui percakapan yang ustaz sendiri gunakan untuk orang islam, mahu orang islam ataupun bukan islam?</p> <p>Lembut yang ustaz kategorikan itu macam mana, Bahasa lembut itu?</p>		<p>12:38</p> <p>13:27</p> <p>13:44</p> <p>14:20</p> <p>15:18</p>	<p>Respond diaorang yang tak boleh membaca, kita akan bagi voice notes, melalui video ke whatsapp.</p> <p>Satu lagi, dari segi kelas, ketika covid-19 ni, kan kita tak boleh nak itu, macam tulah kita buat kelas macam tu. Sambutannya okay, alhamdulillah. Yang tak boleh itu, dia akan ikut kawan-kawan yang ada. Kita sarankan kalau dia tak boleh guna teknologi itu, diaorang akan ikut kawan-kawan dia.</p> <p>Betul, tapi alhamdulillah lah, anak buah saya itu, semua ikut.</p> <p>Kelas zakat ada, diaorang boleh pergi. Diaorang guna google meet. Tapi sebab ada juga kawan yang, contoh di Kerling, diaorang line tak berapa nakada, so kena call sahaja kelas diaorang. So struggle jugaklah nak mengajar itu.</p> <p>Kita akan gunakan Bahasa yang lembut, yang diafahami oleh mereka lah, walaupun dia tak pandai sangat cakap Bahasa diaorang, jadi diaorang boleh faham Bahasa kita, jadi saya gunalah Bahasa yang mudah. Tak boleh nak tengking-tengking, sebab diaorang orang asli Bahasa diaorang memang kasar. Kalau diaorang cakap dengan kita, kalau orang tak biasa, orang cakap “eh dia ni marah aku ke?”. Sebab mula-mula ustaz dalam bidang ini, memang banyaklah terasa dengan diaorang semuanya. Tapi bila dah lama sikit dengan diaorang, memang Bahasa diaorang macam itu. Kadang-kadang cakap kau aku sahaja.</p> <p>Bahasa lembut itu, contoh kalau yang untuk islam, panggil mamak. Bahasa-bahasa macam itulah. So nak ke mana? Dah makan ke? Kalau jumpa dekat rumah kan, macam itulah. Tapi kalau kita kasar dengan diaorang memang diaorang akan terasa. Jadi Bahasa ini memang sangat-sangat kena jagalah. Pada pandangan sayalah. Sebab kelas saya sendiri ada suatu masa, saya termarahlah, so diaorang akan merajuk dan tak datang kelas, so kita pula kena pujuk</p>
<p>Daripada pandangn ustaz sendiri, antara ketiga-tiga dakwah bil hal,dakwah bil lisan dan dakwah bil kalam</p>	<p>5</p>	<p>16:11</p>	<p>Kalau saya, saya pilih bil hal, sebab dia mudah sikit, dari cara kita, contohlah, kita gotong royong bersama, so kita buat, tidak mengarahkan terus, so kita buat sama-sama, so diaorang nampaklah.</p>

<p>mana satu yang ustaz pilih dan kenapa ustaz pilih?</p> <p>Dari sudut kerjasama diaorang itu, macam mana ustaz? Contohnya kita ada program, sambutan diaorang macam mana?</p>		16:47	<p>Sambutan diaorang menggalakkan. Diaorang kalau kita buat gotong-royong ka, masak sama-sama ka, so diaorang ikut</p> <p>Yang tak islam pun sama juga, tiada masalah, untuk kampung sayalah tiada masalah.</p>
<p>Dalam dakwah ini, so ada terdapat dua jenis Gerakan antara Gerakan individu dengan Gerakan secara kumpulan. So mana satu pilihan ustaz, dan kenapa ustaz pilih gerakan tersebut?</p>	6	17:19	<p>Kalau bagi saya, saya memilih dua-dua. Contoh individu dan berkumpulan. Kalau berkumpulan ini, kita tidaklah rasa terbeban sikit. Contohkan kalau ada berkumpulan ini, sampailah. Kadang-kadang itu kita pergi dua ketiga orang. Kadang-kadang sorang, soranglah.</p> <p>Contoh kalau ada masalah tentang kritianisasi, so kita tak bolehlah pergi membuta. Jadi kita pun kene ada group. Di sana Kristian pun kuat juga. Sini memang kuat. So kita tak boleh sorang-sorang, kekuatan kita kurang di situ, so kita kene berkumpulan. So berkumpulan ini nampaklah kuat sikit kan.</p>
<p>Apakah peranan orang penting seperti Tok Batin ataupun ketua kampung MPKK sangat diperlukan untuk ustaz mulakan dakwah kepada orang asing</p> <p>Disebabkan Tok Batin tak islam, jadi kalau nak buat program islamik macam mana ustaz?</p>	1	19:13 20:06	<p>Tidak dinafikan memang sangat penting. Tok Batin memang kita kena pegang. Yang tak islam ke, yang kampung Pertak bukan islam. Jadi kita memang kena jalankan hubungan yang baik. Kalau kita jalankan hubungan yang tak baik memang kita susahlah. Sebab pengalaman saya sendiri, memang okaylah hubungan dengan diaorang. Sebab apa-apa hal memang kita akan hubungi diaorang. Kalau kita nak buat program, kita akan hubungi diaorang dulu, dengan JAKOA sekali. Jadi kalau kita tidak buat dengan cara macam itu, susahlah untuk kita masuk.</p> <p>Kampung sini tiada masalah, jadi saya bagitahu sahaja. Dia cakap okay, saya terima sahaja.</p> <p>Kalau dari segi surat tiada, dengan JAKOA sahaja yang perlu surat. Hanya perlu maklumkan sahaja. MPKK juga bukan islam, tapi tiada masalah untuk berurusan. Kita kena ikut siapa orang yang berurusan. Kalau dia kenal, dah sembang, senanglah urusannya. Kalau tiba-tiba orang luar pergi, memang tak kenalah. Jadi pengalaman saya, kalau orang luar nak masuk, jumpalah siapa-siapa penggerak pun ataupun JAKOA. Lagi senang berurusan.</p>
<p>Apakah halangan ataupun cabaran yang ustaz alami sendiri bila melaksanakan dakwah bil hal ini?</p>	2	23:04	<p>Ada juga yang tak suka Islam, jadi dekat situlah yang susahnyanya. Tak suka itu, yang kuat kristiannya. Sebab kebanyakan yang macam itu, yang tidak terima kita itu, dia kahwin dengan orang luar, yang Sabah.</p>

			<p>Pengalaman saya yang macam itu. Yang bila dia kahwin dengan orang Sabah yang Kristian, so dia tak nak. Nak dakwah bil hal ke dengan mereka memang susah.</p> <p>Kalau yang lain, boleh terima kita. Yang saya sebutkan tadi, memang susah sikit. Tidak ramai, tapi mempengaruhi orang lain.</p>
Apakah halangan ataupun cabaran yang ustaz alami sendiri bila melaksanakan dakwah bil kalam ini?	3	24:32	<p>Seperti yang kita maklum, orang asli ada yang tak sekolah, jadinya cabaran di situ. Dia agak sukar untuk dakwah secara kalam. Setiap kampung mesti aka nada yang jenis berbelit.</p>
Apakah halangan ataupun cabaran yang ustaz alami sendiri bila melaksanakan dakwah bil lisan ini?	4	25:35	<p>Cabarannya sebab ada juga yang tak fasih Bahasa Melayu. Dari segi kalau kita nak bercakap itu, jauh berbeza lah. Kalau diaorang tak faham, ada kawan-kawan yang tolong fahamkan. Itu cabarannya satu sahaja. Sebab diaorang ada yang tidak dapat menggunakan Bahasa melayu sepenuhnya kerana tidak bersekolah.</p> <p>Saya sendiri pun, Bahasa diaorang saya kurang mahir. Jadi guna sikit-sikit sahaja seperti panggilan.</p>
Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan orang melayu?	5	26:38	<p>Ada juga sebenarnya, ada juga yang mengajak arak. Kadang-kadang yang diajar tidak sampai sebab dah tunjuk yang negative, dia tengok orang melayu sendiri. Judi juga.</p> <p>Diaorang berkawan, jadi kebanyakannya ikut orang melayu. Sebab kampung saya kecil, dapat dikawal lagi dari segi bersekedudukan. Kalau ada seorang dua itu, kita akan terus pergi suruh diaorang kahwin juga. Untuk yang islam sahajalah, kalau yang tak islam itu, atas Tok Batin dan MPKK.</p> <p>Urusan jual beli contohnya dusun, banyak yang ambil kesempatan. Contohnya masuk untuk beli dengan harga yang murah dan jual dengan harga yang mahal. Harga yang di jual sangat ketara bezanya. Bukan orang melayu sahaja, contoh ada daripada bangsa lain, dia akan bayar berapa banyak. Jadi orang itu tidak akan bagi pada oarang lain dah. Bila kita tanyakan, “saya nak beli boleh?” “Tak boleh, dah ada tauke”. Mereka beli lagi murah, Cuma orang asli ini macam rasa terhutang budi. Contoh, sebelum kebun itu menghasilkan hasil, jadi mereka akan bayar dulu. Guna duit itu untuk bersihkan kebun, jadi diaorang akan bayar. Terhutang budi, jadi dia akan bagi harga yang begitu.</p>
Jarak sini dengan kampung melayu?		29:45	

			Dekat sahaja, sebab KB banyak kampung melayu.
Apakah halangan orang asli sukar untuk terima orang islam, terutama yang bukan islam.	6 & 7	30:37	Gerakan Kristian ini, hari ahad atau sabtu, setiap kampung aka nada dia masuk, dia akan nyanyi, dia akan ajar. Ada di bina gereja. Kalau untuk tanah JAKOA di Selangor, tidak boleh membina rumah ibadat. Jadi sekarang ini, dia guna modus operandi dia, dia akan bina di rumah. Dia akan buat sambungan dari rumah orang asli itu. Jadi kita tak boleh nak charge kata itu gereja. Jadi dia akan bentuk dewan biasa sahaja. Dia akan guna untuk Kristian. Kita tak dapat nak buat apa-apa. Bila kita maklum pada JAKOA, JAKOA pun tidak boleh buat apa-apa sebab itu memang tanah dia. Jadi dia buat pula, bukan buat gereja. Rumah itu, rumah kosong Panjang. Masa bina itu ada juga maklum supaya buat halangan supaya tidak di bina, tapi tidak boleh.
Berapa ramai orang masuk?		32:41	Yang datang itu ada dalam 2-3 kereta. Kebanyakan daripada kalangan pelajar UPSI. Bila disiasat, kebanyakannya daripada Sabah dan Sarawak. Kalau kampung Gerachi, kebanyakannya Sabah yang datang bekerja beragama Kristian. Sebab pelajar UPSI ini dibayar. Yang saya tahu ni sebab ada pelajar saya yang islam, duduk sebelah gereja itu. Dia yang banyak bagi maklumat. Cuma dia tak ikutlah, dia cuma dengar sebab yang buat gereja itu, ayahnya sendiri. Sebab itu maklumat itu, dekatlah sikit nak dapat itu. Hampir setiap kampung ada gereja.
Adakah bahasa menjadikan keutamaan ketika menyampaikan dakwah? Macam ustaz sendiri kadang orang melayu, tapi di Malaysia ini, kita mempunyai pelbagai dialek, macam, mana ustaz pandang benda itu, pendapat ustaz sendiri	1	35:38	Walaupun saya orang Kedah, saya banyak guna Bahasa yang mudah di fahami. Campur-campur macam gelaran emak, adik yang itu kita guna Bahasa mereka.
Bahasa badan maksudnya Gerakan badan kita sendiri ataupun ekspresi muka kita sendiri, adakah ia cara yang berkesan untuk menyampaikan dakwah untuk pastikan komunikasi itu lebih berkesan?	2	36:28	Ketika bercakap itu, muka kita memang sentiasa kena senyum, Gerakan badan itu memang kena ada lah kan. Sebab dekat ekspresi muka, Gerakan badan itu memang menarik perhatian mereka lah. Contohnya kalau kita buat marah ke memang tak bolehlah. Memang mereka akan marah.

			<p>Kalau diaorang terasa, kalau macam pengalaman saya lah, kalau dia terasa ketika kelas saya, esok dia tak kan datanglah. Kalau kita pergi pujuk baru mereka akan datang. Jadi agak lama sikit lah kalau kita tak pujuk. Lama sikit kawan-kawan dia pujuk datanglah. Satu lagi kalau orang asli, kalau kita buat kelas dia nak ada juga barang yang kita kena bagi. Contoh kalau saya pergi kelas, saya kena dad juga barang-barang kering. Setiap kali kelas, mana yang datang itulah akan dapat. Contohnya saya bagi bihun ke, mee ke, gula ke, diaorang akan dapatlah. Sebelum-sebelum ini, bantuan itu ada daripada jabatan kami lah, JAKIM sendiri. Kalau sudah habis itu, terpaksa guna duit sendiri lah.</p> <p>Kalau daripada pihak zakat itu buan hal kami. Itu kelas untuk zakat. Guru pembimbing pun dari pihak zakat. Yang itu, kalau mereka hadir akan di bayar.</p>
Adakah perlu mengkaji latar belakang dan cara hidup kaum orang asli atau di sana masih ada lagi pantang larang ?	3	39:02	<p>Kalau pantang larang itu, sekarang ini tidak banyaklah. Pantang larang nya, kalau kita masuk, kita tak boleh cakap benda yang mencarut. Jadi kalau kita masuk hutan, tak boleh sebut benda yang, pengalaman saya yang biasa saya ikut, kalau contoh, kalau kita teringin makan apa-apa jangan sebut. Saya tidak tahu kenapa tapi saya diam sahajalah. Kita tidak boleh tanya dia kenapa. Kita pun takut juga sebab ada yang mereka cerita pada saya, ini mak cik di situ, dia cerita, ada anak dia yang lapar and cakap apa yang dia nak tapi benda lain yang datang pada dia. Orang kampung sendiri, bila dia cakap macam itu, jadi kalau kita masuk hutan, orang melayu kita pun ada juga pantang macam itu, tapi tidaklah nak percaya sangat. Mereka lagi percayalah tentang benda itu. Sebab yang mereka ceritalah, kalau kita minta benda yang bukan-bukan, jadi aka nada binatang berbisa yang datang dekat dia. Jadi setiap kali nak masuk, dia akan pesan, “ustaz, kalau nak apa-apa tak perlu cakaplah, diam sahaja”, jadi ustaz tidak pernah alami lah semua perkara itu. Orang asli ini, kalau ada kematian, mereka memang takut. Tapi kita tak dapat merungkai kenapa dengar orang mati sahaja mereka takut. Mereka jadi takut nak keluar, ketika hendak hantar kek kubur, mereka memang takutlah. Kalau bukan islam, mereka ada satu kubur. Jadi kalau orang yang tahu, mereka akan takut sikitlah, tapi kalau tak tahu rasa biasa sahaja.</p>
Apakah bentuk persiapan ketika berdakwah kepada orang asli sendiri. Contoh kalau ustaz mula-mula	4	49:08	<p>Kalau mula-mula dahulu, kita ada kursus, jadi kita ikutlah kursus itu. Bila kita masuk sahaja memang persiapan seperti doa. Bacalah ayat-ayat apa yang kita tahu kan. Kemudian bila dah lama itu, rasa</p>

masuk, dari segi persediaan mental dan fizikal itu macam mana ustaz?			<p>biasalah. Kalau diganggu itu, biasalah. Di surau sendiri itu, kalau kita mengajar, ada anak buah yang pengsan tiba-tiba. Jadi kita dengan ilmu yang ada, buatlah macam mana pun asalkan benda itu keluar. Bila dah okay, okaylah. Jadi kita teruskan untuk mengajar yang lain-lain juga lah. Jadi mereka akan terjagalah. Asal kita boleh cuba, cubalah. Sebab dalam kampung orang asli itu, benda itu memang ada lah, percaya atau tak percaya, kita kena ada.</p> <p>Kalau saya alhamdulillah, setakat ini tidak pernah kena santau atau apa-apa pun. Tapi cabarannya memang ada, macam itulah. Sebab ada kawan-kawan sendiri pun memang ada.</p>
Apakah strategi komunikasi yang ustaz gunakan untuk sampaikan dakwah?	5	45:58	<p>Sebab saya ada juga belajar Bahasa ibunda mereka, tapi tidak dapat nak catch up. Mungkin sebab dah tua kot. Tapi Bahasa biasa-biasa yang macam itulah, yang saya cakap tadi kan, sikit-sikit bolehlah. Tapi kalau kita nak cakap itu, memang agak payah juga lah. Tapi kita kena faham juga lah Bahasa diaorang. Bila kita faham Bahasa mereka, mereka mudah mesra sikit dengan kita. Sebab ada juga anak murid saya yang ajar, tapi saya, saya susah sikitlah nak catch up. Memang saya akuilah walaupun saya dah lama. Memang susah, memang tak dapat lagi nak ikut.</p>
Apakah menjadi keperluan pendakwah untuk belajar tentang Bahasa orang asli?	6	47:23	<p>Memang keperluan lah, sebab bila kita guna Bahasa mereka, mereka lagi senang rapattha, senang mesra dengan kita. Sebab kalau macam mereka guna Bahasa mereka, mereka anggap kita macam boleh masuklah. Macam kita hargai dia, macam senang lah mereka nak dengan kita.</p>
Apakah pemakaian ustaz sendiri akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli?	7	48:10	<p>Sangat-sangat mempengaruhi tentang pakaian ini, sebab kalau kita masuk, berserban atau berjubah ke, mereka akan jadi negatiflah, sebab susahnyanya kita nak mendekati mereka kalau macam itu. Kalau dari saya sendirilah, pakaian biasa sahajalah. Kadang-kadang ber T-shirt. Tapi yang duduk kampung pertak ini, tiada masalah. Sebab diaorang kenal, tapi kalau yang mereka tidak kenal, saya tidak pastilah. Dulu ada seorang tabligh, dan tabligh pemakaian mereka berjubah semua, mereka boleh terima.</p> <p>Pandangan tentang tabligh, kalau mereka datang, kita sangat mengaluken sebab mereka sangat membantu. Dari segi dakwah kita lah, diaorang pergi rumah ke rumah, tapi tiada lagi yang kena halau. Tapi di tempat lain saya tidak tahu. Diaorang bagitahulah, jadi kita benarkan mereka guna surau. Sebab surau kita yang</p>

			jaga, jadi nak tak nak mereka perlu mintalah. Diaorang bagitahu nak guna surau. Jadi kita bagilah kebenaran. Jadi orang kampung pun setakat di sini tiada masalah lah. Suka atau tidak suka itu kita tidak tahu, tapi mereka tiada protes.
Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli?	8	50:41	<p>Kita tidak terus menerus berbincang tentang islam, sebab kalau kita terus menerus berbincang, mereka tidak akan terima. Kita kena selit sikit-sikitlah, kita cerita islam ini macam mana. Jadi kalau dari segi saya berjumpa, jadi diaorang tiada masalah, mereka terima. Jadi mereka hendak masuk atau tidak itu, bergantung pada diri snedirilah, kita tidak boleh memaksa. Kalau setakat yang saya jumpalah, macam itulah. Saya sembang, kemudian selitkanlah sedikit tentang islam ini meam ini, macam ini. Diaorang pun respond, “tahu, tahu sebab banyak kawan islam”. Sebab diaorang pun banyak juga kawan-kawan yang islam.</p> <p>Kebanyakan mereka peluk islam dengan cara berkahwin. Ada juga yang bila da kawan-kawan yang banyak islam, jadi diaorang masuklah sekali, sebab ada kawan-kawan yang islam, jadi mereka ikut sekali. Kebanyakannya macam itulah.</p>

INFORMANT 8

QUESTION	NO.	TIME	ANSWER
So saya nak tanya ustaz, boleh tak minta ustaz kenalkan diri ustaz, asal dari mana? Dah berapa lama berkhidmat sebagai Penggerak Orang Asli.	1	00:45	Assalamualakum warahmatullahiwabarakatuh. Nama Ahmad bin Salleh, kalau ikut negeri kelahiran itu di Sabah. Negeri Sabah lahir sana, mak saya Kelantan, ayah Kedah, duduk Putrajaya berkhidmat di Selangor. Berkhidmat sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli ini lebih kurang baru 4 tahun. Baru 4 tahun la kiranya kalau ikut di Selangor ini sayalah paling baru 4 tahun. So, mula bertugas pada 3.1.2018 di Negeri Selangor di Daerah Kuala Langat.
Soalan yang kedua, boleh tak ustaz kongsikan	2	02:09	Saya ditempatkan di Daerah Kuala Langat untuk tiga kampung, satu kampung utama, kampung jagaan dan dua kampung seliaan. Kampung Jagaan pertama iaitu Kampung Orang Asli Tongkah, Morib. Dan dua kampung seliaan iaitu yang pertamanya Kampung Orang Asli Tanjung Sepat yang keduanya Kampung Orang Asli Sungai Bumbun Pulau

<p>kampung-kampung di bawah jagaan ustaz? Dan berapa ramai orang asli yang Islam dan bukan Islam? Dan kepadatan penduduk di situ?</p>			<p>Carey. Jauh-jauh semua, hujung-hujung. Satu dekat dengan Klang satu lagi dekat dengan Sepang. kita start dengan Kampung Tongkah, ketua keluarga dalam 18 orang. Ketua keluarga Islam. So lebih kurang dalam 56 orang beragama Islam termasuk anak-anak sekali.</p> <p>Untuk Tanjung Sepat, ketua keliarga dalam 20 ketua keluarga. Orang Islam dalam 60 orang.</p> <p>Dan paling ramai Bumbun lah setakat ni dalam 40 keluarga Islam dan jumlah yang Islam dalam lebih kurang 140 orang Islam.</p> <p>Kemudahan setakat ini untuk ketiga-tiga buah kampung kat situ infrastrukturnya kalau diikutkan dari segi Tongkah dan Tanjung Sepat ni dia tak sampai 2 km pun daripada pekan. Kampung Tanjung Sepat tu tak jauh dari pekan Tanjung Sepat tu, Tongkah pun berhampiran dengan Morib. Mungkin yang Bumbun Pulau Carey tu dia kena keluar sikit lah dalam 5 km begitu daripada pekan. Balai raya semua ada untuk ketiga-tiga kampung ni cuma Kampung Tongkah sahaja ada surau.</p> <p>Surau itu baru di binalah pada 6 Mei 2018, sumbangan daripada Lembaga Zakat Selangor. Aktiviti setakat yang Islam kita akan buat yang mingguan ada bulanan pun ada. Kalau yang mingguan itu kita akan tetapkan bacaan Yasin dan bacaan Quran dan kita akan berganti lah Khamis malam Jumaat tu dengan bacaan Yasin dan tazkirah. Tazkirah itu kita ada libatkan dari luar dan ada di kalangan orang Asli sendiri di samping kita nak latih mereka untuk berani ke hadapan ataupun kita buat bacaan Yasin lah. Kalau dari segi bulanan tu kita ada buat program daripada pihak Jabatan Agama sendiri Pejabat Agama buat bersejarah atau hari kebesaran Islam sama ada Maulidurrasul, Awal Muharram dan kita buat dalam jadual tahunan kita lah. kalau Tongkah memang kita akan buat di surau, kalau di Tanjung Sepat tu kita guna alternatif lain tu kita buat melalui samada buat kelas melalui online ataupun kita kumpul sama-sama di rumah muaf. Setakat ni alhamdulillah kita ambil mudah contohlah 18 orang antara 10-14 orang boleh dapat, diorang boleh hadir. Kalau dari 18 lah kalau nak kumpul semua kita pun tak dapat.</p>
<p>Kita ke soalannya seterusnya pada pendapat ustaz, apakah pendekatan dakwah yang paling sesuai kepada orang Asli?</p>	<p>3</p>	<p>06:25</p>	<p>Kalau ikutkan dengan pendapat tu ialah dakwah bil hal. Sebabnya yang pertama tu pada pendapat saya sendiri kita akan tengok orang tu pun kita tengok dari segi luaran dia. Bagaimana cara pemakaian kita cara pertuturan kita dengan orang itu macam mana iaitu pada pandangan pertama sebelum kita nak masuk dengan yang lain tu, maka pendekatan tu pendekatan dakwah bil hal lah yang lebih utama dengan masyarakat orang Asli ni. Yang saya gunakan setakat ini, itulah. Setakat ini saya fikir macam mana, sebab saya muda lagi ustaz, macam mana aku ni dalam kampung tu kita ada umur 60, 70 padahal kau ni budak mana tah berapa umur tah, datang-datang tiba nak mengajar lah apalah padahal kita ditugaskan di situ. Macam mana aku nak masuk, kita cuba masuk, kita kata jangan masuk tu dengan masam muka, cakap saya ni orang pejabat agama, itu semua kau tolak nombor dua. Kita pergi tu kita bawa</p>

			<p>makanan lah dengan diorang tengok cara pakaian kita lah apa yang diorang nampak pada kita dulu.</p> <p>Untuk kita masuk dengan mereka</p> <p>Pertama kita punya budaya dan adat dah lain dah, bahasa kita pun da lain dah.</p> <p>Ketiga-tiga kampung jagaan saya semuanya Mahmeri. So diorang punya aktiviti utamanya daripada lautlah. Aktiviti laut, nelayan. Cuma Bumbang dan Tanjung Sepat ni ada lebihnya kraftangan. Tongkah ada tapi dia kurang sikit dia lebih kepada laut. Diorang buat ukiran-ukiran, diorang buat sendiri. Kayu ambil dari hutan. Kalau yang pernah Bumbang, kita pernah buat satu sukan, tournament untuk sukan takraw, piala tu kita tempah dengan diorang. Piala tu ukiran itu daripada orang, ukiran bola takraw tu. Tu rasa benefit dan berfaedah ni.</p>
Apakah kaedah dakwah bil hal yang pernah ustaz gunakan untuk Orang Asli?	4		<p>So kalau ikut pengalaman yang tak berapa banyak ni baru 2-3 tahun ni lebih kepada bersemuka lah. Yang penting orang kata asas kepada tu, kita asas pada dakwah ini perkenalan kita. Macam mana kita nak masuk dia, apa yang dia minat. Kalau ikutkan kita, dia (Orang Asli) kena ikut kita tapi kita asas dakwah kita tanya dia apa yang dia minat dulu, kita study dulu.</p> <p>Contoh pertama saya, saya lebih kepada Kg. Tongkang la sebab itu kampung utama so saya tengok situ masyarakat disitu lebih kepada nelayan. Jadinya macam mana saya nak tarik mereka ini, bukan tertarik dengan diri aku tapi untuk tertarik kepada Islam. So mereka mempunyai aktiviti utama nelayan, Jadinya apa kata satu hari aku janji dengan mereka aku turun laut dengan mereka. Cuma masa kita pergi ke laut kita selitkan, kita turun laut dengan mereka tu kita ajar macam mana kalau di tengah laut itu macam mana kita boleh sembahyang. Macam mana kat atas bot pun kita boleh ambil wudhu. Dan sebab kalau mereka kata “kalau kat rumah Ustaz, boleh la kita ambil di rumah ada paip boleh sembahyang kan” Tapi kita nak bagitahu yang Islam ni, atas bot pun kita boleh sembahyang. jadinya kita dah kenal diorang tu, baru kita tarik hati dia.</p> <p>Alhamdulillah ada yang saya berjaya tarik hati mereka. Kadang mereka pun pelik jugak kan, ‘kau ni siapa orang luar nak ikut aku kan’ Okaylah kalau ustaz nak ikut kita boleh buat satu malam pergi dengan mereka, kita ajar diorang macam mana solat atas bot, ambil wudhu kalau tak ada air macam mana. So bot besar lah, dan lebih kepada bersemukalah tanya terus, sebabnya Masyarakat Orang Asli Selangor ini memang tak dinafikan diorang ni dah lebih sikit daripada masyarakat Orang Asli di negeri-negeri lain. Sebabnya dari segi telefon pun diorang boleh dapat apa semua, rasanya lebih kepada bersemuka sebabnya bagi saya pendapatnya kalau Orang Asli ni kita tulis ayat ABC, sampai kat dia di abaca CBA. Maklumatnya tu takutnya tak sampai, so saya rasa lebih baik bersemuka lah sebabnya apa-apa ilmu pun kalau kita nak belajar lebih baik bersemuka. Yang jawapan nombor dua ni bersemuka.</p>
apakah kaedah	5	11.39	<p>Okay, kalau berkenaan dengan tulisan ni pula sebab setakat ni masyarakat Orang Asli di ketiga-tiga kampung ni atau di Selangor</p>

<p>dakwah bil qalam yang pernah ustaz gunakan untuk Orang Asli?</p>		<p>khususnya memang mereka ada kelas fardhu ain yang dianjurkan oleh Lembaga Zakat Selangor, mereka ini memang akan dihantar seorang guru dan termasuklah kami semua dihantar untuk mengajar mereka.</p> <p>Dan saya rasa dari segi tulisan ini, majoritinya boleh saya katakan tak mampu menguasai kemahiran kemampuan membaca itu lah ataupun dari segi tulisan itu. Sebab itu dia berbalik kepada bersemuka itu balik ustaz. So kita duduk depan-depanlah, contohnya kita ajar doa Qunut harini dah lancar semua Alhamdulillah, esoknya dia datang baca Al-fatimah kita suruh dia ulang doa Qunut yang semalam tu dah tak berapa ingat dah. So kalau nak cakap lebih kepada tulisan ni, sebab diorang nak mengenal tu dulu nak menguasai. Sebabnya bayangkan kalau sebelum ni dah 40 tahun dengan agama lain, baru masuk pulak, dah kita ajar benda baru pulak ambil masa pulak nak belajar benda baru yang lain.</p> <p>Untuk whatsapp dalam tempoh PKP, bulan 3 PKP tempoh hari memang tak dapat bersemuka tak dapat dari segi ini, time tu memang kaedah apa yang aku nak gunakan, selepas itu cakap kita buat tayangan video lepas itu kita tanya apa yang diorang boleh ulas dari video tu. Contoh yang saya ingat tu saya kongsikan satu video tentang wudhu, pastu diorang kena keluarkan apa yang diorang faham daripada video tu. So saya tak ajar tapi saya nak diorang tahu apa yang video tu cakap. Yang dengan satu lagi azan dan iqamah, so saya suruh mereka tiru sebiji-sebiji yang dalam video tu mereka buat balik. Alhamdulillah hampir semua berjaya tapi ada juga yang kecundang. Kiranya mereka respon la ye. Mereka respon, lagi satu macam kalau mereka tak tahu mereka akan tanya. Itu yang lagi seronok tu, kalau tak tahu mereka tanya lagi.</p>
<p>Seterusnya, dakwah bil lisan melalui percakapan pulak? Macam mana pulak ustaz?</p>	6	<p>Percakapan eh, sebab saya rasa melalui percakapan ini hampir setiap hari, memang hari-hari berkomunikasi dengan diorang So baru-baru ni zakat ada bagi surau, ada bilik imam, saya menetap di situlah dalam seminggu dua hari, seminggu tiga hari ke. Bolehlah. mereka tu bahasa lain, kita pulak Bahasa Melayu kita tapi semua sekali faham Bahasa Melayu. So mereka boleh memahami, boleh respon so saya rasa benda tu dari segi komunikasi atau kuasa komunikasi tu berjaya lah. Mereka boleh sampaikan dan mereka boleh keluarkan balik.</p>
<p>Antara tiga ni mana ustaz pilih dan kenapa ustaz pilih tu? Perbuatan bersemuka, tulisan atau percakapan ?</p>	7	<p>So antara ketiga-tiga itu, dapat saya simpulkan, rasanya bagi saya perbuatan. Sebab perbuatan ni, macam saya cakap tadi apa ni dia lebih pandangan pertama kita kepada orang tu. Maksudnya, macam mana mereka itu pandang saya, macam mana kita nak berdakwah pada masyarakat Orang Asli khususnya lah sebabnya kalau kita lah berperwatakan contoh, kita pergi masjid berjubah, pandangan pertama orang tengok dia ni ada apa-apa ke, mereka akan rasa ada jurang kat situ, kalau kita nak bagitahu apa-apa pun mereka rasa ada jurang. Dia cakap tu macam tak sampai orang kata. Macam dia nak tanya ke kita rasa benda tu tak sampai. Kita tukar pakaian kita pakai seluar jeans, tshirt biasa sembang-sembang minum ke apa, Alhamdulillah benda tu berjaya. Maksudnya lebih kepada perbuatan kita lah.</p>

		<p>Antara Yang berkesan. Setakat ni sebabnya banyak kita berurusan banyak dengan bantuan-bantuan dengan Lembaga Zakat Selangor sebabnya ada satu mualaf kita tu bertahun-tahun dia kata dia minta baik pulih rumah dia, memang rumahnya tu keadaan uzur sangat lah. Tahun kita masuk tu tahun 2019, awal tahun 2019 tu saya masuk, saya cakap dengan dia, mak cik, saya tak janji apa-apa cuma saya boleh bantu, kalau dapat itu rezeki mak cik kalau tak dapat saya tak boleh buat apa-apa tapi kita boleh cuba lagi. Orang Asli. Kita proses semua, Alhamdulillah pertengahan 2019 rumah dia dapat bina baru. So sampai hari ini dia selalu ucap terima kasih-terima kasih. Saya cakap itu bukan disebabkan saya tapi sebab mak cik sabar, mak cik datang kelas dan bila dia tengok perbuatan kita tu bersungguh-sungguh nak bantu dia tu, dia rasa macam terhutang budi pun ada, saya cakap itu bukan sebab saya, sebabkan mak cik selalu doa, mak cik selalu datang kelas, mak cik duduk dalam Islam ni, benda ni. Sampai dia cakap macam ni, sebab saya saja kata saya pernah selalu bergurau dengan dia saya kata tak apalah mak cik nanti satu hari nanti saya dah tak ada nanti mak cik ingatlah rumah ni, saya akan ingatlah ustaz. Dia cakap macam tulah.</p>
<p>Sepanjang tiga tahun ustaz kat situ berapa ramai ustaz telah Islamkan orang asli?</p>	8	<p>Kalau ikutkan keluarga belum pernah lagi, yang betul-betul satu keluarga belum pernah lagi, cumanya dalam keluarga tu adik dia, anak dia pernah lah.</p>
<p>Cara pendekatan ustaz dengan dia ke yang membuatkan dia masuk Islam?</p>	9	<p>Yang di Tongkah ada sorang. Dia sebab tiap petang sebelum PKP ni setiap petang kita buat kelas ada kadang kita buat dalam surau ada yang kita buat luar surau buat makan-makan. Dia laluan utama dia dia kena lalu surau, so tiap petang dia akan lalu tiap hari pergi kerja ke pergi balik jeti ke, keluar pekan kea pa semua dia akan lalu, satu hari tu dia berhenti. Dia berhenti kat hujung, saya nampak dia berhenti kat hujung, lepastu dia tanya saya. Dia tengok je, dia tak tanya lagi, dua tiga hari lepastu baru dia tanya, lepastu kawan dia bagitahu, ustaz, pak cik ni nak jumpa ustaz. Aku cakap akua da masalah apa pulak ni? Haha. Tiba-tiba dia cakap macam tu, okay lah nak datang jumpa kat mana, datang kat pejabat ke nak jumpa kat kampung? Pastu dia kata nak jumpa kat kampung sebab diorang jauh jadi ada keberatan nak datang kan. Lepastu kita jumpa dekat kampung dia tanya tu ustaz buat apa petang-petang? Saya cakap saya tak buat apa pun, kita ajak sembang ajar-ajar sembahyang ambil wudhu kat luar tu je pun apa semua tu kan. Okay, mak cik nak masuk Islam dia kata. Kita cakap mak cik fikir betul-betul kan sebab masuk Islam ni kita tak boleh paksa dan kalau dah masuk tak boleh nak keluar haa apa pulak nenek moyang mak cik cakap ni kan sebab atok mak ayah dia semua ada lagi kan. Saje je lah cakap tu. Betul, betul mak cik nak masuk Islam sebab bukan harini je mak cik tengok, dah lama dah mak cik tengok. Dah dia nak masuk Islam tu saya tanya satu lah apa yang menyebabkan mak cik nak masuk Islam? Sebenarnya azan. Setiap waktu solat tu dia dengar walaupun yang kita nampak dia</p>

			<p>lalu lalang dia perhati apa yang kita buat kat surau tu. Tu dia cakap sebab azan.</p> <p>Mak cik tu umur berapa, ustaz?</p> <p>Mak cik tu umur 48 tahun. Cumanya sebabnya kat rumah dia tu ada anak-anak dia tapi semua tak ambil tahu dah pasal dia. Dia memang duduk sorang, itu yang dia nak keluar makan semua tu dia kena cari sendiri apa semua sendiri kan. Dia duduk rumah pun mungkin kosong je kan so setiap kali azan dia dengar pastu dia kata dia nak masuk Islam tu tak ada siapa-siapa paksa dan dia kata mungkin jadi penyebab dia dengar tu azanlah. Mungkin hati dia lembut kat situ.</p> <p>Kalau daripada golongan kanak-kanak ke ye lah golongan tua mungkin berbeza dengan golongan kanak-kanak ke macam mana?</p> <p>Okay, ada yang kawan-kawan tu sebab di sekolah. Dia masuk Islam di sekolah, cikgu dia bawakkan dan cikgu tanyalah disebabkan apa dia masuk Islam. Dia katalah sebab kawan-kawan dia pergi belajar, dia kata seronok dia tak kata seronok tapi dia kata ada sesuatu yang dalam agama ni bagitahu. Tapi budak-budak dia tak tahu nak bagitahu apa tu sesuatu.</p> <p>Okay saya pun tanyalah lepas-lepas kelas tu tanyalah apa yang awak seronok sangat? Dia kata balik rumah mak ayah tak marah, pergi sekolah cikgu tak marah, aku pun pelik kenapa sampai mak ayah diorang ni tak marah ni. Risau jugak diorang tak marah budak kan. Pastu tanya-tanya selidik-selidik ambil masa jugak lah tanya kan lepastu dia tengok kawan-kawan dia, persekitaran dia, dia kata masa nak masuk Islam tu kita baca apa yang boleh apa yang tak boleh kan semua tu dia kata. Jadi macam mana kalau mak tak Islam anak Islam hubungan mak dan anak tu tak putus, so diorang pegang kat situ sebenarnya, walaupun setiap kali ada orang masuk Islam tu kita bacakan tapi benda tu terlintas kat fikiran diorang tu lekat kat fikiran diorang tu sebenarnya. So masa setiap kali balik tu mungkin mak ayah dia tu selesa dia buat baik apa semua tu, so Alhamdulillah mak ayah dia pun sekali masuk Islam jugak. Asalnya tu anaknya tu masuk Islam sorang tapi mak ayah dia kalau ikutkan procedure kat Selangor ni anak umur kurang 18 tahun ni membesar dengan mak ayah kan. Kitorang dah pelik anak nak masuk Islam, mak ayah tak nak, tapi mak ayah dia bagi. Alhamdulillah 2 bulan lepastu mak ayah dia masuk Islam sekali. Di Tongkah.</p>
<p>Ada lagi tak pengalaman-pengalaman ustaz sendiri, kira semua bendani pengalaman ustaz sahaja. Yelah mana tahu kita boleh pakai</p>	<p>1 0</p>	<p>23.27</p>	<p>Yang satu lagi tentang pembinaan surau di Tongkah tu sebabnya sebelum ni surau tu dua tingkat dan kegunaanya untuk balai raya sekali lah, lepastu dalam proses kita nak bina yelah kita tak sedarkan mungkin ada pihak-pihak yang mungkin cemburu dengan kewujudan Islam tu ada dalam kampung tu kan, so ada lah jugak bunyi-bunyi yang mana pengalaman ini yang saya rasa cukup seronok dengan golongan orang Asli sendiri bagi kata Ustaz tak buat apa pun, ustaz buat surau je, jangan ganggu. Sedangkan kita kata tak apa lah kalau ada apa-apa tu mungkin kitab oleh sebab kita pun dari segi undang-undang pun memang agama Islam agama rasmi jadi tak ada agama lain yang boleh halang agama Islam dalam kampung tu. Tu bermakna kalau ada Gerakan Kristian sekali pun memang benda itu salah dalam kampung tu. So yang saya dapat tu dia kata sampai Kristian ni nak bagi macam-macam lah rumah lah peti ais semua tu siap ada yang bagi duit tiap-tiap bulan kalau kau</p>

<p>untuk generasi akan datang ke kan</p>		<p>dapat haling ustaz bina surau. Cabaran tu, dapat dengar tu, time tu surau dah siap lah. Kita tanya siapa kan, dia tak nak bagitahu, dia pulak ceramah kita, ustaz kan cakap kita kan tak boleh bermusuh dengan orang. Ustaz kan cakap kita tak boleh bermusuh dengan orang. Takpe-tekpe, dia lah yang menenangkan kita dia kata takpa ustaz macam mana dia nak kacau ke apa ke, ini tempat kita sebabnya dia kata surau tu sebab masa asas kita nak buat surau tu saya bagi penerangan kat diorang saya kata yang surau ni bukan milik jabatan agama ke pejabat agama saya kata surau ini tempat kita. Kalau kita imarah tempat kita, kita seronok, kita dapat pahala. Kalau surau ni cantik kita tak datang sembahyang tak ada orang tempat bersepah kita pun tak dapat apa-apa, kita pun rugi. Kalau orang Melayu kita ni kita cakaplah, kita kena imarahkan rumah Allah sebab dengan mereka ini pendekatannya kita kena cakap itu adalah rumah kita, kita tak boleh nak terus cakap dengan dia, macam mana tu kan, itu yang sampai lepas tu mereka boleh kata Kristian ada cubaan-cubaaan tu, jadinya mereka kata macam mana pun itu rumah aku kata dia, kau nak marah ke kau nak halang ke kau tak boleh marah ustaz sebab itu rumah kami. Benda itu yang saya rasa bersyukur Alhamdulillah lah mereka dah rasa benda tu diorang punya surau tu mereka kata mereka punya. Setakat ni, lima waktu tu, tiga waktu ke dua waktu azan tu susahlah, Alhamdulillah setakat ni lima waktu tu azan.</p> <p>Soal jemaah tu jangan cerita, sorang dua orang tu jangan cerita yang penting saya kata azan ni, yang permulaan ni azan je dulu lima waktu, so kita tengok tu okay, okay lima waktu. Lepastu dari soal jemaah, jemaah ada berapa orang tu, itu nombor dua lah bagi saya. Ada azan okay lah tu.</p>
<p>Soalan yang keenam pulak, dalam gerakan dakwah ni ada terdapat dua, ustaz lagi suka berdakwah secara berkumpulan ataupun secara individu? Bagi pandangan ustaz sendiri.</p>	<p>1 1</p>	<p>Kalau dari segi masyarakat orang Asli sendiri ni, saya rasa lebih prefer kepada Berdakwah secara berkumpulan. Secara berkumpulan sebabnya, 2018 tu saya mula ditempatkan disini, kita tak tahu apa-apa. Tak ada asas langsung ke sini sebabnya sebelum ni duduk Putrajaya kerja Putrajaya memang boleh dikatakan 100% terbalik.. Memang kerja kat sana menghadap komputer bukan menghadap orang, datang sini pulak menghadap orang, tu yang saya cakap macam mana nak buat. Alhamdulillah dekat Kuala Langat kita ada lima orang Penggerak, ustaz Arif, ustaz Roziman, ustaz Wan dan ustaz Rosli di Pulau Carey, jadinya pada awalnya tu memang di peringkat awal tu mereka bagitahu maklumat-maklumat semua dan mereka bantu saya untuk set satu tarikh untuk pergi ke tiga-tiga buah kampung ni. Maksudnya dari segi yang pertamanya mereka pergi jumpa macam mereka akan pergi berjumpa dengan tok batin tu lah, Tok Batin, JKK Kampung pastu baru pergi masuk berjumpa masyarakat orang Asli.</p> <p>MPKK untuk yang pengerusi semua tu kan, haah MPKK. Maksudnya dia lebih kepada secara berkumpulan sebabnya bagi saya berkumpulan ni lebih kuat, macam-macam mana pun kau tak boleh tipulah kalau kau rasa kau kuat sendiri ni pun, kumpulan jugak lebih kuat.</p>

		<p>Sebabnya setakat hari ini memang daripada start saya masuk dan daripada sebelum ni pun dah mula bergerak, kalau ada apa-apa program sekali pun, memang lima-lima orang akan turun. Tak kisahlah program tu, program ziarah ke.</p> <p>Yang kalau beramai-ramai tu sebulan sekali. Contoh macam harini kita akan pergi ke Tongkah, lepastu minggu depan pulak kita pergi tempat lain pulak tempat Ustaz Arif, kami semua orang akan pergi ke sana. Kita akan buatlah satu aktiviti ke apa-apa ke contoh macam harini kita buat klinik Fatimah je bulan ni, so kita akan pergi ronda, tanya khabar bawa barang sikit ke main dengan budak-budak ke apa ke kan. Lebih kepada kumpulan la sebenarnya kan.</p> <p>Individu tu saya ingatkan berdakwah kepada diorang ni berdakwah secara berkumpulan ke atau individu direct daripada diorang sorang-sorang camtu.</p> <p>Sebabnya diorang ada satu sifat ni sebenarnya, sifat malu. Sifat malu ni, macam kita pertama kali pergi tu, masa kita pergi tu, diorang tengah kumpul, kami sampai terus diorang lari. Lari masing-masing balik rumah. Okay pastu ni sajarah kawan-kawan saya kata haa yang inilah satu gambaran orang kata, tapi takpe jangan risau mereka bukan anggap kita buat salah. Kita pergi rumah mak ayah, mereka ada kat rumah. Kami pergi kat rumah tu, kita sembang apa semua tu, lepastu yang mak ayah dah faham tu okay, yang budak-budak ni kan kita biasalah memang mereka ni kan bila mereka malu ke apa ke kan sebabnya kalau dalam Whatsapp walau dalam group tu sekalipun kalau macam kita bagi satu tugas ke apa-apa mereka ini, mereka akan lebih kepada sorang-sorang PM sorang-sorang.</p> <p>Contoh kita bagi satu task tu contoh macam wudhu tadi kita bagi dalam group tapi respon dalam dua tiga orang je. Tapi diorang sendiri pun akan respon, ustaz betul tak ini? Betul tak ini? Diorang sendiri PM. Diorang, dalam group tu yelah, kalau kita sendiri pun takut, perasaan tu macam kalau aku cakap ni salah kang, dia kena gelak ke, kawan-kawan gelakkan ke. Itu ye jugak. So, diorang lebih prefer sorang-sorang. Kalau malu, malu sorang-sorang.</p>
<p>Kalau golongan kanak-kanak ke, golongan remaja ke macam mana tu ustaz?</p>	<p>1 2</p>	<p>Golongan kanak-kanak ni lebih kepada yelah kita nak bagitahu terus dengan mereka yang ni salah yang ni salah memang kita lah kena keluarkan sepatutnya kita yang kena betulkan keadaan tu, so macam contoh yang saya pernah bawa, ketika itu ada empat orang, saya ambil empat orang, saya bagitahu mak ayah diorang siap-siap saya kata saya nak bawa diorang keluar. Bawa keluar tak jauh pergi Masjid Morib je, daripada situ mereka main petang-petang tu, pusing la Pantai Morib tu dulu saya mula pukul 6 bawa la diorang kata nak pergi beli aiskrim ke apa ambil lepastu mereka makan sampai waktu azan, saya kata dengar tak apa tu? Diorang tahu azan, time tu mereka tak Islam lagi. Tahu azan, kalau tahu azan bermaknanya apa? Masa tu kita buat proses belajar,</p>

		<p>jadinya mereka dengar azan tu apa, apa kalimah itu, sebab apa azan ni. Kalau azan tu kena buat apa? Dari situ mula proses belajar. Tengok tak apa yang orang azan buat? Kita pun bawa mereka pergi masjid, tengok dulu, kita tak nak diorang buat apa lagi, tengok dulu. Lepastu, budak, apa yang mereka nampak mereka akan tanya.</p> <p>Budak sekolah rendah. mereka akan nampak sebabnya dekat masjid mereka akan nampaklah ada orang basuh muka, mereka akan tanya ustaz kenapa dia basuh muka mereka tengok dulu, kenapa dia tu ada basuh kaki? Lepastu mereka akan tanya kenapa ada yang pakai kain pelikat? Benda soalan-soalan tu kita dah tahu dari awal tapi kita nak tahu apa diorang yang reaksi mereka kan. So dari situ kita tengok perlahan-lahan kita ajar mereka kan sebab apa mereka basuh muka, sebab muka tu kan salah satu tempat kita kena ambil wudhu, rukun wudhu. So daripada situ mereka akan belajar-belajar. Macam budak, mereka lebih kepada kumpulan, kalau dewasa lebih kepada individu kalau untuk cara berdakwah kepada diorang lah kan. Sebab budak-budak ni dia berkawan-kawan mereka tu kalau kita dapat tangkap sorang, In Syaa Allah yang lain tu selesai lah.</p> <p>Jadinya budak empat orang tu setakat ni seorang masuk Islam, yang saya cakap mak ayah dia tak marah tu. Daripada empat orang tu, Alhamdulillah setakat ni seorang baru. Alhamdulillah tak dapat semua dapat satu je.</p> <p>Yang tiga orang tu duk main-main jugak diorang kata “Aku dah Islam lah, aku dah Islam lah.” Lepastu kita tanyalah apa bukti kau dah Islam? aku datang surau sembahyang dia kata. Betul lah tu kau cakap. Betullah tu kau dah Islam kau datang sembahyang, tapi jom kita syahadah, kata kat dia kan. Syahadah tu apa pulak? Dia nak lagi proses belajar lagi. Dia nak tahu syahadah tu apa pulak katanya.</p>
<p>Adakah peranan ketua seperti Tok Batin, ketua kampung, kan kampung tu berdekatan dengan orang Melayu kan, ni bukan JKK kan ustaz, ni MPKK sangat diperlukan ustaz</p>	<p>1 3</p>	<p>So kalau peranan orang penting ni ketua, tok batin sekalipun saya rasa memang paling penting. Paling penting sebab apa, sebab kita orang luar kita beranggapan apa-apa kita ada tempat rujukan kita ataupun kita nak maklumkan apa-apa sebab apa-apa program even dalam kampung memang saya akan, yang kali pertama saya buat saya akan bersemuka dengan tok batin sebab tok batin ketua kampung ni belum Islam lagi, ketiga-tiga, dalam Kuala Langat ni tak ada sorang lagi. Dulu ada satu dekat Bukit Serdang yang berhampiran bukit Changgang tapi dia dah meninggal dah, naik anak dia, anak dia belum Islam lagi. Semua tok batin tak terbuka lagi. Cuma tok batin Tongkah tu, tiga-tiga open cumanya sebab saya banyak berurusan dekat sini, Tongkah ni sebab yang ni ada surau apa kan jadi kita maklumkan apa-apa kita nak buat ziarah ke aktiviti semua pun. Ustaz on je lah, saya tiada masalah. Siap dia bagitahu, ustaz, ustaz nak berapa orang anak buah dari saya? Kita order makan ni 50 orang. Okay takpa nanti saya arahkan pengerusi saya bagitahu anak-anak buah kat kampung. Kira kita pertama sekali tu kita maklumkan pada dia yang dia bagi respon yang dia nak bekerjasama dengan anak-anak buah dia. Supporter nya kuat lah. Sebabnya</p>

<p>sendiri digunakan sebagai dakwah</p>	<p>masyarakat orang Asli ni kita sendiri pun, dia akan memang akan sami'na wa ato'na pada ketua dia. So nak pegang ketua dia senang.</p> <p>So macam mana saya nak buat program ni, dia bagi je lah?</p> <p>Kalau diikutkan dari segi Tongkah, suraunya tu sebab orang Asli dia tak ada geran tanah ke apa tak ada, so kita buat kita bincang dengan dia, tok kami nak buat surau ni tapi dari segi status tanah tak berapa clear, boleh tak kalau kita bincang tentang tanah ni, tok serahkan kepada kita, kita buat surau, dia kata itu yang saya nak tanya sepatutnya tu pada ustaz. Awal-awal ustaz nak bina ustaz kena confirmkan tanah tu clear. Kita dah risau dah kenapa dah dengan nada dia tinggi ni, dia orang besar sikit kan. Kenapa tok? Dia cakap kalau apa-apa nak buat ustaz kena bagi jelas dulu sebab saya tak nak lepas saya tak ada, anak cucu saya keturunan saya akan menafikan kewujudan surau ini. Dia kata sebabnya dia hidup dia cakap mulut boleh, saya bagi ustazlah ustaz nak buat surau buatlah. Tapi mungkin datang nanti anak cucu dia nanti dia kata tok saya tak bagi ni, so dia sendiri yang, ustaz sendiri sediakanlah satu surat ke apa kita sign sama-sama, ustaz, saya bag ikat ustaz, ustaz terima bagi pihak sekian-sekian, ustaz uruskanlah surau tu dengan sebaiknya.</p> <p>Alhamdulillah setakat ni tak ada isu, kita dari segi dokumentasi apa semua Alhamdulillah lengkap dah untuk surau tu.</p> <p>Sebenarnya Tg. Sepat ada surau dirobuhkan. (disebabkan?) tok batin nya lah, yang sana agak kuat sikit yang ni Tanjung Sepat. Tanjung Sepat, tok batin nya ni agak kuat sikit lah Kristian nya, so sebab pengerusi MPKK nya pun agak kuat jugak. Tu yang dia agak kontra sikit dengan Tongkah ni.</p> <p>So kalau ustaz nak masuk Tanjung Sepat macam mana? Nak mengajar ke apa ke nak sebarkan Islam macam mana?</p> <p>Tanjung Sepat ni kita buat kelas dia dekat balai raya, so kita yang pertama pun kita akan jumpa dia dulu. Jumpa dekat dia, kita akan terangkan kat dia apa yang kita nak buat apa semua-semua ni yelah kita tak tahu dalam hati dia, dia akan senyum. Semua akan senyum, haa tak apalah boleh tub oleh. Cumanya dari segi kerjasama tu Alhamdulillah setakat ni dia tiada masalah lah, suma ada jugak lah bibit-bibit tu dalam kita tengah buat program tiba orang dia datang kata ustaz nak datang bagi sumbangan bagi je lah, tapi jangan ajak anak buah saya masuk Islam. Kita kata tak apa tok kita tak buat apa-apa, kitorang bagi je, kita nak sembang-sembang, minum-minum. Setakat tu pun okay lah. Setakat ni orang kata, dulu agak keras sikit. Dulu agak keras, sekarang ni dia pun dah makin berumur ni dia slow sikit la.</p> <p>Bumbun tok batin dia macam Tongkah jugak dia tidak la keras sangat, contoh kita nak buat program minggu depan kita maklumkan, dia kata apa-apa ustaz maklumkan aje, tak peru jumpa. Dia sampai tahap dah selesai dengan kita, dia dah percaya dengan kita, kata apa-apa ustaz bagitahu je lah. Kalau saya tak balas tu, saya tak nak telefon tu, ustaz</p>
---	---

		<p>telefon atau mesej saya. Macam tok, saya nak buat program sekian sekian. Kalau dia kata dia tak balas tu, on je, jangan tunggu dia.</p> <p>Setakat ni UKM pun ada masuk, setakat ni UKM la banyak masuk Kuala Langat (sebab kita dah pecah-pecahkan kan) Kuala Langat ada NGO-NGO lain macam PERKIM ke apa Haluan apa semua diorang masuk, kita maklumkan kepada tok, kita bagitahulah yang NGO ni ada anjurakan, anjuran siapa-siapa semua, tak kisah, dia on je. Dan program kita buat pun, yang ziarah kecil-kecil ni biasa ni, dia tak datang. Kalau program besar yang melibatkan jabatan-jabatan JAKOA apa semua tu kalau kita, 10 kali kita jemput, 8 kali dia akan datang. 2 kali tu kalau dia keluar je. Memang dia akan datang.</p>
Soalan yang kedua pulak, tentang halangan dan cabaran so adakah wujudnya halangan dan cabaran ketika ustaz nak menjalankan dakwah bil-hal ni?	1 4	<p>Cabaran tu pasti ada dari segi tu, macam saya cakap tadi, macam Kristian punya pergerakan mereka, macam mana kita nak buat surau mereka halang, macam mana kita nak buat program ziarah, mereka sendiri cakap nak bagi barang bagi je barang, tak payah nak ajak-ajak masuk Islam. Dah kalau kita ikutkan waktu tu, rasa nak marah. Cumanya dari segi perbuatan lah dia pergi balik. Mungkin saja nak tuji ustaz tapi ustaz nak marah-marah dah kenapa, dari segi perbuatan tu dah lah ikat situ. Sebabnya tu pentingnya bergerak secara berkumpulan, kalau agak-agak kita nak tergelincir tu kita ada kawan-kawan. Kawan-kawan tu yang akan cakap kau relaks je, kau tengok macam mana dia nak bagi. Dari segi perbuatan, itulah cabarannya yang kita hadapi, kalau kita buat apa kelas ke, pastinya kita, yelah macam saya datang dari Putrajaya nak kerja, lepastu ulang-alik, kita datang pulak taka da orang, cabaran tu kita terpaksa hadapilah kalau ap ani pun, lagi-lagi berdakwah. Kita pergi, ada budak tiga empat orang, kita buatlah iqra tapi kita buat ringan-ringan lah jadinya dari segi cabaran yang besar tu, setakat ni tak ada lagi lah. Cuma yang kecil-kecil tu, biasalah, kita berhadapan dengan Kristian dan begitulah.</p>
Kalau melalui tulisan pula?	1 5	<p>Melalui tulisan tak ada dia sama je tu.</p>
Okay kalau melalui percakapan pula?	1 6	<p>Kalau dari segi percakapan tu, tu yang awal tadi tu saya kata, dia belajar ABC, dia baca CBA. So dari segi percakapan ni, apa-apa pun kalau kita berurusan, saya berurusan dengan diorang pun percakapan tu kita dah terang, kita akan tanya dia balik, kau faham tak apa aku cakap? Kalau macam dia faham, apa yang kau faham? Kita minta dia ulang balik, okay kalau macam ni macam ni, betullah, barulah kita rasa benda tu tercapai. Kalau tak kita cakap ambil wudhu ada berapa rukun wudhu, takut dia sampaikan kat kawan dia benda lain pulak. Sebab tu kadang, contoh harini kita buat kelas, hari ni kita cerita pasal rukun solat, esok kita akan buat tentang iqamat. Okay sebelum kita nak masuk hari kedua tu, kita tanya pasal iqamat, kita akan ulang kaji yang pertama tu balik, supayanya kalau ada yang ada apa-apa masalah kekeliruan kita akan perbetulkanlah. Sebabnya pernah dulu kita buat, kita seronok, kita cakap-cakap, dia faham lain, waktu tu hujung tu diorang akan ada ujian, ujian daripada pihak lembaga zakat, kita tengok kenapa macam, kenapa salah kan, mungkin dia faham lain, lepas itu kita tanya-tanya, saya tahu</p>

		<p>daripada kawan saya lah ustaz, kawan saya cakap macam ni. Alamak kawan dia ni, tu yang apa-apa sebelum kita masuk topik baru tu kita akan ulangkaji. Sebelum masuk kita akan ulangkaji dulu, so dari situ saya rasa macam apa yang diorang tak faham ataupun diorang tak jelas di situlah kita clearkan.</p> <p>Saya menggunakan modul buku MAIS tu, so yang feqah tauhid tu yang tahap 1, tahap 2 tu. Sebabnya kalau diikutkan saya ni bukan yang dilantik zakat, cumanya dari skop kerja tu memang perlu mengajar mereka sekurangnya dua minggu sekali, so saya ambil modul tu sebabnya kalau saya nak mula yang baru agak susah jugak sebab saya pun nak kena buat modul lain, mereka pun pening kena belajar banyak kan. Saya ambil buku tu, saya ambil yang ringan-ringan, sebabnya ustaz yang ditugaskan tu akan ajar mereka, so kalau ni saya akan ulangkaji balik. So maksudnya kalau ustaz tu datang dia dah clear dah benda tu tak berapa nak susahlah nak fahamnya. Contoh dari segi tahiyat, bacaan dalam solat ke apa, kita bagi duk ulang-ulang benda tu je bagi benda tu melekat, walaupun tak melekat.</p>
<p>Soalan kelima ni mungkin ada banyak kot, sebab ni kampung ustaz dekat dengan kampung melayu so ada tak persepsi negatif yang ditunjukkan oleh orang Melayu?</p>	<p>1 7</p>	<p>Okay persepsi eh, yang pertamanya yelah persepsi orang Melayu ni bila dia tengok orang Asli ni yang biasalah pengotor, pemalas, pastu mereka ni tak reti nak urus diri sebabnya adanya dalam kalangan diorang ni yang mabuk kan yang kadang ada sebabnya orang Asli ni yang belum Islam tu yang bertukar-tukar pasangan, masih ada yang bertukar-tukar pasangan lepastu mabuk lepastu kalau ikutkan kahwin, kau suka aku, aku suka kau, okay kita kahwin, benda tu dia declare sebagai kahwin lah, jadinya diorang boleh bertukar-tukar, ni yang aku tak suka kat kaulah, aku nak suka kat orang lain pulak, benda tu ada. So benda-benda ni yang persepsi negatif yang sampai kat orang Melayu, macam contoh dari segi pengotor apa semua, persepsi tu memang bermain dalam fikiran lah.</p> <p>Antara persepsi salah satunya mabuk sebabnya kalau ikutkan jalan daripada Morib tu, jalan tu memang straight kan so memang akan lalu perkampungan Orang Asli tu, mereka pernah cakap kat saya, mereka kata, okay ustaz maksudnya saya ni, Orang Asli ni masuk Islam macam orang lain masuk Islam tu tak ada beza lah ye? Saya cakap kenapa tu bang? Dia kata saya tengok malam-malam pun mabuk jugak, macam saya lah sebelum Islam. Aku nak jawab apa ni? Dia kata dia tengok hari-hari berita kan, hari-hari dia tengok berita pasal ni kan, haritu pasal dia kata yang mabuk, yang kedua ni dia kata pasal penceraian, dia kata dia nampak bapa bunuh mak pasal penceraian kan. Itulah persepsi-persepsi yang macam mana aku nak jawab ni.</p> <p>Itu yang ketiganya, pasal surau. Surau ni banyak sebenarnya, persepsi la kan yang dia kata sebelum-sebelum ni, lantikan AJK surau tu ialah Orang Melayu dari segi pengerusinya pemeriksa bendahari tu semua Orang Melayu pastu boleh katakan lah pengakuan yang jujur yang sebenarnya surau tu tak hidup la sebenarnya. Surau yang baru bina tu, untuk Orang Asli tu, orang Melayu yang jawatankuasa pun terlibat sebabkan kampung sebelah-sebelah tu, kira satu kariah la, so boleh</p>

			<p>tengok kat situ, makin lama, makin kurang orang datang kan. Daripada situ timbullah satu persepsi agak negatif jugak lah kan yang diorang kata, ustaz orang Melayu kan. Ha ye saya Orang Melayu, Orang Melayu memang susah ke nak datang surau? Sudahhh, kali pertama bolehlah aku tipu mungkin dia sibuk kerja dah kalau seminggu tak datang dah aku nak tipu apa lagi? Lama-lama pun kita cerita betullah, kita cerita takpe bang diorang sibuk ke, diorang tak sibuk ke, abang tolong saya, abang tolong kekalkan abang datang ke surau ni sebabnya ada sorang yang dekat surau tu setakat ni dia boleh jadi imam, dia boleh azan, yang saya kata lima waktu tu Alhamdulillah kecuali zohor dengan asar dia tak dapat sebab dia turun ke laut so ada budak-budak tu ada tetap azan jugak lah. Persepsi tu paling aku payah nak jawab mabuk, cerai dengan payah datang surau.</p>
Ada tak yang Orang Melayu ambil kesempatan kat Orang Asli ke?	1 8	48.15	<p>Ambil kesempatan setakat ni tak ada lagi la. Beli ikan ke, sebab mereka ni nelayan, cina datang ke melayu datang ke diorang terpaksa jual dengan harga yang mereka mintaklah, diorang tak boleh nak demand kalau tak ikan tak habis, so mereka kata macam tak ada pilihan mereka terpaksa jual jugak. Lepastu tiba datanglah soalan ustaz, boleh ke ustaz, kita tak setuju dengan harga yang kita jual ni, contohnya dia kata sekilo ikan tu dia nak tolak rm5, tapi tauke tu minta rm3 je. Dia tanya lak kita, dah aku nak kena buka kitab balik. Lepastu katalah kalau memang abang dah setuju, abang kata boleh, boleh perkataan tu memang bermakna setuju, kalau abang kata macam tu maskdunya jual beli tu jalan lah, melainkan abang kata, saya nak jugak macam ni kalau tauke tak nak bagi rm5 tak nak. Dia bawa lari ikan tu, yang dia tak setuju yang rm5, kalau macam tu tak boleh lah. Kalau abang setuju bolehlah, okaylah, bunyi macam tak, tapia bang bagi jugak, kiranya jadi juga tu.</p> <p>Sini taka da sini nelayan je, sini ikan banyak. Setakat ini tiga tu je lah yang saya nampak, yang hari-hari nak berhadapan tu, dia nak tanya tu, ibarat kita masuk kampung tu, ibarat kita serah diri apa-apa soalan yang aku nak kena jawab, redha jelah. Yang mana kitab oleh jawab, kita jawab yang mana kita main hukum ke, minta maaf bang saya balik nak kena tanya dulu lah orang lain. Kalau bab-bab ni saya tak berani lagi, kalau pakai logik akal saya boleh lagi.</p>
apakah halangan orang Asli sukar nak memeluk agama Islam?	1 9		<p>Halangan yang pertamanya keluarga dia, ataupun nenek moyang diorang sendiri. Macam mereka sebenarnya mereka ini dah terbuka mereka dah tahu apa Islam sebabnya surau akan azan tiap-tiap waktu pastu mereka dah berkawan dengan orang Melayu macam Tanjung Sepat tu, Bumbun tu pun walaupun diorang ke dalam sikit tapi dalam tu ada masjid memang ada aktiviti yang tetamu akan datang lepastu diorang sentiasa terdedah diorang akan tahu apa itu Islam, jabatan agama ni dia tahu apa fungsi, sedangkan dia dah tahu apa semua itu kan tapi kadang kita tanya nak ke masuk Islam?</p> <p>Perkataan pertamanya dia kata nak, tapi ustaz mak ayah saya tak bagi, nenek moyang saya tak bagi apa pulak kalau orang kata, dia yang itu hari kita tanya yang baru-baru ni, akak nak ke masuk Islam? Akak memang nak sangat, dia siap nangis-nangis lagi akak nak sangat masuk Islam tapi suami akak tak bagi. Saya cakap tak apa lah kak benda ni kita</p>

		<p>tak boleh paksa, akak bincang elok-elok macam mana kan sebabnya akak jangan cakap yang kami datang tiap-tiap bulan ni nak paksa akak masuk Islam, tak kak. Bukan itu matlamat kita kak, bukan. Kalau akak nak masuk Islam, akak fikir masak-masak, akak datang pejabat agama, kita selesaikan elok-elok. Kalau yang suami tu, kalau salah sorang tu kita cerita lah kan, kalau salah sorang tak masuk Islam kena bubarkan perkahwinan. Kalau akak dengan mak ayah, mak ayah akak yang tak bagi, kita bagitahu risiko siap-siap. Ada yang sebelum ni datang kena buang keluarga memang mak ayah nya tak nak ambil tahu apa semua tapi akak kena tetap buat baik dengan mak ayah. Sebab mak dengan anak tak akan putus, suami still boleh putus lagi, mak anak tak boleh putus. Akak fikir betul-betul, kalau nak akak buat baik dengan mak ayah, bagitahu akak tunjukkan yang kita cakap dengan dia akak tunjukkan benda-benda baik dengan mak ayah ni. Bukan Islam tu, Islam ni. Lepastu, diorang kata okay. Cumanya halangan tu keluarga lah.</p> <p>kalau pergi rumah mereka ke makan hidangan diorang mereka itu akan beri hidangan laut, sebab itu je banyak yang diorang dapat. Tak ada la mereka hidangkan makanan hutan ke apa kan</p>
<p>Okay soalan yang ketujuh ni pulak so ustaz banyak ceita ni, so ustaz boleh cerita lagi dalam. Adakah wujud agama lain seperti Gerakan Kristian sehingga menyukarkan ustaz menyebarkan Islam dalam kampung ni?</p>	<p>20</p>	<p>So macam cakap tadi Gerakan Kristian tu memang ada. Sampai sebelum ni pun memang ada satu rumah tu yang memang dia ada letak tanda salib siap. Memang ada rumah tu dan kita pun tanya kita bincang elok-elok. Saya jumpa sendiri dengan wakil Kristian tu sebab kebetulan dia tengah pusing-pusing kampung. Dia tanya sayalah, diorang pun kenal, diorang pun tunjuk benda baik dengan kita sebenarnya. Diorang tanya daripada mana diorang tahu kita ni ustaz ni apa semua kan. Siap ajak kita minum, kita pun layan. Kita pun minumlah dengan diorang, minum kat kedai dengan diorang lepastu saya tanya dia buat apa masuk kampung semua ni kan. Dia kata kita nak bagi pamflet sebarakan apa semua ni kan. Tanya dia ada dapat kebenaran ke? Dia pun diam. Memang benda tu pun tak dapat kebenaran pun sebenarnya kita pun tahu dah. Lepastu yang pasal surau tu apa sekali tu pun memang kalau diikuti kita memang ada kebenaran, dari segi dokumentasi pun kita lengkap so diorang nak halang tu cubaan-cubaan tu ada cumanya kita dari pihak kita, kita tulis. Maksudnya kita ada stand, maksudnya diorang nak buat macam mana pun kita ada stand. So dari segi Gerakan Kristian tu saya rasa mengikut ketiga-tiga kampung bawah jagaan saya ni adalah masih terkawal lah. Mungkin ada tapi orang kata mungkin senyap-senyap lah. Kalau senyap-senyap tu orang luar ke orang kampung ni? Orang luar dia datang dia buat program yang soal bawa program tu kita tak ada masalah, kita ada halangan cuma kalau dia edarkan flyers ke kalau diorang buat program dia selitkan semua benda-benda tu, itu yang kita tak berapa nak seronok la dengan benda tu. Kalau terjadi benda macam tu? Kalau jadi macam tu, pihak JAKIM memang ada bagitahu, kitab oleh buat laporan sebenarnya. Buat laporan dengan MKN jadinya sebabnya ada gerakanlah dalam kampung yang menyatakan sekian-sekian. jadinya kalau boleh kita kata dengan diorang tu kita bincang elok-elok. So kita kata you ada kebenaran kalau nak masuk, kalau you taka da kebenaran just nak bagi barang-barang hadiah tu taka da masalah lah</p>

		<p>cumanya kalau naksebar kan you punya agama, you tahukan Malaysia agama rasmi dia apa? Tanya dia, dia pun paham juga benda tu, dia tahu benda tu. So dah jelas semua benda tu, diorang pun baliklah. Lepastu tak masuk dah. Kita pun pergi berlembut tanya slow-slow, kalau diorang main berkeras pun kita berkeras jugaklah kan. Itu jelah, setakat ni Gerakan Kristian tu masih terkawal lah.</p> <p>Kat sana kalau kampung ketiga-tiga setakat ni NGO macam mana pulak?</p> <p>NGO setakat ni agak aktif jugaklah sebabnya sebenarnya lepas PKP ni cumanya kita terhad, macam kalau diorang nak bagi sumbangan sekalipun, saya kata saya minta hantar 5-6 orang je untuk satu NGO. Sebabnya kalau program macam kita buat satu hari bersama masyarakat orang Asli ke apa tu sebabnya kita buatnya di surau, kalau di Tongkah kita buat di surau. Sebab syrau kita terikat dengan SOP JAIS sendiri jadi budak tak boleh datang sebab saya kata nak buat boleh cumanya budak tak boleh datang dengan SOP semua tu kan, so diorang kata kita buat ziarah la ustaz banyak pulak kita nak kena bincang benda tu. sebabnya kalau budak taka da, saya kata kalau budak tak ada hampir separuh program tak ada sebab budak yang meriahkannya, budak taka da, tak boleh lah. Sekarang ni NGO yang masuk biasanya daripada pihak UKM sendiri, budak-budak student yang keduanya HALUAN, satu lagi apa ye PERKIM pun ada. PERKIM antara NGO yang aktif, korban nya pun dia masuk. Satu lagi saya tak ingat dari Sijangkang, saya tak ingat nama dia. Dekat situ pihak masjid ambil peranan.</p> <p>Rasanya ada jugak senior-senior USIM masuk Bumbun haritu dia ada ajar mengaji 'Inspire Heart' ke?</p> <p>Ada tapi saya tak ingat. Masuk Bumbun pun ada. Tanjung Sepat tu ramai jugak masuk tapi tu NGO yang selalu kerap masuklah, PERKIM, HALUAN yang daripada UKM itu yang masuklah.</p> <p>Yang Gerakan-gerakan Islam selain NGO ada tak? Tabligh ke?</p> <p>Tabligh tu ada tapi dari masjid lah, daripada Masjid Morib, kadang diorang call ke apa ke kan, saya kata tak ada masalah pergi jelah.</p> <p>Penerimaan diorang pulak macam mana, Orang Asli?</p> <p>Penerimaan diorang itu yang agak sikit, dari segi perwatakan tu sebabnya Orang Asli ni akan dia tengok, ni ada apa pulak kan, pakai jubah apa semua ni kan.</p> <p>Sebabnya saya dah interview dalam 5-6 orang ni kan, semua cakap pasal tabligh jugak ni.</p> <p>Cumanya dari segi awal-awal dulu diorang takut dan malu pun ada jugak sebenarnya lepastu saya pergi, sebelum diorang nak masuk tu contoh cakap ustaz kami nak duduk kat surau tiga hari, contoh diorang cakap nak masuk hari apa keluar hari apa kan. So nanti saya bagitahu orang kampung dulu, saya kata, akan ada orang datang bagi salam ke apa semua ni nanti, cakaplah, sembang lah masing-masing diorang ni bukan orang lain daripada masjid Cuma diorang ni agak, cakap ni lah, diorang pakai macam ni, macam ni tapi cakap dia dengan aku sama je cakap. Abang dengan dia pun sama je tak ada masalah. Abang nak sembang, sembanglah tak ada masalah, diorang tak ada buat apa pun, kalau kita dah bagi tu diorang agak, dah kurang lah sikit diorang punya persepsi tu. Sebabnya yelah, kita tak kenal orang tu, kita rasa macam, awla-awal</p>
--	--	---

			<p>saya masuk sampai ada yang lari balik rumah apa semua tu kan, sebab diorang tak kenal sebab kita asas dakwah kenal tu tak ada lagi. Awal kita dah kenal, kita pegang dia, orang lain nak masuk, orang lain berdiri dengan kita, kita bagitahu yang dia ni boleh, so diorang atas dasar kepercayaan pulak la.</p> <p>Ke ada yang orang baru masuk, ada yang taku-takut ke?</p> <p>Tak ada semua okay dah.</p>
apakah bahasa yang digunakan untuk menyampaikan dakwah?	2 1		<p>Setakat ni bahasa tu Bahasa Melayu kita lah, tak ada masalah Bahasa Melayu sebabnya kita tu nak belajar tu nak jugak tapi belum lagi menguasai lagi. Sebabnya diorang boleh faham Bahasa Melayu melainkan diorang tak faham Bahasa Melayu tu, lain lah pulak yang jadinya sebab diorang boleh faham Bahasa Melayu.</p> <p>Tapi kalau Mahmeri punya bahasa dengan Bahasa Melayu ada banyak beza?</p> <p>Banyak beza.</p> <p>Bila diorang cakap ngan ustaz macam mana?</p> <p>Aku cakap, kita sembang dua okay, cakap Bahasa Melayu kan japgi dengan kawan-kawan diorang bahasa lain. Japgi aku tanya kau sembang apa, tak ada ustaz, tak ada kutuk ustaz.</p>
Bahasa badan atau ekspresi muka adakah cara berkesan untuk menjadikan komunikasi tu lebih berkesan? Kalau marah buat muka marah betul.	2 2		<p>Kalau macam tu, ekspresi muka tu sebenarnya membantu jugaklah dari segi komunikasi tu sendiri dari segi dalam kelas sebenarnya makanannya tu, maknanya kalau kita nak cakap tu tentang solat kalau tinggal solat tu benda haram memang nada kita tu, muka kita tu kita buat tegas, kalau kita solat ni haram tau kalau tinggal, so diorang pun anggap benda tu tak berapa serius. Kita cakap bendani tak boleh buat, bendani kena buat, kita dengan ekspresi muka dengan nada kita punya lentuk badan tu kan, kita cakap benda ni tak boleh, tak boleh, yang mana boleh, kitab oleh. So benda tu, diorang akan ingat sebenarnya sebab macam ada pernah sekali tu dia kata, ustaz, saya sebenarnya, sebenarnya tu dia ulang banyak kali sebenarnya. Sebenarnya apa sebenarnya. Sebenarnya saya tak solat semalam. Kalau jadi macam tu, pergi qadha balik solat. Maksudnya kita cakap dalam kelas yang tinggal solat itu dosa tapi dia nak cakap dengan kita dia nak mengaku jugak tapi dalam keadaan dia takut. Maksudnya dia tahu perbuatan itu salah, dan dia nak mengaku dengan kita dan kita jawab dia kena qadha balik la solatnya. Sebab dia kata ustaz pernah cakap ustaz kata kalau tinggal sembahyang ni nak kena ganti. Benda tu betullah aku cakap so dia kata sebenarnya tu, kita tanya balik sebenarnya apa. Tapi risiko jugak kita cakap dengan orang Asli ni sebab ada potensi dia nak lari dari agama, yang keduanya selalunya dia akan lari terus, itu dua. Sebenarnya kita kena tengok orang jugak tu (sebab diorang ni mudah terasa.) Touching lebih sikit. (cakap sikit je terus tak jumpa dah) haa, betullah tu.</p>
Perluakah mengkaji latar belakang	2 3	1.01.4 2	<p>Memang kena study dulu lah macam sebelum saya nak masuk ni, sebelum posting kat sini tu dapat pulak tahu Kuala Langat, saya tak tahu lagi kampung mana. Dapat tu aku search, dapat apa kampung dia bagi senarai yang keluar kat internet, apa dia punya bahasa, apa keturunan</p>

cara hidup kaum orang Asli?		<p>dia, apa aktiviti utama so study daripada situ sikit, datang sini kawan-kawan pulak support. Saya anggap benda ni penting lah, kalau kalau aku tak tahu basic pun aku tak ada, dengan aku aku pun kena kena hanyut lagi. So benda tu wajib lah sebelum nak pergi lagi jauh yang benda basic benda background tu.</p> <p>Dari sudut pantang larang pulak macam kampung pantang larang lain-lain?</p> <p>Pantang larang dia ni jangan kahwin dengan Orang Melayu, maksudnya Orang Asli tak boleh kahwin dengan Orang Melayu, ada setengah tu adat dia kuat, Orang Asli kalau kahwin dengan Orang Melayu dia kena denda. Dia ada majlis adat dia tu apa nama dia, macam kalau kita ini mahkamah lah. Macam mereka ini mereka tak panggil mahkamah diorang panggil lembaga adat. Lembaga adat dia akan bincang apa hukuman yang setimpal, antara yang kuat itulah kalau nak kahwin dengan Orang Melayu kena denda. So dia adalah bayaran-bayaran dia, barang-barang dia kena dermakan, itu lah dia punya adat-adat tu.</p>
Ada tak pantang larang lain, yang ni kena tahu ni?	2 4	<p>Pantang larang tak banyak sangat kampung ni sebab sebelah dengan kampung Melayu, dia lebih terbuka lah. (tapi yang adat kahwin dengan Orang Melayu tu masih dipegang lagi) ya masih di pegang lagi. (kena bayar juga) ya kena bayar jugak. (tapi tak banyak lah) tak banyak, itu atas keluarga diorang bincang siap-siap. Macam dulu asalnya diorang tak bagi, Melayu dengan Orang Asli tak boleh, kalau nak jugak kena denda. Tapi makin lama makin ramai pulak orang kahwin dengan Orang Asli ni benda tu makin lama makin longgar lah. Ada pernah atas persetujuan family Melayu dengan Orang Asli bincang kedua-dua belah pihak, tak ada apa lah. Lepastu diorang pun bincang dengan batin apa semua kan, tok batin okaylah. So sebenarnya benda tu makin lama makin kurang dah la tapi ada ikut setengah tempat keras, keras lagi. Macam di kampung tu, sebab tu lembaga adat kampung tu kan, kampung tu kuat, kuatlah. Macam ketiga-tiga kampung ni semua ada lagi, Cuma kuat tak kuat je. Dia punya pantang larang dia tu lah.</p> <p>Orang Negeri Sembilan, kalau orang bersalin jangan pijak tanah, time tu saya buat time degree lah jangan pijak tanah, sekarang tak tahu lah Orang Asli lepas bersalin naik motor dah.</p>
Apakah bentuk persiapan ustaz sendiri ketika nak berdakwah kepada Orang Asli?	2 5	<p>Okay persiapan tu yang pertama tu ilmu. Ilmu kita sebabnya macam saya cakap tadi kita nak masuk tu ibarat kita serah diri sebabnya banyak persoalan yang kadang, kalau kita buat mengajar di Kampung Melayu surau, kadang kita boleh predict apa soalan tu, contoh apa hukum orang tinggal puasa ni. Itu soalan direct. Macam diorang ni diorang macam dia kaitkan dengan kehidupan dia, atau persepsi kaum dia ataupun orang Melayu. Macam kita tengok budak tadi ini, kenapa dia basuh muka ustaz? Kalau kita direct soalan tu, rukun wudhu ada berapa sebab salah satunya tu basuh muka tu, lepastu diorang akan tanya apa fungsi basuh muka tu, kenapa perlu basuh muka tu, kenapa pakai kain pelikat. Benda-benda tu kau kena twist, padahal soalan tu biasa. Kenapa pakai kain pelikat ustaz? Aku nak jawab apa. Haha.</p>

		<p>Yang pertama dari segi ilmu tu lah. Ilmu yang kita kena study latar belakang dia dulu lah, dan yang ketiga persiapan bagi saya, kena tackle orang-orang penting, dari segi tok batin, pengerusi ataupun dalam masyarakat tu yang mana kitab oleh harap. Maksudnya ada kelebihan macam Tongkah tu tadi dia boleh azan, dia boleh jadi imamkan, kita pegang benda tu, kita pegang dia, kita bagi ilmu kita asah dia, kita bagi training kat dia dalam surau tu kan, kita cakap abang tak ada orang pun, kita dua je, abang jadi imam. Abang tak payah takut, kalau salah saya je ada, taka da orang lain. Lepastu kita bagi tu, lama-lama dia jadi berani, ada tu kadang setakat ni yang baru ni sebelum PKP tu, Alhamdulillah dia dah berani bawa Yaasin dah, walaupun tak ramai orang dalam sepuluh orang anak-anak dia. Dia kata dia dah berani bawa Yaasin dia cakap okaylah. Awal-awal dulu, sembahyang pun tak nak pakai mic, dia kata takut. Saya cakap tak apa bang, abang kita pasang sound yang dalam je, dan paling slow. Makin lama, dia makin berani. Bacaan dia okaylah sebab ada kursus-kursus tu kita hantar dia, sebab kita nampak dia punya kelebihan dia tu. so kita hantar-hantar. (so guru ngaji pun okaylah) gagap-gagap sikit tu biasa lah.</p>
<p>Kalau yang ni orang Islam, yang bukan Islam tu macam mana pulak ustaz? Macam mana bila nak berdakwah kat orang bukan Islam pulak?</p>	<p>2 6</p>	<p>Kalau bukan Islam ni yang pertama tu lah, apa-apa pun tahan maki dulu. Persiapan tu dari segi mental, sebabnya diorang ni pun, yelah orang kata musuh dalam selimut jugaklah diam-diam depan-depan boleh senyum tapi belakang kita macam-macam cubaannya tu bukan runtuhkanlah, sebab suraunya da runtuh pun sebenarnya jadi, sebelum saya masuk lagi dah lama dah. Dah runtuh lama dah lepastu yang macam surau Tongkah pun kita nak bina baru pun ada jugak cubaan-cubaan nak halang tu kan. Lepastu dari segi berdakwah lain tu, maki tu biasa. Pejabat agama bawa beras, bawa beras, bawa beras, macam member bawa peti ais, memang kita sendiri tu pun rasa tercabar. Diorang siap datang bawa lori. Diorang bawa lori kecil tu, dalam tu dia sumbat 5 peti ais, so mana-mana rumah yang nak peti ais, so diorang bagi. Kita bawa beras. (dah duduk 2 tahun pun beras lagi) aku rasa dah 3,4 tahun aku kerja ni beras je. (say masuk rumah pun beras jugak sebenarnya) tula bila saya fikir-fikir balik, takpe lah sebab kemampuan kita setakat tu je. Kita nak ikut orang kita tak mampu, Cuma apa yang kelebihan kita ada kita buat. Kau boleh buat beras kau buat, kau bagitahu apa makna beras tu, kalau kita ada kewangan lebih sikit kita akan buat benda lain. Cuma setiap kali kita nak masuk barang elektrik, mesin basuh, peti ais, memang tak mampu la. Sebab kita pun terikat dengan bajet. (kita nak keluar bajet sendiri pun tak ada)</p>
<p>apakah strategi komunikasi yang ustaz gunakan?</p>	<p>2 7</p>	<p>Strategi tu yang pertama dulu sebelum ni, kita maklum, kita bagitahu-bagitahu macam mana tu so dalam agak panjang jugak, sebab saya dalam tempoh 6 bulan saya kerja, saya bagitahu je, kita akan baca macam kelas tu kita buka buku kita akan baca jelah, rukun wudhu ada berapa, tahiyat bacaan dia macam mana, saya akan baca Bahasa Melayu dulu lepastu dah masuk bulan 7,8 tu kita nak tengok respon kelas macam mana kita akan tanya, faham tak? Contoh kita akan sebut nama contoh syahirah, syahirah faham? Fatimah faham? Kita akan mula begitu, lepastu yang ketiga kita akan minta diorang ajar kita apa yang diorang faham. So dari segi itu, komunikasi tu setakat ni agak berjaya jugaklah.</p>

			(mula one-way, yang ni two-way) lepastu kita kan cakap sorang macam orang gila, lepastu kita akan cuba tarik-tarik diorang tanya diorang faham tak, last sekali kita berkomunikasi
adakah menjadi keperluan, pendakwah atau ustaz sendiri untuk belajar tentang bahasa Orang Asli?	2 8		<p>Perlu, keperluan tu ada sebabnya yelah macam mana nak cakap bahasa mudahnya kalau dia maki tu kita tahulah apa yang dia maki kita tu. jap aku nak hurai macam mana (ke kalau macam ustaz ni kata kalau majlis-majlis kau kena guna bahasa orang Asli) ya, sebabnya pernah kita buat, saya pernah ada sorang, Ustaz Rosli dia boleh sikit dalam bahasa Mahori ni, dia majlis tu, majlis tu dia buat bahasa diorang benda tu akan jadi meriah. So tiba-tiba tepuk tangan, aku cakap apa pun aku tak faham. Doa tepuk tangan, aihh macam menarik pulak aku rasa. Terdetik sekarang rasa aku kena study ni bahasa diorang terutamanya kena maki, tak ada lah aku rasa bodoh sangat. Maksudnya mereka ada rasa benda tu dihargai sebab benda tu kita orang luar, kita Orang Melayu kita boleh dapat apa diorang punya bahasa benda tu satu kejayaan, diorang hargai kita. Terdetik jugak sebabnya kalau kita nak berdakwah dengan bahasa kita, itu lama-lama kita syok sendiri walaupun diorang faham cumanya kalau kita dapat kuasai dia punya bahasa tu, satu kelebihan la bagi kita.</p> <p>Maksudnya kalau kita dapat bahasa mereka tu lagi cantik la sebenarnya kita boleh belajar lebih dalam lagi tu. cuba tu ada tapi saya seperti mereka jugaklah baca doa qunut harini esok lupa.</p> <p>(bagi ustaz Mahmeri tu susah ke, bagi proses belajar ni susah ke?) dia sebabnya saya ulang-alik saya tak masuk ke dalam, maksudnya macam seminggu tu 3,4 kali bukan sepenuhnya di dalam, kalau di dalam tu memang jumpa diorang, kita komunikasi dengan diorang, so saya rasa lebih mudah sebenarnya sebab ni pukul 5, pukul 6 balik lepastu kalau program sampai malam, balik, so kita punya komunikasi tu terhad dekat situ. Kita jumpa diorang pun cakap Bahasa Melayu kan so kalau proses tu duk kat dalam lebih mudah.</p> <p>Saya ni ketiga-tiga kampung ni Memeri, majoriti kat sini semua Mahmeri di Kuala Langat. kamu Memeri semuanya lain dari segi adat, bahasa semua lain, Memeri, Temuan ini saya jaga ketiga-tiga kampung ini Memeri dia lain. Dia yang asas tu ada cuma adat-adat dia tambahan-tambahan dia tu kampung ni lain adat kampung ni lain adat tapi dia sama satu pokok Memeri. Satu kepala tapi cabangnya ada banyak jugak tapi tak ketara lah, sikit-sikit. (kira cakap sama lagi lah) haah sama lagilah dia macam Lembaga Adat tadi tu dia ada kuat dengan tak kuat lagi. Macam lembaga adat kampung ni kalau kahwin ni kena denda, kalau kampung ni dia boleh tolak ansur lagi, dia main kat situ macam adat ni. Kalau bahasa pun lebih kurang tapi bahasa tu diorang guna sama bahasa lagi lah. Orang kata ikut pentadbiran dial ah.</p>
adakah pemakaian ustaz sendiri, akan	2 6		Mempengaruhi. Sebabnya kalau kita pakai pakaian sebabnya ada satu silibus yang saya bawa tu tentang etika pakaian dalam solat, lepstu dia akan tanya kita etika pakaian dalam solat tu, dalam buku tu dia pakai jubah, pakai serban, kopiah, wangi-wangian kan. Lepastu dia tanya kita ustaz yang orang tabligh, dia tak kata orang tabligh, yang orang-orang

<p>mempengar uhi cara ustaz berdakwah ?</p>		<p>datang rumah tu pakai jubah tu boleh lah ustaz, yelah yang orang tabligh tu kan. Benda tu boleh tak ada masalah lepas itu dia fikir-fikir balik, kalau aku berdakwah pakai baju macam tu, aku rasa diorang aka nada rasa jurang.so aku pergi dengan diorang macam dekat Tanjung Sepat tu, Tanjung Sepat tu tak ramai budak, ramai orang dewasa. Tongkah ramai budak sebab Tongkah depan tu kita buat gelanggang takraw, court serbagunalah takraw boleh diorang main lenjan sampai pecah court tu, so kita main situ kan so kita tunjuk kita tengok kadang kita pergi kerja pakai seluar panjang, so main dengan diorang kita pakai tiga suku. Lepastu diorang tanyalah kita ustaz tiga suku boleh ke? Kita tak perasan proses belajar kat situ. Kita cakap aurat daripada mana sampai mana? So dia kata sampai lutut, seluar ustaz bawah lutut ke tak? Sebenarnya seluar panjang cuma kita tarik sikit bagi nampak betis lah kan. Sajelah so nak bagi diorang berfikirkan macam tu kan so maksudnya pakaian tu diorang tahu beza untuk solat pakai jubah lepastu untuk main pakai pakaian ni untuk kita ni pakai pakaian ni. Saya kata boleh maksudnya pakai solat tu maksudnya kita nak kena ulang balik kita nak pakai solat tu bukan semestinya pakai jubah takut diorang faham semestinya pakai jubah. Sebabnya kita kata sebaik-baiknya pakai jubah kalau nak main sebaik-baiknya pakai pakaian sukan sebabnya diorang takut kalau nak sembahyang kena pakai jubah, kalau tak pakai jubah tak boleh sembahyang. Itu yang dari segi komunikasi tu risau sebenarnya. (risau jugak sebab kita dah cakap sebenarnya, takut salah) sebab tu kita kata yang dalam buku tu cakap untuk pakaian yang dah siap gambar kan waktu solat kena pakai jubah serban kopiah (dia ikut gambar pulak) so kita kena pusing macam-macam lah sikit kan sebab kita kata awal tu dia dah tengok kita proses belajar untuk dia tengok kita pakai pakaian solat macam mana, pakai pakaian sukan macam mana, so dia dah nampak dia dah tahu, lepastu kita kena ulang balik, panggil dia balik kita kena cakap, pakaian solat bukan semestinya pakai jubah tapi sebaik-baiknya pakai jubah kita cakap. So kita kena tarik balik ajar dia lagi. (tapi masih boleh menerima lagi) masih boleh menerima lagi. (ustaz kalau pakai, pakaian biasalah) saya pakai macam nilah. (ke kalau pernah ke ustaz berpakaian formal ke dalam kampung) ouhh tak ada, panas, haha. Pakai kemeja panas, sebab kita kalau kat kampung dia aktiviti sepenuhnya memang banyaknya pakai tshirt berkolar. Memang ceritanya saya bawah unit dakwah, so unit dakwah tu memang kita akan tetapkan tu kalau kita pergi ni kita akan pakai baju berkolar kalau kita nak buat gotong-royong sekurang-kurangnya dia nampak kita tu pakai, ouh pakaian ni sebenarnya diorang perhati apa kita buat sebenarnya mungkin kita bercakap dengan orang kita panggil hoi ke benda tu semua kita akan perhatikan lepastu kita cakap lah apa yang kita buat dia akan tengok dari segi perbuatan kita. Itulah kalau kita dengan kawan kita dah lain dah.</p>
<p>Okay ustaz soalan yang terakhir, adakah perlu membincangkan</p>	<p>2 7</p>	<p>Untuk permulaan tidak. Pendapat saya tidaklah sebabnya kita anggap orang tu hidup dia separuh hidup dia 50 tahun dah dengan agama lain lepastu ini untuk yang bukan beragama Islam lah yang belum Islam. so lepastu kita datang kita kata Islam ini, Islam ini. Memang betul Islam itu indah saya cakap benda ni 50 tahun dah dia pegang agama asal dulu cuma kita masuk kita cerita Islam begini-begini, saya rasa dia agak sukar nak menerima sebabnya benda tu dia dah pegang lama contohlah kita</p>

<p>tentang Islam secara mendalam kepada Orang Asli?</p>		<p>bercakap Bahasa Melayu ni kita dah fasih tiba orang datang cakap Bahasa Melayu tak boleh cakap macam tu, agak-agak pemikiran kita nak terima macam mana. Ambil masa kan, benda ni betul ke, benda ni macam mana. So sama juga macam diorang kalau yang belum Islam tu, diorang akan berfikir betul ke Islam sebab tu kalau setiap kali kita masuk, kalau kata ada yang nak masuk Islam, kita akan tanya betul-betul ada paksaan daripada mana-mana pihak tak? Sebab apa nak masuk Islam? kalau dia cakap sebab kahwin, kita akan hold dulu, bukan kita hold dulu kita tak boleh masuk terus, kita akan cakap betul-betul kalau niat sebab kita kena cakap kalau nak masuk Islam bukan nak kahwin je, kalau nak masuk, kena masuk sepenuhnya dan kalau masuk memang tak boleh keluar. Cakap dengan dia macam tu. (ada yang murtad?) cubaan ada cumanya kita dah bagitahu siap-siap lah kalau kita fight kat mahkamah ke dia ada boring sebab dia ad abaca aku janji apa semua tak akan keluar dari agama Islam, kalau dia mati sekalipun, pihak MAIS akan uruskan jenazah dia apa semua kan, so kita kena bagitahu semua sebelum kita sign boring, maksudnya kalau dia betul-betul kata dia memang tak ada paksaan, saya rela hati apa semua, kalau dia kata nak kahwin sekalipun kita hold dulu kita bagi dia briefing betul-betul agama Islam ni bukan asbab untuk kahwin sahaja. Kalau nak masuk Islam tu kena masuk sepenuhnya, kalau nak kahwin baru kau kahwin, jangan nak masuk Islam tu sebab nak kahwin je. (tapi kebanyakan masuk Islam sebab kahwin?) ya, itu tak boleh elak. (ramai ke disebabkan kahwin) kebanyakannya lah sebabnya kalau diikutkan yang saya buat ranking kalau saya kata yang nak masuk Islam ni pertamanya yang rela hati tu ada, yang keduanya sebab nak kahwin, yang ketiganya sebab nak bantuan. So itu kita terus teranglah. (Selangor bagi rumah kan) rumah bantuan Selangor mewah-mewah. (nak buat duit lagi) nak buat lagi, kalau bulanan tiga ratus, kalau yang majlis tuanku sultan bulan puasa lima ratus, bantuan sekolah lagi, bantuan beras barang-barang kering, memang mewahlah Selangor ni. (antara negeri-negeri ni ada antara negeri ni) Selangor paling tinggi, kalau kita tanya terus terang, apa-apa kalau masuk Islam sebab benda-benda lain ke? Dia cakap memang betul lah yang lain tu, bukan sebab awak susah tu yang awak nak masuk Islam, maksudnya kalau awak dah senang awak nak keluar?, kita akan main balik. Kalau awak dah kahwin awak akan keluar? Kita cakap kita main kat situ balikkah. (tiba-tiba kahwin, cerai keluar) kita kata dengan dia, kita tak nak macam tu sebab tu kata, kalau dah masuk memang tak boleh keluar, awak masuk rumah awak boleh keluar pintu ada pintu, awak nak masuk senang awak tutup pintu tu. Dia akan termenung dulu, okay ustaz, saya nak masuk. Betul masuk taka da paksaan? Baru boleh. Itu untuk orang yang bukan Islam lah, kalau orang Islam sekalipun sebabnya benda tu dia masih baru sebab haritu baru-baru ni masa bulan puasa baru ni dia ada nak masuk Islam, saya tanya dia betul tak nak masuk Islam semua ni, lepastu dia kata dia nak belajar kat sekolah, dia budak sekolah lagi, tingkatan dua, dia kata budak sekolah dia ada ajar di abaca Al-fatihah apa semua kan. So saya kata okay, bagus cumanya awak kena praktis lagi sola tapa semua tu, cumanya kita tak boleh nak masukkan dia dalam tu sebabnya dia akan terkejutlah sebabnya dekat sekolah pun sebabnya yang banyak bantu dia pun cikgu-cikgu sekolah dia, sebabnya</p>
---	--	---

			<p>dia pun ada silibus Pendidikan Islam, dia kalau ikutkan dia tak masuk Pendidikan Islam dia masuk Pendidikan Moral, so dia minta request dengan cikgu dia nak masuk Pendidikan Islam. So cikgu dia pun layan, dia seronok, dia pun masuk sebab kat sekolah pun kita tak boleh nak lebih kepada sekolah sebab takut sekolah dah pergi dulu, takpe so kita pergi dulu daripada sekolah, sebab silibus kita tebal, so kita tengok, kita tak akan tanya dia dulu, kat sekolah belajar apa, dia kata fatihah, solat, tak pe tu kita akan susun semua tu, contoh kalau dia belajar adab, so kita sama taraf dengan adab lah. Kita beradab dengan mak ayah, belajar apa semua tu, adab makan, tak akan sama semua tu, kita tak akan pergi dulu. Cuma melainkan dia kata kalau ni dia akan tanya tu persoalan tu kita akan tahu, so maksudnya dia nak lebih ke dalam atau tidak. Contohnya kalau dia kata dia tanya contohnya apa-apa pasal hukum, so kita dah tahu pasal hukum ni maksudnya dia dah jauh dah pergi ni. (power dah tu) hebat dah tu. (belah sana level Pendidikan tu macam mana pulak ustaz?) kalau di, kebanyakannya tu SPM lah. (ada yang masuk U?) ada yang masuk u, yang di Bumbun ada masuk U satu keluarga, memang anak-anak dia masuk UITM. Di Tongkah ada sorang. Yang paling tinggi Diploma. Di Tanjung Sepat tu ada yang Degree.</p>
--	--	--	--

INFORMANT 9

NO.	QUESTION	TIME (MIN)	ANSWER
1	Bismillahirrohmanirrohim, Assalamualaikum WBT, Bolehkah ustaz memperkenalkan diri, berasal dari mana dan sudah berapa lama berkhidmat sebagai penggerak masyarakat orang asli?	0:07	Nama saya Muhammad Riduan bin Mat Daud. Berasal dari Felda Mas 1, Tanah Merah, Kelantan. Telah berkhidmat selama 6 tahun sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli. Sebelum ini saya bertugas di Jabatan Agama Islam Kelantan dan dikenali sebagai MUALIM. Di sana saya berkhidmat selama 4 tahun setengah di Pedalaman Kampung Orang Asli di Gong Besar. Saya kemudiannya telah meletakkan jawatan dan masuk ke Penggerak Masyarakat Orang Asli dan ditugaskan di Selangor. Semasa di Kelantan, saya ditugaskan di Pos Balak selama 2 tahun setengah, Pos Tuwil hampir setahun dan Lodging di Pos Senderum. Paling mencabar adalah di Pos Balak, Pos Belatin di Kelantan. Elaun kesusahan boleh didapati di Kelantan oleh guru guru dan boleh setanding dengan Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung, hanya Kelantan dan Pahang atau Perak yang dapat elaun kesusahan bagi guru ini bagi kawasan pedalaman. Untuk masuk ke kawasan pedalaman di Kelantan ini, ambil masa selama 3 jam dengan kereta. Bermaksudnya jalan yang dilalui itu kering, semasa kemarau. Jika tidak akan ambil masa 5 hingga 6 jam dengan lalui 3 batang

			sungai, keadaan air serta jumpa binatang buas seperti gajah adalah perkara biasa.
2	Soalan kedua saya, Bolehkan ustaz kongsikan tentang kampung seliaan ustaz, berapa ramai yang islam dan berapa ramai yang bukan islam dan kepadatan penduduk berapa?	03:17	<p>Kampung seliaan orang asli di bawah jagaan saya ialah Kampung Kolam Air. Dan kampung jagaan ialah Kampung Bukit Tampoi dan Kampung Seberang Tasik. Kedua kampung ini adalah kampung berjiran.</p> <p>Di Kolam Air, penduduk yang islam seramai 119 orang. Yang bukan islam seramai 319 orang. Manakala Kampung Bukit Tampoi penduduk yang islam adalah seramai 62 orang dan 280 orang yang bukan islam. Kepadatan penduduk di Kampung Kolam Air adalah yang paling ramai. Di sana, tidak dipecahkan kepada dua kampung. Walaubagaimanapun, kampung disana tidaklah terlalu besar. Manakala, walaupun Kampung Bukit Tampoi dan Kampung Seberang Tasik adalah dua kampung, hanya ada satu tok batin sahaja.</p> <p>Latar belakang disini, kebanyakan penduduk masih tidak beragama. Mereka masih dengan agama asal mereka iaitu agama animisme. Dan mereka masih percaya kepada tiadanya Tuhan dan agama. Dalam masa yang sama, ada segelintir yang sudah memeluk islam dan ada yang sudah memasuki kedalam agama kristian. Majoriti penduduk di Bukit Tampoi hanyalah islam dan animisme sahaja. Bagi agama lain hanyalah satu hingga dua peratus sahaja. Mereka yang menganut agama kristian dan buddha terlalu sedikit. Untuk perbandingan di Bukit Tampoi dan Seberang Tasik adalah berlainan. Disini penduduk seramai 432 orang semua sekali di Bukit Tampoi dan penduduk Kolam Air 438 orang. Di Bukit Tampoi, tok batin masih tidak memeluk islam. Jadinya kita mahu tumpukan adalah sangat susah. Dan keduanya suasana disana yang mana penduduknya masih ramai yang tidak islam menyukarkan kerja dakwah kita. Kekangan kita adalah tiada surau dan suasananya yang berbeza. Penduduk disini adalah suku kaum temuan.</p>
3	Kita terus kepada soalan utama, soalan ni saya susun mengikut objektif pertama, kedua dan ketiga. Bagi objektif pertama, saya nak tanya ustaz, apakah pendekatan dakwah yang sesuai digunakan kepada orang asli?	08:19	<p>Pertama sekali, kalau boleh apabila kita masuk kita tidak terus katakan agama islam ini baik. Apabila kita masuk ini kita hanya bersembang dengan mereka dan berkenalan serta biarkan mereka mesra dengan kita. Kita hanya menziarahi mereka dan bersembang santai bersama. Biarkan mereka mengenali kita dan tahu tugas penggerak ini bagaimana. Tidak hanya bertujuan bagi mereka untuk kita ini sebarkan islam semata. Kita kenal rapat dengan mereka dan bermesra dahulu dan dalam masa yang sama kita kenalkan islam secara</p>

			<p>perlahan. Kita kenal mereka dengan menziarahi kampung sama ada yang islam atau yang bukan islam dan berikan bantuan atau dikenali seperti duit salaman. Dalam masa yang sama, kita kerumah mereka untuk menziarahi dengan membawa buah tangan. Seperti buah, gula, beras. Jadinya dengan yang bukan islam ini juga kita boleh bersembang dan menziarahi mereka. Saya duduk didalam kuarters di kampung ini.</p> <p>Keduanya, pendekatan dakwah untuk orang asli ini kita boleh rapat dengan melalui bersukan. Adakan perlawanan takraw dan futsal secara kecil kecilan. Kita akan menjemput semua penduduk dan penduduk sebelah juga akan turut serta. Disiti kita dapat lihat walaupun mereka berbeza agama hubungan mereka tetap rapat. Tidak kira sama ada islam, bukan islam, melayu, ustaz atau pun tidak mereka semua rapat dan boleh bercampur. Sebelum saya masuk ke kampung orang asli ini, mereka halang saya untuk masuk dulu, kini dan selamanya. Pengerusi jkk halang untuk saya masuk tapi alhamdulillah sudah 6 tahun saya disini tiada masalah besar yang saya hadapi. Walaupun di Kampung Kolam Air tok batin dan jkk adalah islam, mereka tidak benarkan penggerak untuk masuk ke kampung orang asli. Jadinya, saya masuk dengan sendirinya dengan tebal muka dan beri bantuan dengan sendirinya. Bila dah masuk saya bermesra dengan mereka sehingga mereka tidak lagi berasa asing dengan penggerak ini.</p>
4	Soalan kedua saya, berdasarkan pengalaman ustaz sendiri, apakah contoh dakwah bil hal, maksudnya dakwah melalui perbuatan yang sesuai digunakan kepada orang asli?	13:13	<p>Perbuatan ini contohnya apabila ada kenduri kahwin sama ada islam atau bukan islam kena hadirkan diri. Keduanya, jika mereka sakit, apa apa perkara yang berlaku di kampung sama ada malam atau siang kita kena juga pergi seperti kematian, sakit di hospital kita perlu pergi menziarah. Jadinya disitu mereka akan ingat kita dan mudah untuk rapat. Selain itu, bila adanya gotong royong dan mesyuarat sama ada dijemput atau tidak kita kena juga datang. Kita menghadirkan diri sebagai orang biasa dengan hanya mengikuti mesyuarat yang diadakan itu. Kita boleh beramah mesra dan kenal rapat dengan mereka. Membuat kad pengenalan, bantuan zakat, pembinaan rumah dengan bantuan JAKOA, membuka akaun bank ini memang merupakan tanggungjawab penggerak. Jika ada kematian di mana mana samaada hospital, kita penggerak yang akan pergi menuntutnya. Bgai yang islam, kita dan orang masjid akan buat dari mula sampai habis seperti mandikan, kafankan, solatkan</p>

			serta kebumikan. Bagi yang bukan islam kita juga akan pergi menziarahi di rumah dan seeloknya pergi juga sehingga ke kubur.
5	Soalan ketiga, apakah contoh kaedah dakwah bil Qalam, maksudnya penulisan yg ustaz gunakan?	16:43	Penulisan melalui whatsapp ada juga kita lakukan. Apabila ada bantuan kita ada tuliskan didalam group contohnya minggu ini ada NGO yang akan masuk kedalam kampung, jadinya mereka akan tahu dan sebarkan kepada penduduk yang lain. Mereka jika ada YB dan bantuan yang ingin diberikan mereka akan tahu dengan cepat. Sebab itu jika kita berjanji dengan mereka, jangan dimungkirkan janji itu ataupun jangan janji terus dengan mereka. Poster atau banner yang kita buat kita akan masukkan ke dalam whatsapp. Itu selalu yang kita buat. Contohnya kalau hari hari kebesaran yang kita masukkan kedalam group respon mereka akan tanya semula apa perkara yang berlaku ini. Penerimaan mereka ambil dengan pedoman dengan tidak melakukan perkara yang tidak dibenarkan. Di sini alhamdulillah penduduk terima dan boleh hadir ke dalam surau untuk majlis majlis yang diadakan.
6	Berdasarkan pengalaman ustaz, Apakah contoh kaedah dakwah bil lisan (percakapan) yang sesuai digunakan dalam berdakwah kepada orang asli?	22: 49	Bagi secara lisan ini saya lebih kepada mereka yang islam sahaja. Contohnya mereka tahu bahawa minum arak ini tidak dibenarkan, tetapi mereka masih juga ada yang minum. Kita dakwah ini tidak terlalu keras dan lembut. Kita kata arak ini bila diminum memang rasanya sedap bagi mereka tetapi akan memberi kesan dalam diri. Dalam usia 40 an nanti mereka akan menghidap kencing manis dan di akhirat nanti mereka tidak tahu apa yang akan berlaku. Saya ada juga katakan masa kini memang sedap minum arak tapi ada yang dilihat mati ditepi longkang, mati di bawah pokok, mati dengan membunuh diri gara gara minum arak ini. Saya katakan dengan mudah dan lembut melalui psikologi. Saya hanya berikan nasihat melalui

			<p>mulut, terima atau tidak terpulang pada mereka. Kebanyakan mereka yang masuk islam ini adalah disebabkan perkahwinan. Jadinya kalau minum arak ini bila mereka jumpa rakan yang minum, nak taknak mereka juga akan terjebak sekali untuk turut serta walaupun hanya seteguk. Bagi yang bukan islam, percakapan kita tidak boleh seperti menghina agama mereka. Kita katakan pada mereka dengan bertanya khabar, jadinya kita dapat rapat dengan mereka. Apabila ada program yang kita lakukan kita akan jemput juga mereka yang bukan islam ini untuk turut serta. Cumanya tidak buat di dalam surau, di luar kawasan dengan membuka khemah seperti itu. Selain itu, contoh kalau kita buat pertandingan sepak takraw, syarat pertandingan adalah untuk menutup aurat, jadi mereka faham bagi islam kita kena menutup aurat sebegitu.</p>
7	<p>Manakah cara yang ustaz gunakan untuk berdakwah kepada orang asli? Dan Mengapa ustaz memilih cara tersebut?</p>	28:45	<p>Bagi saya melalui perbuatan adalah yang paling pantas untuk dilakukan. Dan keduanya adalah melalui percakapan. Melalui perbuatan ini contohnya apabila ada penduduk orang asli yang sakit kita bawakan ke hospital. Kita sentiasa ada tidak kira malam atau siang kita akan bawa ke hospital sama ada islam atau bukan islam. Untuk pembayaran perubatan mereka kita rujuk pada jabatan orang asli. Perbuatan adalah cara yang paling berkesan untuk mereka. Kita adakan gotong royong beramai ramai dan disitu kita akan jadi lebih rapat.</p>
8	<p>Dalam pergerakan untuk berdakwah terdapat dua jenis iaitu berdakwah secara individu atau berdakwah secara berkumpulan. Yang manakah menjadi pilihan ustaz? dan Mengapa?</p>	30:52	<p>Dakwah secara individu dan berkumpulan ini ada pro dan kontranya. Ada sesetengah perkara individu ini lebih diperlukan. Orang kampung hanya perlu tahu atau kenal kita sahaja. Maksudnya bila dia kenal kita, dia lebih mesra dengan kita dan mereka akan malu atau segan untuk bermesra dengan orang lain. Jadi dengan mudah mereka mahu bercerita perkara perkara peribadi dengan kita. Bagi secara berkumpulan pula, mudah untuk jalankan perkara yang tidak mampu dilakukan secara berseorangan. Contohnya apabila adanya kematian. Kita dapat bersama sama membantu contohnya ada yang dapat bahagian uruskan jenazah, bahagian di perkuburan. Selain itu untuk ziarah juga kita kena berkumpulan. Mudah untuk pengagihan dilakukan. Selain itu, apabila ada penduduk orang asli yang ingin berkahwin atau disebabkan terlanjur. Kita kena secara beramai ramai. Biar mereka tahu untuk kita uruskan. Kita panggil lembaga adat mereka bagaimana untuk kita selesaikan. Supaya anak mereka dapat berbin atau</p>

			berbintikan kepada ayahnya. Selepas kahwin secara islam, ada adat mereka yang kena lakukan. Ada perkara perkara dilakukan secara individu dan berkumpulan....
9	Adakah peranan Orang Penting seperti Tok Batin, Ketua Kampung [Jawatan kuasa kemajuan keselamatan Kampung (JKKK)] sangat diperlukan untuk memulakan dakwah kepada Orang Asli? Mengapa?	35:53	Ianya bergantung kepada tempat juga. Bagi saya ini contohnya di masjid Dengkil ia tidak menonjol secara perbuatan dengan datang ziarah, atau adakan program tetapi mereka ada salurkan barang barang kering dengan minta kita ambil dan agihkan sendiri. Ini dilakukan oleh kampung orang melayu yang berjiran. Bagi kampung orang asli saya, tok batin dan pengerusinya adalah islam tetapi untuk membantu ini kurang dalam membantu. Ini kerana tok batin disini sudah tua dan dia sendiri kurang aktif dalam membantu. Tok batin ini jadi kerana keturunan. Hal ehwal kampung juga dia tiada fungsi sangat. Pengurusan kampung tidak diambil peduli. Pengerusi jkk ada juga bantu contoh dari segi hal ehwal kampung, kewangan surau. Mereka banyak membantu. Disini alhamdulillah setiap bulan dapat bantuan kewangan. Disini boleh dikatakan sudah lebih maju dengan kebanyakan mereka sudah bekerja. Majoriti 60 hingga 70 peratus bekerja. Tahap pendidikan mereka ada yang sehingga tahap ijazah. Semasa saya jalankan kajian, ada juga penduduk yang bekerja kerajaan. Seperti polis, cikgu, jururawat, kastam dan sebagainya. Anak anak mereka ada yang belajar sehingga ke luar negara. Jadi bagi mereka kewangan itu tiada masalah. Tapi masih ada juga segelintir yang tidak bekerja. Boleh dikatakan penduduk disini lebih maju. Ini merujuk kepada penduduk di Kampung Kolam Air. Seperti surau disana, penduduk mereka yang berikan bantuan kewangan kepada kita. Peranan orang penting ini berlainan mengikut tempat. Bagi Kampung Bukit Tampoi, tok batin dan pengerusi jkk tidak islam. Jadinya mereka tidak bantu kita. Mereka lebih bantu bagi yang kristian. Contohnya kita mahu buat kelas sebab disana tiada surau dengan kita mahu pinjam balairaya, sehinggakan zakat sendiri mahu bayar bil bulanan, dia tetap juga tidak beri. Jadinya iana bergantung mengikut tempat secara berlainan.
10	Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bil hal (Perbuatan) yang dilaksanakan kepada orang asli?	43:48	Pertama sekalinya cabaran dari segi kewangan. Apa apa perkara yang mahu dilakukan kewangan memang penting. Contoh kita mahu bawa orang asli ke JPN, minyak sememangnya kita punya sendiri. Katakan kap pengenalan mereka rosak dan perlu diganti, kos itu memang menggunakan duit kita sendiri. Kita tidak claim. Kita katakan kepada

			<p>mereka harga ini sekian sekian perlu bawa duit bersama. Bila proses pembayaran mereka akan katakan tidak cukup duit. Jadinya kitalah yang akan bantu keluarkan duit kita untuk bayar. Kalau yang jenis faham akan bayar semula, kalau tidak senyap begitu sahaja. Selain itu, seperti ziarah kita kena bawa buah tangan. Setiap bulan sakit itu mesti akan ada. Mesti kena sentiasa bawa mereka ke hospital sama ada islam atau bukan islam. Jadi kekangan kewangan itu satu masalah lah. Kadang ada yang nak pergi belajar di Johor ke, mereka akan datang ke kita dengan minta belikan tiket bas. Mereka anggap kita ini sebagai tempat mengadu dengan semua perkara akan minta pada kita. (...) zakat ada juga bantu. Contoh kalau kita buat program sukan beramai ramai mereka tiada masalah untuk datang. Sebab mereka suka.</p>
11	Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bil qalam (tulisan) yang dilaksanakan kepada orang asli?	49:10	<p>Biasalah ada yang tidak selesai melalui tulisan ini. Melalui whatsapp jika berkaitan yang islamik ada yang tiada respon. Tapi bila berkaitan sukan atau makan makan, laju sahaja mereka memberi respon. Kita ajak untuk datang ke surau contoh ajak pergi solat jumaat tapi mereka masih susah untuk terima. Kadang kita datang kerumah mereka, mereka tetap juga tidak mahu ikut. Mereka ini sensitif. Contohnya ada kursus jenazah di manamana dan kita mahukan respon mereka seminggu kita bagi tapi tiada repon. Itu perkara biasa. Tapi bukan semua yang begitu. Ada juga segelintir yang masih respon kepada kita.</p>
12	Apakah halangan atau cabaran dalam kaedah dakwah bil lisan (percakapan) yang dilaksanakan kepada orang asli?	52:55	<p>Alhamdulillah disini mereka ini mendegar sahaja, tiada yang melawan. Mereka cuma berpaling muka, dan kita boleh lihat mereka melalui mimik muka. Contohnya jika bersekedudukan. Bagi yang lelaki agak sukar sedikit untuk mereka terima apa yang kita lakukan. Mereka sedikit keras kepala tapi bagi yang perempuan setakat ini semua boleh menerima. Selain itu, kita katakan untuk mereka buat hiv test. Tapi banyak alasan yang diberikan. Kita sendiri kena bawa mereka, ambil dan bawakan ke klinik.</p>
13	Adakah wujud persepsi negatif yang ditunjukkan oleh orang melayu?	55:21	<p>Pertama sekali, orang melayu ini tidur dengan orang asli, dan kemudiannya tinggalkan mereka apabila mengandung. Ada juga yang kita uruskan kes dan kemudian dia lari semasa urusan kes separuh jalan ini. Selain itu, orang melayu ini ada yang dia datang 2 hingga 3 pagi dan balik semula pada waktu subuh. Kebanyakan mereka hanya mahu ambil dan kemudiannya tinggalkan mereka. (...) 58:58 urusan jual beli ini alhamdulillah mereka sudah tahu. Kebanyakan mereka sudah berpelajaran dan</p>

			sukar untuk ditipu. Jika mahu beli ambil, jika tidak sudah. Ramai lagi orang lain yang mahukannya. Melalui perkahwinan pula, walaupun sudah berkahwin kadang ada yang tidak memberi nafkah.
14	Apakah halangan orang asli sukar untuk menerima Islam?	1:02:02	Bila kita berborak denga mereka dan kita lihat mereka seperti sudah sebelah kaki dengan berminat tentang islam. Tapi dia kata hati dia masih belum terbuka lagi untuk masuk islam. Kadang itu jika apa apa perkara berkaitan islam, dia yang beritahu. Contohnya jika ada NGO yang ingin berikan bantuan, dia yang tolong sebarkan kepada orang lain. Cumanya dia sendiri belum terbuka hati untuk terima islam. Keduanya adalah berkaitan agama agama lain. Contohnya agama kristian susah bagi kita. Bagi agama kristian ini mereka minum, berhibur amat berbeza dengan pendekatan kita yang mengajak pergi ke surau ini. Persepsi mereka bila masuk islam ini maksudnya masuk melayu. Mereka masuk islam majoriti disebabkan untuk kahwin. Jadi susah untuk kita.
15	Adakah wujud agama lain seperti gerakan Kristian sehingga sukar untuk menyebarkan agama islam?	1:05:38	Bagi kampung Kolam Air agama kristian hanya lebih kurang 2 hingga 3 peratus sahaja. Kampung Bukit Tampoi dan Kampung Seberang Tasik ramai yang beragama kristian. Sehingga adanya geeja disana. Kita tidak boleh halang gereja ini. Kerana gereja mereka bukan seperti yang kita lihat diluar, tetapi gereja hanyalah rumah sahaja. Jadinya disitulah mereka berkumpul, masak dan gereja mereka. Keduanya mereka minta tanah. Mana mana tanah kepunyaan orang asli mereka berikan untuk bina sendiri dewan mereka. Disana mereka jalankan. Mereka turut mendapat kebenaran tok batin sendiri. Walaupun mereka kata itu bukan gereja, tapi orang kampung sendiri tahu itu gereja. Disana kekurangan kita tiada surau dan masjid. Setiap hari ahad, mereka akan berkumpul seperti kita lakukan pada hari jumaat untuk soalt jumaat. Mereka ada juga hantar orang asli ini ketempat lain untuk belajar. Mereka ada juga suruh orang asli yang islam pergi gereja untuk masak.
16	Apakah bahasa menjadi keutamaan ketika menyampaikan dakwah? Mengapa?	1:11:15	Bahasa utama bagi saya ialah bahasa melayu. Bahasa temuan pun lebih kurang dengan bahasa melayu. Tapi lagi senang kalau kita oandai bahsa orang asli. Mereka seronok dan suka untuk lebih rapat dengan kita sebab kita faham bahasa mereka. Jadi lebih senang dan cepat untuk kita rapat dengan mereka. Kadang kadang sepatuh dua ada juga keluar bahasa kelantan, tapi mereka gelak sahaja.
17	Bahasa Badan (<i>Body Language</i>), ekspresi badan	1:12:58	Ini pun penting juga. Bilama kita rasa kita boleh bergurau kita bergurau. Dan bila kita rasa marah

	atau muka antara cara berkesan untuk menjadikan komunikasi lebih berkesan ?Setuju atau tidak? Mengapa?		kita kena marah. Mereka akan tahu kita serius. Perkataan kau dan aku ini bagi orang asli adalah perkataan biasa bagi mereka. Bukan seperti awak dan saya. Jadi gerak badan ini memang penting. Tidak boleh dudk sama antara bila bergurau dan tegas. Keduanya ada tempat yang berbeza.
18	Perluakah mengkaji Latar belakang dan cara hidup kaum orang asli ? Mengapa?	1:15:48	Ini adalah sangat sangat perlu. Sebelum kita masuk kesini, kita tahu latar belakang mereka. Contohnya ada juga orang asli yang seperti ketua yang boleh pengaruhi mereka. Seperti tok baton dan pengerusi kalau mereka masuk islam mudah untuk pengaruh penduduk lain untuk masuk islam. Kita kena tahu juga latar belakaang individu ini serta keluarganya bagaimana. (...)disini ada juga tabligh yang masuk. Ada yang jenis keras ini sehingga orang asli tidak suka. Ada masuk tanpa pengetahuan tok batin juga. Mereka ada yang menghina orang asli ini samaada islam.
19	Apakah bentuk persiapan Ketika berdakwah kepada orang asli?	1:21:43	Pertamanya kita kena ada ilmu tentang cara adat orang asli, apa yang mereka suka dan tidak suka, waktu bila kita boleh pergi ziarah kerumah mereka. Contohnya anak perempuan mereka keluar tidak menutup aurat. Adakah perlu kita senyum sahaja atau berhenti angkat tangan sahaja atau mana yang sesuai. Ketiganya, ilmu agama yang paling penting. Cara dakwah yang bagaimana. Melalui perbuatan, pendekatan untuk kita mudah rapat dengan kita. Kita kena tahu suasana kampung ini bagaimana. Disitu kita boleh buat pendekatan yang bagaimana.
20	Apakah strategik komunikasi yang digunakan?	1:23:40	Mudahnya pelbagaikan dengan melalui whatsapp, dengan perbuatan dan percakapan, lenggok badan kita. Contohnya urusan kampung seperti tanah mereka, sekurangnya kita tahu masalah yang mereka hadapi. Antaranya isu tanah, pertelingahan isu anak kita perlu tahu juga. Dan berkomunikasi cuba untuk selesaikan masalah mereka. Kita jangan berjanji kepada mereka.
21	Adakah menjadi keperluan untuk pendakwah belajar tentang bahasa Orang Asli? Mengapa?	1:25:20	Memang keperluan dan kewajipan untuk belajar bahasa orang asli. Kita kena praktikkan secara tidak langsung kita akan pandai bahasa mereka. Bila kita bergaul dengan mereka, kita jadi rapat dengan mereka. Merka anggap kita ini seperti mereka bukannya orang luar. Apa apa perkara mereka akan beritahu kepada kita.
22	Adakah pemakaian para pendakwah atau penggerak akan mempengaruhi dakwah kepada orang asli? Mengapa?	1:26:53	Saya tengok pada tempat. Contoh kita diluar, jangan tunjukkan kita pakai jubah, kopiah dan serban. Mereka akan anggap kita ini orang asing walaupun mereka kenal kita. Contohnya mereka buat kenduri kahwin dan kita pakai begitu mereka akan terkejut.

			Ianya bersesuaian dengan tempat. Jangan tunjukkan yang kita ini terlalu islamik sangat. Kita nak rapat dengan mereka dan berpakaian begitu mereka memang akan rasa terkejutlah.
23	Adakah perlu membincangkan tentang islam secara mendalam kepada orang asli ? Mengapa?	1:29:50	Ini perlu dibincangkan antara pihak yang berkaitan. Maksudnya berkaitan orang kristian membina gereja. Orang asli ini tahu kita buat laporan kepada JAKIM, tetapi kita tidak boleh. JAKOA sendiri kena berikan kebenaran untuk mereka membina rumah untuk buat gereja tidak boleh. (..)

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA